

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil.16</b>	<b>Selasa</b>	<b>17 Julai 2012</b>
---------------	---------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)  
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3) (Halaman 114)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 (Halaman 25)  
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 (Halaman 63)  
Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 (Halaman 103)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- Aliran Keluar Kewangan Haram  
- *YB Senator Dr. Syed Husin Ali* (Halaman 114)
- Status Masyarakat Siam Sebagai Bumiputera  
Dalam Bidang Pendidikan  
- *YB Senator Dato' Boon Som a/l Inong* (Halaman 118)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Selasa, 17 Julai 2012

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan pendamai komuniti yang telah dilantik sebagai orang tengah dalam menangani kes serangan dan pergaduhan antara kaum dan nyatakan sejauh manakah keberkesanan Pendamai Komuniti bagi meleraikan sebarang konflik antara kaum di negara ini khususnya kepada pencapaian Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM).

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum perselisihan kadang kala timbul di kalangan manusia termasuk di kalangan anggota-anggota keluarga kerana perbezaan pandangan, personaliti, tingkah laku dan percanggahan kepentingan. Keadaan menjadi lebih mencabar lagi dalam masyarakat majmuk kerana perbezaan etnik, agama, budaya, adat resam dan bahasa serta juga dalam kawasan bandar raya kerana persaingan ekonomi, tekanan sosial, kesesakan ruang dan lalu lintas, pengaruh media sosial, persaingan politik dan sebagainya.

Oleh itu sejak kemerdekaan, Kerajaan Malaysia telah mengutamakan perpaduan negara dan integrasi nasional sebagai satu dasar pokok dalam pembinaan negara berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Gagasan 1Malaysia yang dipacu oleh Perdana Menteri kita sekarang bertujuan untuk terus menggalakkan rakyat supaya bukan sahaja bertoleransi tetapi juga menerima, menghormati bahkan meraikan kepelbagaian di kalangan rakyat berdasarkan kepada konsep keterangkuman dan kesederhanaan serta prinsip keadilan sosial. Di peringkat akar umbi, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memperkenalkan perkhidmatan *mediator community* sebagai perantara atau pendamai. *Mediator community* merupakan pihak ketiga yang terlatih dengan kemahiran untuk membantu menenteramkan keadaan, menggalakkan perundingan, mencari penyelesaian, penerimaan, persetujuan dan pendamaian antara pihak-pihak yang bertelingkah supaya tidak menimbulkan ketegangan dan mencetuskan rasa marah yang akan membawa kepada pergaduhan, serangan, demonstrasi mahupun rusuhan.

Dalam tempoh tiga setengah tahun kebelakangan ini, seramai 519 *mediator* telah dilatih dan ditauliahkan. Kebanyakannya terdiri daripada pemimpin kawasan rukun tetangga dan para pegawai JPNIN sendiri. Mereka yang terpilih dihantar untuk menghadiri kursus intensif di bawah seorang pakar psikologi sosial iaitu Dato' Dr. Wan Halim Osman sebelum ditauliahkan. Pelantikan *mediator community* tertumpu kepada kawasan-kawasan yang berisiko atau bermasalah di mana negeri Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Johor mempunyai *mediator*

*community* yang terbanyak. Mengikut rekod JPNIN, bilangan kes yang diuruskan oleh *mediator* komuniti sejak awal tahun 2010 hingga Mac tahun ini adalah berjumlah 123. Kebanyakannya berkaitan dengan hubungan sesama jiran. Sebanyak 67 kes hubungan rumah tangga dan anggota keluarga 26 kes, serta hubungan yang melibatkan remaja atau pelajar sekolah 30 kes. Kebanyakan kes telah dapat diselesaikan dengan baiknyanya.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan program ini, JPNIN telah menetapkan sasaran untuk melatih sekurang-kurangnya 300 mediator *community* setiap tahun. Mulai tahun ini, satu pangkalan data atau i-mediator telah baru dibangunkan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi melaporkan butir-butir dan status terkini kes-kes mediasi untuk pemantauan secara cekap oleh para pegawai JPNIN. Satu program *case conferencing* telah juga dirangka untuk para *mediator* berhimpun supaya dapat berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman mengenai kes-kes mediasi yang berjaya diselesaikan.

Kejayaan *mediator community* di dalam menyelesaikan kes-kes pertikaian di peringkat akar umbi memang merupakan satu faktor yang turut menyumbang kepada penurunan bilangan kes pergaduhan dan serangan yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia iaitu dari 1,104 kes pada tahun 2009 kepada 878 kes pada tahun 2011.

#### ■1010

Penurunan ini turut menyumbang kepada penurunan Indeks Ketegangan Masyarakat atau *Social Stress Index* daripada 27.9 kes per sejuta penduduk pada tahun 2008 kepada 21.6 pada 2009, 22.5 pada tahun 2010 dan 18.2 pada tahun 2011. Kita mengharapkan IKM ini akan terus menurun pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. Akhirnya, yang paling penting sekali ialah kesedaran dan komitmen para pemimpin dan anggota masyarakat terhadap keterangkuman dan kesederhanaan secara berterusan yang akan mengekal dan memastikan keharmonian dan kesepaduan masyarakat kita.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kestabilan politik dan keharmonian kaum adalah aspek penting bagi memastikan negara dapat meneruskan pembangunan dan memacu ekonomi untuk kesejahteraan rakyat. Pergeseran kaum tidak menguntungkan mana-mana pihak ibarat kata, "*menang jadi abu, kalah jadi arang*". Soalan saya, apakah pendekatan dan kaedah sistematik yang diambil kerajaan, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam menangani isu perpaduan kaum negara kita termasuk melantik lebih ramai pendamai komuniti. Sejauh manakah Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) menepati piawaian tertinggi serta diterima pada peringkat antarabangsa sebagai rujukan pelbagai pihak terutamanya pelabur asing.

Sejauh manakah Indeks Ketegangan Masyarakat dapat meningkatkan kewibawaan dan integriti dalam pentadbiran kerajaan serta diperakui di peringkat global? Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Rohani. Sememangnya Kerajaan Malaysia memang penuh sedar dan komited untuk terus memupuk keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk kita. Oleh itu, bukan sahaja program

*mediator community* yang baru sahaja diperkenalkan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini tetapi peranan Rukun Tetangga sebagai satu institusi di peringkat akar umbi memang tetap dan akan terus memainkan peranan yang penting.

Oleh itu, ianya merupakan tanggungjawab bersama kita sebagai pemimpin politik mahupun pemimpin masyarakat supaya kita mengelakkan daripada mencetuskan apa juga keadaan yang kurang sihat di kalangan rakyat kita. Mengenai Indeks Ketegangan Masyarakat atau *Social Stress Index* yang sebenarnya dibangunkan sendiri oleh Jabatan Perpaduan kita sejak tahun 2009. Ianya memang merupakan satu indeks untuk memantau keadaan berdasarkan kepada laporan-laporan kepada pihak polis mengenai pergaduhan atau serangan. Kita memantau isu-isu yang dilaporkan dalam akhbar dan media massa untuk mendapat satu gambaran menyeluruh keadaan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat kita.

Seperti yang telah saya sebut tadi, memang indeks ini telah menunjukkan penurunan khasnya dari segi bilangan kes pergaduhan dan serangan yang memerlukan campur tangan pihak polis. Ini memang satu tanda yang baik walaupun di dalam laman web, di dalam laman internet memang ada banyak isu yang dibangkitkan. Akan tetapi seperti yang disifatkan oleh Profesor Shamsul Bahri dari Universiti Kebangsaan Malaysia, rakyat Malaysia lebih mirip untuk bertikam lidah tetapi tidak bertikam parang. Maka, ini adalah menunjukkan kita sudah menjadi semakin matang dan ini telah diiktiraf di peringkat antarabangsa juga. Di mana *Global Peace Index* atau Indeks Keamanan Global yang dipantau oleh satu institusi antarabangsa secara bebas telah menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia telah meningkat. Dari tangga ke-38 pada tahun 2008, kita telah capai tangga ke-19 tahun 2011 dan tangga ke-20 pada tahun ini.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia dianggap sebagai di antara 20 negara yang teraman di dunia dan yang menduduki kedudukan yang kedua di benua Asia. Ini ialah sesuatu yang dapat membanggakan kita semua. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju bahawa tanggungjawab untuk menjaga kestabilan perpaduan negara kita ini merupakan tanggungjawab semua pihak, sama ada kerajaan ataupun parti-parti politik pembangkang. Sejarah menunjukkan bahawa berlaku Mei 1969 dan Operasi Lalang 1987. Di mana tahun 1987 pertelingkahan parti politik yang dalam Barisan Nasional sendiri hampir mencetuskan huru-hara negara dan seratus orang lebih termasuk saya ditahan di bawah ISA. Pertanyaan saya ialah apakah pelan tindakan yang bersepadu yang akan dilakukan oleh kerajaan supaya semua pihak terlibat dan perpaduan negara ini boleh dijamin berterusan? Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira bahawa kesedaran dan komitmen ini terus wujud di kalangan parti-parti pembangkang. Kalau mengikut apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Yusof tadi, saya memang setuju bahawa ini memang merupakan tanggungjawab bersama kita. Oleh itu, semua pihak bukan sahaja satu pihak, memang haruslah memainkan peranan secara positif dan konstruktif untuk menjamin keharmonian dan kesepaduan di kalangan masyarakat kita yang majmuk ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat amat gembira mendengar jawapan yang dibuat oleh Menterinya sendiri datang ke Dewan ini. Syabas saya ucapkan.

**2. Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, kemajuan pelaksanaan program penggunaan bahan api B5. Sejauh manakah penggunaan bahan api B5 itu memberi kesan terhadap alam sekitar serta perkembangan industri sawit di negara ini. Adakah kementerian bercadang memasarkan bahan api B5 di luar negara?

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada beberapa ahli jawatankuasa daripada parti *Malaysian Indian United Party* yang dipimpin oleh Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan... [Tepuk] Juga beberapa orang ketua kampung, ahli jawatankuasa kampung yang datang daripada Selama, Larut, Perak.... [Tepuk] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun melaksanakan program B5 ini iaitu adunan 5% bio bahan api sawit dengan 95% diesel petroleum di wilayah tengah meliputi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor sepenuhnya mulai 1 November 2011.

#### ■1020

Ini bererti semua diesel yang dijual di pam-pam minyak di Wilayah Tengah merupakan adunan bio bahan api sawit. Program B5 ini juga telah pun diperluaskan ke sektor bersubsidi lain di Wilayah Tengah iaitu perikanan, *Skid Tank*, *Fleet Card* dan pengangkutan air bermula daripada 15 Februari 2012. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bercadang untuk memperluaskan pelaksanaan Program B5 ke seluruh negara secara berperingkat termasuk sektor tidak bersubsidi selewat-lewatnya pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, bio bahan api sawit adalah mesra alam dan dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau berbanding diesel fosil. Selain itu bio bahan api sawit juga dapat menyumbang kepada pelapisan asap kenderaan yang lebih bersih dan juga meningkatkan prestasi enjin. Dari segi impak kepada industri sawit adalah dianggarkan penggunaan sebanyak 100,000 tan biodiesel sawit di bawah Program B5 di Wilayah Tengah dapat membantu kepada peningkatan harga sebanyak RM69 dan RM15 se tan bagi minyak sawit mentah dan buah tandan segar (BTS) masing-masing.

Dengan kata lain dianggarkan harga MSM atau BTS akan meningkat sebanyak RM400 dan RM87.00 se tan masing-masing apabila program ini diperluaskan ke seluruh negara. Secara tidak langsung pendapatan pengusaha sawit terutamanya para pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan. Di samping itu ia juga dapat membantu melonjakkan imej negara di peringkat antarabangsa sebagai salah sebuah negara di dunia yang telah melaksanakan Program Tenaga Boleh Diperbaharui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan pengeksporan bio bahan api sawit. Pada tahun 2011, Malaysia telah mengeksport bio bahan api sawit sebanyak 49,999

tan metrik bernilai RM179.72 juta ke beberapa negara termasuk Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia. Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Jawapan yang begitu padat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, adakah biodiesel ini *cost effective*? Apakah penjimatan kerajaan terhadap biodiesel ini memandangkan di pasaran antarabangsa harga petrol yang tidak menentu dan berapa kos *infra* yang kerajaan peruntukkan untuk tujuan biodiesel ini? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon. Tentang *cost effective* bagi mengeluarkan B5 untuk negara, kita kena melihat dan bandingkan dari segi pengeluaran minyak sawit begitu sahaja dan dijadikan sebagai bio diesel dan dijual ke seluruh dunia ataupun penggunaan yang kita buat dalam negara kita memberi keuntungan secara tidak langsung.

Pertama yang saya ingin jelaskan adalah supaya apabila kita menggunakan bagi keseluruhan negara pada tahun 2014, kita menganggarkan penggunaan sebanyak 500,000 tan minyak sawit diesel B5. Ini akan menyebabkan stok minyak sawit kita berkurangan dan mungkin anggaran kita menyebabkan ada peningkatan dari segi harga minyak sawit di seluruh dunia. Maka ini dapat memberikan keuntungan.

Oleh sebab itu apabila kita membandingkan dari segi kos efektif penggunaannya hanya kita bandingkan melalui harga penjualan minyak sawit di seluruh dunia apa kita dapat mengurangkan stok tadi. Ia juga dapat memperkukuhkan permintaan tambahan ini dan ia akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang saya katakan tadi. Kita menganggarkan apabila kita menggunakan 500,000 tan B5 minyak sawit, kita dapat mengurangkan sekurang-kurangnya 1.5 juta Co2 *emissions* dalam negara kita. Maka ini boleh kita menjadikan kalau kita bandingkan dengan keseluruhan harganya tadi, kita boleh katakan ianya agak efektif juga.

Dari segi kos *infra* saya hendak jelaskan buat setakat ini kerajaan telah pun memperuntukkan satu jumlah yang agak besar. Sehingga sekarang hampir RM300 juta untuk kita gunakan bagi membina depoh-depoh di seluruh negara kita termasuk Sabah dan Sarawak. Buat setakat ini hanya enam depoh yang telah pun siap iaitu hanya di peringkat Wilayah Tengah sahaja. Terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah insentif yang diperkenalkan oleh pihak kementerian bagi pihak-pihak yang menghasilkan bahan api B5 ini serta insentif fiskal kepada pengguna-pengguna bahan api B5 ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Buat masa ini kita tidak memberikan dari segi insentif yang besar kepada mereka yang mengeluarkan bio diesel ini. Akan tetapi kita hanya memberikan subsidi pada penggunaan bio diesel atau bio bahan api B5 di seluruh negara. Kita menganggarkan peruntukkan di antara lima atau enam sen satu liter. Itu adalah anggaran kita buat masa ini kerana ia mengikut daripada kadar harga minyak sawit antarabangsa.

Jadi keseluruhan jumlah kalau dibandingkan dengan penggunaan sebanyak 500,000 tan ia akan menelan belanja hampir RM300 ke RM400 juta setahun. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa ramaiakah warganegara Malaysia yang terlibat dalam kes jenayah perdagangan manusia telah berjaya ditangkap setakat ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Dayang yang telah mengemukakan pertanyaan.

Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Sejak dikuatkuasakan sehingga 31 Mei 2012, sebanyak 694 tangkapan telah dibuat oleh agensi penguat kuasa yang terlibat iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja. Berdasarkan statistik tersebut, 518 atau sebanyak 75% daripadanya adalah rakyat Malaysia manakala selebihnya adalah terdiri daripada warganegara asing. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, antara usaha yang diambil oleh kerajaan adalah melalui pindaan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 yang kemudiannya dikenali sebagai Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007.

Melalui pindaan ini kadar penalti bagi kesalahan pemerdagangan orang telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta. Selain itu kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang sebagai satu bantuan untuk melaksanakan usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang.

#### ■1030

Pelan Tindakan Kebangsaan ini menggariskan strategi kerajaan dalam membanteras jenayah ini di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Di peringkat domestik, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran di kalangan anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Kemahiran dan kefahaman anggota ini perlu dipertingkatkan kerana mereka adalah anggota barisan hadapan yang perlu berhadapan dengan kes-kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Selain itu, program-program kesedaran awam telah diperhebatkan termasuklah mengadakan kempen-kempen kesedaran awam, menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama di KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta lapangan terbang antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa pula, kerajaan telah mengatakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom dan juga beberapa pertubuhan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada macam-macam akta, undang-undang, peraturan, tetapi masalah dagang manusia terus meningkat. Naik, naik, naik dan naik. Tidakkah KDN sedar bahawa terdapat aspek domestik seperti penguatkuasaan dan kawalan sempadan merupakan faktor atau pun penyumbang utama kepada meningkatnya kes-kes dagang manusia. Kalau ya, sila bantangkan. Kalau tidak, mengapa? Adakah aspek lain juga turut memberikan sumbangan? Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tindakan penguatkuasaan, PDRM telah mengambil inisiatif di mana pihak polis telah menasarkannya satu *district* satu *Investigation Officers* sebagai pakar rujuk untuk memastikan kes-kes pemerdagangan orang, penyeludupan migran dapat dikendalikan dengan lebih teratur.

Bagi pintu-pintu masuk ke negara ini, memang pihak imigresen juga ada prosedur yang tertentu yang mana warganegara asing kalau hendak masuk ke dalam negara, dan memang setiap warga negara asing perlu diambil *biometric* mereka. Itu antara satu kaedah untuk mengetatkan permasalahan pemerdagangan orang. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sedikit. Soalan saya, kenapa ia terus meningkat, kenapa terus meningkat?

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, pergerakan manusia antara satu negara ke negara lain sekarang memang menjadi macam satu fenomena. Jadi hendak mengetatkan kemasukan pun bukanlah senang juga. Kita kena bekerjasama dengan NGO dan negara-negara antarabangsa. Jenayah ini adalah isu global yang berlaku tidak sahaja di Malaysia, ia juga berlaku di mana-mana negara. Usaha bersama perlu dipertingkatkan bagi membanteras jenayah ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mohon secara bertulis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat, terima kasih.

4. **Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, setelah mengambil pengajaran dari isu kelemahan yang timbul dari Perjanjian Jual Beli Tenaga elektrik iaitu *Power Purchase Agreements* atau PPAs, yang jelas berat sebelah (*lopsided*) dan menyusahkan rakyat, apakah pendekatan kerajaan untuk memastikan segala perancangan menangani masalah sektor bekalan tenaga elektrik yang telah berlanjutan sekian lama dapat diatasi sebagaimana cadangan atau unjuran mengikut Dasar Tenaga Negara yang pernah dirangka suatu masa dahulu.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, Dasar Teknologi Negara telah dibentuk oleh kerajaan pada tahun 1979 dan dasar ini telah menetapkan tiga objektif utama iaitu:

- (i) memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, selamat dan dibekalkan pada kos yang munasabah;
- (ii) menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap; dan
- (iii) meminimumkan kesan negatif aktiviti tenaga terhadap alam sekitar.

Sehubungan itu, sebarang perancangan kerajaan berhubung dengan pembekalan elektrik di negara ini dilaksanakan selaras dengan Dasar Tenaga Negara ini termasuklah memperkenalkan penjanaan kuasa bebas iaitu *independent power produces* dengan izin, IPP, iaitu bagi memastikan pembekalan elektrik di Semenanjung sentiasa mencukupi dan selamat.

Seperti mana yang telah diumumkan juga, langkah kerajaan memperkenalkan IPP adalah bagi mengatasi masalah krisis kekurangan kapasiti penjanaan pada sekitar tahun 1990 an. Pengenalan IPP pada ketika itu adalah bertujuan menstabilkan sistem pembekalan elektrik daripada mengalami gangguan seperti *brownout* atau *blackout*, dengan izin. Pihak IPP telah mengambil risiko membangunkan loji jana kuasa dengan menggunakan pembiayaan institusi kewangan tempatan yang mana pada ketika itu konsep IPP adalah merupakan satu perkara yang masih baru di negara ini.

Keempat, berdasarkan pengalaman dari pelaksanaan IPP generasi pertama tersebut, kerajaan telah memperhalusi dan menambah baik terma-terma di dalam *Power Purchase Agreement* (PPA) dengan izin, yang lebih baik bagi IPP generasi kedua, dan seterusnya generasi ketiga di mana elemen dengan izin, *demand risk sharing* telah diperkenalkan.

#### ■1040

Seterusnya bagi membolehkan pengguna mendapat nilai yang terbaik, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambil pendekatan *least-cost*, dengan izin dalam penjanaan. Sebarang pembinaan bagi stesen jana kuasa baru mahupun penyambungan tempoh operasi mana-mana stesen jana kuasa sedia ada dilaksanakan kini perlu juga melalui proses pembinaan kompetitif seperti mana yang sedang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga pada waktu ini untuk memenuhi unjuran permintaan tenaga selepas tamatnya tempoh konsesi IPP generasi pertama. Sekian.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri untuk menjawab. Saya ada dua soalan tambahan. Pertamanya, syarikat-syarikat swasta dan pemegang-pemegang saham IPP ini adalah kelompok istimewa yang dijaga rapi oleh kerajaan menerusi dasar yang telah dirancang dan dilaksanakan sendiri sejak tahun 1993. Dasar ini dipertahankan walaupun menterinya berubah-ubah. Kita sering mendengar jawapan bila kita tanya tentang untuk memperbaiki IPP ini, perundingan sering dikatakan sedang berjalan tetapi tidak ada sebarang perubahan sehingga hari ini.

Persoalan saya adalah pertamanya, apakah isu fundamental dan *structural* dalam sektor elektrik yang sudah pun diselesaikan oleh kerajaan sehingga kini? Kedua, berkaitan juga tentang masalah sektor tenaga negara terutama ketika tahun lalu bila negara menghadapi masalah bekalan tenaga gas yang memberikan impak yang besar kepada TNB dari segi kewangan. Di mana TNB terpaksa menanggung kos tambahan kira-kira RM3 bilion untuk membeli bahan bakar alternatif seperti *distillate*, diesel dan sebagainya. Difahamkan satu keputusan telah dibuat oleh kerajaan di mana kos

tambahan sebanyak RM3 bilion ini ditanggung bersama hanya oleh tiga pihak iaitu kerajaan, Petronas dan TNB.

Persoalannya, mengapakah di dalam soal ini pihak IPP tidak sama sekali dilibatkan bagi berkongsi menanggung kos tersebut bersama-sama tiga pihak yang saya telah sebutkan tadi. Saya rasa situasi ini tidak memberikan keadilan kepada pihak kerajaan kerana pihak IPP telah menikmati pelbagai faedah dan apabila timbul krisis seperti ini, pihak IPP tidak diarahkan untuk sama-sama berkongsi dengan kerajaan. Saya mohon penjelasan tentang dua persoalan ini.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tuduhan bahawa kerajaan sentiasa jaga kepentingan IPP ini, saya hendak sebut di sini iaitu tidak betul dan itu pandangan Yang Berhormat dan tidak ada asas bahawa kerajaan sentiasa jaga kepentingan syarikat-syarikat IPP itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi, bahawa kita hendak sedar bahawa IPP generasi pertama yang diwujudkan hanya lima dan jumlah kapasiti mereka adalah lingkungan 4,000 megawatt kalau dibandingkan dengan keseluruhan keperluan tenaga di negara iaitu 15,000 megawatt. Itu bukan sangat besar. Pada tahun 90-an Tuan Yang di-Pertua, memang negara kita mengalami masalah krisis kapasiti, krisis tenaga di mana kita tidak mencukupi tenaga. Jadi sebab itu, untuk mengelakkan kejadian yang berlaku di dalam tahun 1992 dan 1996 di mana seluruh Semenanjung ini gelap sebab tidak ada cukup kapasiti khususnya dalam tahun 1992 kalau kita masih ingat.

Jadi sebab itu, dan sebab negara kita ini terus membangun, terus memerlukan kapasiti dan masa itu kerajaan kena ambil tindakan yang cepat dan wajar untuk mendapatkan kapasiti penjanaan yang mencukupi supaya kita tidak dilanda krisis tidak cukup tenaga. Pada masa itu, penswastan yang kita tahu LLN ini baru dikorporatkan sebagai satu korporat. Sebagai satu korporat, *corporate corporation* ini, ITNB ini kena ada keupayaan untuk meminjam daripada bank-bank swasta. Pihak kerajaan masa itu memutuskan, kita buka kepada pihak swasta supaya pihak swasta dapat juga memainkan peranan untuk mewujudkan loji jana kuasa elektrik di negara kita ini. Masa itu, kita hanya membenarkan lima IPP untuk mewujudkan kapasiti.

Saya faham bahawa pada masa itu kalau kita tidak ambil tindakan yang cepat, maka LLN sebab tidak mempunyai kapasiti, *financial capacity* dengan izin, negara kita akan terus menghadapi masalah kekurangan kapasiti tenaga. Macam mana kita hendak membangunkan negara, hendak menarik pelaburan daripada luar, kalau perkara yang asas ini kita tidak boleh adakan di negara kita.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, maka kerajaan masa itu mengambil tindakan dengan keupayaan mereka, masa itu EPU, untuk memproses perjanjian-perjanjian yang tertentu yang disampaikan oleh pihak syarikat swasta. Kalaulah kita katakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dalam soalan iaitu kita berat sebelah tentang IPP ini.

■1050

Selepas daripada ini, Tuan Yang di-Pertua maka EPU sudah laksanakan kaedah-kaedah yang lebih baik seperti apa yang kita sebut sebagai generasi yang kedua di mana jumlah kapasiti

yang berada untuk generasi kedua ini ialah 5,102 megawatt dan seterusnya ke generasi ketiga di mana jumlah kapasitinya ialah 5,570 megawatt.

Apabila kita masuk dalam generasi kedua dan ketiga ini pihak EPU, pegawai-pegawai atasan kita di dalam MOF, EPU dengan kementerian saya sudah tahu cara selok-beloknya untuk memperbaiki rundingan IPP berkenaan supaya kita letak syarat-syarat yang lebih ketat, lebih adil kalau kita hendak sebut adil. Adil kepada siapa? Kepada TNB dengan pengguna dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua kita laksanakan cara-cara, langkah-langkah untuk memperbaiki situasi ini. Kalaulah sesuatu IPP hari ini pihak ST, Suruhanjaya Tenaga telah ambil tindakan untuk meminta pembidaan antarabangsa, pembidaan kompetitif antarabangsa dan sedang dilaksanakan sekarang. Di antara generasi pertama itu Yang Berhormat, iaitu YTL, Segari, Genting Sanyang, Powertech dengan Port Dickson Power, mereka juga dalam satu kumpulan untuk melaksanakan di antaranya supaya mereka laksanakan pembidaan kompetitif untuk *force first generation* iaitu mulai 2016 - 2017.

Apa sebab kita masih membenarkan syarikat-syarikat ini untuk melaksanakan pembidaan sebab kita rasa loji-loji yang berkenaan itu masih ada hayat untuk digunakan lagi. *It is still usable assets*, dengan izin. Sebab ia dianggap sebagai *usable asset, still viable* untuk menjanakan elektrik maka kita kumpul mereka dalam satu kumpulan supaya dalam kumpulan ini mereka yang melaksanakan pembidaan kompetitif dan asas pertimbangan ST, Suruhanjaya Tenaga bagi proses-proses ini sama ada antarabangsa atau domestik kita gunakan kaedah *least-costs*, dengan izin, iaitu harga yang terendah. Kalaulah pembidaan itu sesuatu pembidaan itu menunjukkan mereka hantarlah *bid* mereka yang teristimewa yang dengan kadar yang terendah seumpamanya bayaran kapasiti, *capacity payment* atau CRF atau VOR. Mereka letakkan satu asas yang terbaik yang kita anggapkan yang terbaik.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut juga antara pembidaan-pembidaan kompetitif ini kita juga letakkan apanya IRR – *internal rate of return* dari setiap janakuasa itu sebagai 8.5% sahaja. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah setaraf atau setanding dengan mana-mana IPP di dunia ini. Maksudnya kerajaan sudah ambil langkah-langkah untuk memperbaiki situasi IPP yang menyumbang kepada jumlah kapasiti yang kita perlukan di negara ini, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Belum terjawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Soalan kedua saya belum terjawab tentang sumbangan RM3 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Ini harga gas yang naik itu memang betul, perbelanjaan yang lebih tinggi itu yang dipertanggungjawab oleh pihak TNB kerana terpaksa menggunakan *distillate* sebab kita tidak cukup gas. Gas kita hadapi masalah *offshore*, dengan izin. Sebab pihak Petronas, loji-loji pihak Petronas menghadapi masalah seperti mereka kenalah berhenti untuk melakukan penyelenggaraan dan sebagainya dan kadangkala juga *force outage* di mana loji tersebut

menghadapi masalah mekanikal dan perlu ditutup dan sebab itu dalam tahun lepas dengan tahun ini memang benar, harga gas sudah naik di pasaran antarabangsa dan kita kena menanggung satu perbelanjaan yang besar.

Kalau perbelanjaan ini Tuan Yang di-Pertua kita hanya tumpu, berikan atau kita hadkan kepada TNB sahaja, itu pun tidak adil sebab TNB hanya beli gas. Masalah sekarang ialah tidak cukup beli gas dan sebab tidak cukup beli gas maka Petronas juga kena tanggungjawab. Kalaulah kita berikan semua ini kepada Petronas itu pun tidak juga adil sebab Petronas bukan masalah sebagai kecuaiian atau apa, sebab memanglah dalam operasi ini kita hadapi masalah, risiko yang cukup tinggi apabila aset ini, jentera-jentera ini sudah lama.

■1100

Oleh sebab itu, maka kerajaan mengambil keputusan bahawa RM3 bilion dibahagikan kepada tiga pihak iaitu TNB, Petronas dan kerajaan. Apa sebabnya IPP tidak diberi tanggungjawab juga? Tuan Yang di-Pertua, dalam semua perjanjian ini, kerajaan sudah ambil satu keputusan, satu dasar iaitu *fuel is a passed through element - cost passed through*.

Maknanya kalau ada kenaikan bahan api seperti gas atau *distillate* dan sebagainya, ia bukan satu perkara yang IPP boleh bertanggungjawab sebab IPP ini, perjanjian atau PPA yang kita meterai itu adalah perkara ini diasingkan. Ini sebab kalaulah kita sebut mereka kena bertanggung jawab maka apabila kos itu naik, mereka kenalah jual *electricity* yang lebih tinggi kepada TNB. Ini ikut pasaran. Kalau kita begitu, maka situasi di pasaran elektrik di Malaysia ini tidak stabil. Kita tengok pada hari ini harga kita bayar tarif kita stabil, tidak naik tidak turun. Kalau kita terpaksa IPP bertanggungjawab tentang *fuel cost* ini maka kos ini kenalah masuk dalam elektrik yang mereka jual kepada TNB.

Itulah sebabnya sebagai satu dasar kerajaan katakan *fuel* ini, bahan api ini sebagai satu *passed through* elemen kepada TNB dan kerajaanlah apa sebabnya elektrik kita pada hari ini masih dalam lingkungan yang stabil. Ini sebab kerajaan yang ambil tindakan untuk mensubsidizekan atau Petronas jual gasnya dengan harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan tidak boleh membenarkan Petronas menaikkan harga gas dan minyak. Itu penjelasan yang saya hendak sampaikan, apa sebabnya pihak IPP tidak dikenakan untuk tanggungjawab kos yang naik itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Haji Ahamad Yusop.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab segala persoalan yang telah ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat Senator Saiful. Isu-isu yang berkaitan dengan IPP sama ada *first generation* mahupun langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani supaya tidak berulang segala kelemahan yang berlaku kepada IPP *First Generation*.

Soalan saya ialah tentang Projek Janakuasa Bakun. Bagaimanakah kedudukan projek tersebut pada masa kini? Bilakah ia akan mula beroperasi? Seterusnya dengan pertambahan IPP dan juga operasi Projek Janakuasa Bakun ini nanti, tidakkah kita akan mempunyai satu keadaan di mana tenaga elektrik boleh dikatakan *oversupply*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun Bakun ini tidak ditanya dalam soal asal, tetapi saya hendak maklumkan untuk makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat iaitu elektrik daripada yang dijanakan di Empangan Bakun ini, kerajaan sudah ambil keputusan tidak hantar elektrik ini daripada Sarawak ke Semenanjung Malaysia. Ini satu keputusan dasar. Sudah diputuskan oleh pihak kerajaan dan oleh sebab itulah kita tidak bina dua kabel yang kita rancangkan untuk mendapatkan saluran elektrik itu dari Bakun ke Pontian di Johor. Itu tidak akan berlaku.

Oleh sebab itu apa permintaan tambahan kapasiti elektrik yang kita alami di dalam Semenanjung Malaysia ini kita kenalah mewujudkan loji jana kuasa untuk memenuhi segala permintaan ini. Oleh sebab itulah ia tidak akan ambil kira jumlah kapasiti yang kita kena laksanakan dan tarif yang kita akan kaji untuk pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana jawapan daripada seorang menteri yang mempunyai KPI baik, dia menjawab semua soalnya baik. Kita amat menghargai kerana inilah contoh-contoh jawapan yang boleh Dewan Negara terima dengan penuh semangat keterbukaan.

5. **Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, kerajaan pernah mengumumkan untuk menjual flat DBKL kepada penyewa pada dasar sewa beli. Berikan bilangan yang telah dijual kepada penyewa dan bilangan yang masih disewa.

**Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah meluluskan penjualan 44,140 unit Perumahan Projek Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan juga Perumahan Awam Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur di wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perumahan ini dijual kepada penyewa sedia ada melalui proses pembelian biasa dan bukannya sewa beli.

Sehingga 31 Mei 2012, daripada 37,133 unit yang ditawarkan, setakat ini 5,352 penyewa telah menyelesaikan proses pembelian. Di mana bagi tahun 2012 pula, sehingga 21 Jun yang lalu seramai 4,466 penyewa telah bersetuju menerima tawaran skim pembiayaan khas yang dianjurkan ataupun diselenggarakan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan. Senarai 4,194 permohonan telah dihantar ke Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan.

Seterusnya surat tawaran skim fasa kedua, melibatkan lebih kurang 10,798 penyewa dan telah diberikan surat tawaran telah mula diedarkan secara berperingkat-peringkat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan amat berharap melalui skim penjualan perumahan ini akan memberi peluang yang lebih baik kepada rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memiliki rumah sendiri dan seterusnya mencapai hasrat kerajaan ke arah merealisasikan satu keluarga satu rumah.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan satu jawapan yang tadi.

■1110

Keseluruhan yang penyewa dengan DBKL adalah warga yang berpendapatan rendah. Juga didapati ramai daripada mereka ini di senarai hitamkan oleh CCRIS dan juga CTOS atas hutang yang tidak bayar atas pembelian perkakas rumah. Beratusan atau beribuan. Satu ribu, dua ribu *I think*. Akan tetapi mereka ini sukar untuk mendapatkan sebarang pinjaman daripada institusi kewangan. Soalan tambahan saya adalah adakah DBKL membantu golongan ini untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan ataupun DBKL sendiri akan meminjamkan wang kepada pembeli rumah-rumah ini? Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sedar bahawa ada golongan-golongan yang menyewa rumah-rumah PPR ini ataupun perumahan awam ini yang menghadapi kesulitan kewangan. Satu, dari segi *diblacklist* seperti yang disebutkan dengan izin ataupun oleh kerana setelah meningkat umur oleh kerana mereka sudah duduk sekian lama di rumah-rumah itu, mungkin mereka sudah sampai ke tahap umur sudah pencen. Jadi oleh kerana itu pada tahun lepas Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan telah menawarkan skim yang saya sebut tadi iaitu pinjaman daripada anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan iaitu Skim Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan kepada mereka-mereka yang layak untuk membeli rumah-rumah ini dan tidak dapat pinjaman daripada pihak bank.

Skim ini adalah pembiayaan daripada KWSP melalui Yayasan Wilayah Persekutuan dan dijamin oleh DBKL. Jadi DBKL sendiri tidak terlibat dalam soal pinjaman supaya tidak ada *conflict of interest* apatah lagi dengan izin, *political conflict of interest*. Oleh kerana kalau DBKL, kalau kerajaan yang terlibat dengan pinjaman apa yang kerap berlaku apabila kita ambil tindakan pemimpin politik baik daripada pembangkang ataupun daripada Barisan Nasional akan jumpa dengan saya mengatakan mereka ini adalah penyokong-penyokong dia dan akhirnya seorang pun tidak akan bayar. Ini akan menjadi satu masalah yang besar kepada pihak kerajaan. Jadi melalui skim ini adalah satu agensi yang berasingan. Jadi mereka yang membeli ini perlu bertanggungjawab membayar hutang-hutang yang perlu dijelaskan.

*Alhamdulillah* seperti saya sebut tadi lebih kurang 4,000 lebih sudah menerima tawaran untuk bersama dalam pinjaman ini. Kita sudah masuk kepada fasa kedua di mana kita akan menawar lagi lebih kurang kepada 10,798 lagi kepada mereka-mereka yang hendak membeli tetapi tidak -mungkin berkemampuan atau mungkin takut kepada pihak bank. Akan tetapi pada pihak kerajaan kita hendak membantu mereka membeli rumah-rumah kos rendah ini.

6. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk membendung masalah kebakaran rumah dan rumah kedai yang kerap berlaku akhir-akhir ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa memandang serius kejadian-kejadian kebakaran yang melibatkan rumah kediaman dan juga rumah kedai. Sehubungan dengan itu beberapa langkah dan tindakan pencegahan telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya dengan mengadakan siri ceramah keselamatan, kebakaran, demonstrasi memadam kebakaran, pameran keselamatan kebakaran, latihan pengungsian bangunan dan juga *mock drill*.

Ceramah keselamatan kebakaran bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan keselamatan kebakaran kepada isi rumah. Aktiviti ini dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Penduduk atau JBPM sendiri. Melalui ceramah seumpama ini JBPM akan menekankan tentang risiko kebakaran yang wujud di dalam rumah dan juga tatacara yang selamat menangani risiko tersebut. Kaedah ini merupakan salah satu cara terbaik kerana ia ditunjukkan terus kepada isi rumah. Selain daripada itu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga turut mengadakan demonstrasi memadam kebakaran bertujuan untuk menunjukkan tatacara yang betul menggunakan alat pemadam yang terdapat di dalam bangunan.

Bagi bangunan kediaman bertingkat latihan pengungsian bangunan serta *mock drill* juga diadakan bagi memudahkan pengundi menangani kebakaran di peringkat awal, memudahkan pengungsian bangunan dengan cara yang teratur cepat dan betul. Selain daripada itu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga turut menganjurkan pameran keselamatan. Kebakaran yang merupakan salah satu kaedah digunakan bagi meningkatkan kesedaran terhadap aspek keselamatan kebakaran kepada isi rumah. Melalui pameran yang diadakan risalah dan buku-buku panduan berkaitan dengan keselamatan kebakaran di rumah diedarkan kepada golongan sasaran. Contohnya risalah penggunaan alat pemadam api, kawat pengungsian isi rumah dan juga mencegah kebakaran di dapur. Manakala buku panduan keselamatan kebakaran seperti garis panduan pemasangan garaj dan juga keselamatan kebakaran di rumah. Sekian.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri sahabat saya. Soalan tambahan saya ialah kebakaran merupakan satu tragedi yang membawa trauma berpanjangan kepada mangsa. Bukan hanya harta benda yang hilang malah kadangkala mangsa menjadi fobia disebabkan kes kecederaan kekal yang dialami juga kes-kes kehilangan nyawa. Bayangkan kehilangan anggota keluarga di mana ianya bakal meninggalkan kesan mendalam kepada mangsa. Ini tidak termasuk kerugian yang terpaksa ditanggung oleh si mangsa sebabkan tragedi ini. Adakah pendekatan yang dicadangkan yang boleh diambil oleh pihak kementerian termasuk agensi bomba dan penyelamat yang berperanan sebagai agensi penyelamat serta pihak berkuasa tempatan.

Dalam memperketat undang-undang kecil kerajaan tempatan supaya dapat usaha memastikan bangunan deretan kedai dan rumah teres yang bersambung struktur binaannya selamat untuk didiami draf polisi dan undang-undang baru perlu diwujudkan. Ini supaya kita tidak hanya bergantung kepada undang-undang sedia ada seperti mewajibkan pemaju menggunakan bahan

binaan material yang kalis api, bahan binaan yang selamat serta proses pengeluaran CF dengan izin, *Certificate of Fitness* yang lebih ketat dan komprehensif. Juga bagaimana Kementerian melihat rumah kedai *pre-wall building*, dengan izin, yang dibina sebelum perang dunia kedua yang masih digunakan sebagai daya tarikan pelancong yang beroperasi sebagai premis perniagaan berbentuk *retail*, dengan izin. Di mana saya difahamkan struktur bangunan ini walaupun secara asasnya kuat tetapi tidak menepati ciri-ciri keselamatan dari kebakaran secara moden serta tidak dilengkapi oleh teknologi moden.

Contoh *sprinkler dictator* dengan izin, dan lain-lain yang boleh dirumuskan terdedah kepada ancaman kebakaran. Juga bagaimana pihak Kementerian sendiri melihat kes-kes kebakaran yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu jangan panjang sangat. Tambahan, silakan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Soalan saya ialah mana-mana lihat peniaga yang menuntut perlindungan insurans-insurans setelah mengalami kerugian dalam aktiviti perniagaan mereka. Antaranya perniagaan di rumah kedai secara terus. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi soalan yang pertama mengenai dengan adakah Kementerian ataupun kerajaan, agensi Jabatan Bomba dan sebagainya memperkatakan peraturan dan juga undang-undang ataupun UKK yang ada di pihak berkuasa tempatan? Memang itu adalah merupakan satu undang-undang yang perlu dikuatkuasakan. Setiap bangunan yang akan dibina mestilah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan diikuti dengan agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan dan lain-lain jabatan.

#### ■1120

Jika sekiranya jabatan-jabatan yang berkaitan ini tidak akan memberikan sokongan ataupun tidak meluluskan, maka setiap permohonan untuk membangunkan kediaman ataupun membangunkan kedai komersial misalnya tidak akan dapat dibina dan tidak akan diluluskan.

Sementara bahan-bahan yang digunakan juga adalah bahan-bahan yang berkualiti. Saya yakin dan saya percaya bahawa ini juga sebahagian daripada usaha-usaha yang akan dilakukan oleh PBT yang berkenaan supaya memastikan bahan-bahan yang diguna itu adalah mengikut *specs* ataupun yang akan digunakan itu haruslah mengikut *specs* yang telah ditentukan dalam kelulusan *design* dan juga kelulusan-kelulusan yang telah diberikan oleh pihak *authority* yang harus bertanggungjawab. Itu bagi soalan yang pertama.

Bagi soalan yang kedua, mengenai dengan bangunan-bangunan yang lama yang menjadi sejarah. Memang Jabatan Bomba sentiasa menasihatkan kepada pengguna-pengguna ataupun mereka yang masih berniaga di kedai-kedai yang rasanya sudah dibina sejak, sebagai contoh ada beberapa kedai di kawasan saya sendiri pun dibina sejak tahun 1948 iaitu selepas Perang Dunia Kedua. Akan tetapi oleh kerana kadang-kadang masalahnya ialah desakan daripada penghuni atau pemilik itu sendiri bahawa sehingga mereka sanggup mengatakan tidak ada insurans pun boleh asalkan mereka boleh berniaga. So, ini pun di antaranya kadang-kadang menjadi masalah kepada

kita sebab itu adalah merupakan bangunan mereka. Akan tetapi Jabatan Bomba juga akan *certified* bahawa berkemungkinan jika sekiranya bangunan itu termasuklah bangunan kayu betul-betul tidak selamat, maka Jabatan Bomba tidak akan membenarkan terutama sekali lesen perniagaan akan tidak dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Ini langkah-langkah konkrit bersama dengan pihak PBT. Jadi, saya juga ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bagi Wilayah Persekutuan Labuan, pada tahun 2010 kebakaran kedai hanya lima dan rumah kediaman sepuluh hingga 15. Pada tahun 2011, kedai hanya dua dan rumah kediaman ada tujuh. Jadi, nampaknya ada penurunan dan ada peningkatan kecekapan di kalangan pegawai-pegawai bomba di Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhannya, kebakaran ini yang kita tidak dapat kawal ialah kebakaran lalang, misalnya di Wilayah Persekutuan kalau tidak silap saya pada bulan Februari, kalau tidak silap saya kebakaran lalang meningkat. Kebakaran hutan, ada sepuluh kebakaran hutan di Wilayah Persekutuan. Jadi, itu yang meningkat akan tetapi kebakaran-kebakaran lain seperti bangunan tidak meningkat, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Majjol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sering kali kita mendengar dari semasa ke semasa aduan ataupun rintihan orang ramai bahawa apabila kebakaran berlaku ke atas rumah atau bangunan, Jabatan Bomba bertindak lambat datang ke tempat kejadian yang mana memburukkan lagi keadaan sampai tidak dapat menyelamatkan rumah atau bangunan yang terbakar. Adakah rintihan ini ataupun kekhuatiran ini betul atau tidak. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan itu. Sebenarnya kelewatan ini berlaku disebabkan beberapa perkara terutama sekali apabila *distance* ataupun kejauhan antara balai bomba dengan tempat yang terbakar. Sepatutnya Jabatan Bomba dalam peraturan mereka, mereka mesti sampai dalam tempoh sepuluh minit atau *response time* itu dalam masa sepuluh minit. Masalah yang kedua pula adalah dari segi laluan di mana kadang-kadang Jabatan Bomba, bukan sekadar Jabatan Bomba tetapi jabatan-jabatan seperti ambulans dan sebagainya kurang mendapat kerjasama daripada pihak umum sehingga menyukarkan kereta-kereta bomba untuk cepat sampai kerana berlakunya *traffic jammed* dan sebagainya. Itu pun antara punca.

Seterusnya juga, kadang-kadang punca tekanan air di tempat yang terbakar itu di mana puncanya adalah kita punya air itu tidak dapat atau tidak boleh membekal air yang secukupnya untuk memadam kebakaran. Itu pun di antara perkara yang berlaku. Seterusnya juga berlaku tentang pili bomba ini, kadang-kadang pihak *public* tidak bertanggungjawab. Sepatutnya kita sudah ada Rakan Pili Bomba di mana di setiap kampung ataupun di setiap taman kita ada Rakan Pili Bomba di mana mereka secara sukarela untuk menjaga pili bomba ini. Akan tetapi kadang-kadang kita ada vandalisme ataupun dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini pun di antara masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadi, untuk itu saya menyangkal dakwaan bahawa Jabatan Bomba tidak cekap dan kita lebih daripada 11,000 orang anggota kita di seluruh negara ini sebenarnya cukup latihan. Akan tetapi itulah masalah-masalah yang saya sebutkan tadi itu menghalang untuk sampai lebih cepat daripada masa yang diperlukan. Terima kasih.

7. **Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, piawaian bagi pembinaan semua jalan raya serta sistem pemantauan dan penyelenggaraan yang diamalkan bagi menjamin kualiti jalan raya yang *world class* dan selamat.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek pembinaan jalan raya dan lebuh raya di negara ini perlu mematuhi piawaian dan tahap spesifikasi yang ditetapkan kerajaan iaitu arahan teknik jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya. Arahan teknik jalan merupakan garis panduan dan prosedur teknikal yang diguna pakai oleh semua agensi kerajaan dan swasta untuk membina jalan raya di negara ini yang telah diubahsuai dan telah diselaraskan dengan piawaian antarabangsa seperti, dengan izin, *American Association of State Highway and Transportation Official, British Standard* dan *Road Engineering Association of Malaysia*.

Di samping itu, untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan mencapai tahap kualiti yang menepati standard, kos dan spesifikasi yang ditetapkan, JKR telah mengaplikasikan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2000 dalam semua peringkat pelaksanaan projek pembinaan jalan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sentiasa berusaha untuk menggiatkan penggunaan teknologi dan inovasi baru yang memberi nilai tambah dalam bidang pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. Antaranya menerusi penggunaan kaedah turapan *polymer modify asphalt* (PMA) dan turapan jenis konkrit dalam peringkat pembinaan dan penyelenggaraan jalan. Di samping itu, bagi memastikan projek dilaksanakan dengan kos yang efisien dan berkualiti, kementerian ini juga telah mengaplikasikan konsep, dengan izin, *life cycle costing* dalam aspek rancangan dan pelaksanaan projek jalan.

Sebagai contoh, teknik *cold in-place recycling* dan *hot in-place recycling* iaitu teknik pemulihan jalan yang melibatkan penggunaan kitaran semula *bitumen* sedia ada telah mula dilaksanakan secara meluas di negara ini untuk menaik taraf dan penyelenggaraan jalan. Kementerian Kerja Raya juga sentiasa proaktif dan komited untuk memastikan penyelenggaraan jalan di negara ini dibuat secara sistematik dan memberikan pulangan yang optimum kepada kerajaan. Ini kerana pengurusan aset jalan raya yang berkualiti amat penting bagi memanjangkan tempoh jangka hayat sesuatu jalan. Ia dilaksanakan antara lain menerusi penggunaan sistem maklumat *Highway Development and Management IV* iaitu sistem perisian, Pengurusan dan Pembinaan Jalan Raya IV yang digunapakai oleh Bank Dunia di mana ia dapat menentukan formula untuk penyelenggaraan jalan mengikut senarai, keperluan dan keutamaan.

Melalui kaedah ini, peruntukan kerajaan akan dapat dijimatkan untuk tujuan membaik pulih atau menurap semula jalan yang rosak. Sekian, terima kasih.

■1130

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang begitu ringkas. Saya sebenarnya

mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana selama ini telah memberi penekanan kepada pembinaan dan juga penyelenggaraan jalan raya yang *world class* dan semua kawasan-kawasan dan kampung di laluan jalan raya ini telah mendapat banyak manfaat dari segi pembangunan dan ekonomi.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Persoalannya, bagaimanakah hendak kita menangani rungutan rakyat bahawa walaupun kerajaan telah membina banyak jalan, sama ada jalan di peringkat *Federal* dengan izin, ataupun jalan di peringkat negeri, didapati bahawa jalan-jalan ini masih tidak diselenggarakan dengan baik, banyak terdapat berlopak-lopak, berlekuk-lekak, tidak serata dan sebagainya yang membahayakan pengguna-pengguna jalan terutamanya yang bermotosikal. Soalannya apakah tindakan yang patut diambil oleh pihak kementerian?

Keduanya, terdapat juga jalan-jalan yang baru siap setelah siap mungkin sebulan dikorek semula untuk pemasangan kabel dan sebagainya. Soalannya tidakkah ada penyelarasan dan koordinasi di antara jabatan-jabatan dan pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan jalan-jalan di Malaysia ini untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tidak berulang lagi dan kewangan negara dapat dijimatkan. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan di mana jalan raya di negara kita diselenggarakan oleh dua pihak. Kita ada Jalan Persekutuan di mana panjangnya adalah 18,000 kilometer termasuk juga 1,800 *highway* atau lebuhraya dan jalan-jalan negeri pula di seluruh negara kita ada angkanya 135,000 kilometer dan ianya dijaga oleh pihak kerajaan negeri dan penyelenggaraannya di bawah peruntukkan MARRIS.

Di mana mengikut panjangnya kalau satu kilometer satu tahun kerajaan bagi dekat RM20,000 untuk menjalankan penyelenggaraan jalan-jalan di negeri iaitu jalan perbandaran, jalan-jalan di taman-taman. Ini mereka boleh pakai MARRIS untuk menjaganya di mana jalan-jalan persekutuan kita ada syarikat konsesi untuk penyelenggaraan jalan di mana mereka akan buat kerja rutin dan kalau ada kerja berkala, kita juga berikan arahan kerja dan kita akan menjaga supaya jalan-jalan ini diguna dengan baik.

Sebenarnya banyak jalan yang telah pun dibina dan juga kenderaan yang berat melebihi daripada beban berganda atau *extra load*, secepatnya jalan dirosakkan walaupun ianya dibuat dengan spesifikasi yang betul dan kita harap juga pihak berkuasa boleh mengambil tindakan atas kenderaan yang membawa barangan yang lebih berat.

Bagi soalan kedua tadi pasal servis jalan yang baru dibuat dan akan dikorek oleh pihak yang menukar servis lain seperti kabel, paip air ini memang adalah satu benda yang kita mengadakan koordinasi ataupun penyelarasan di antara agensi yang berkenaan. Kita ada mengambil tindakan kalau ianya tidak dibuat, mereka memasang paip atau kabel dan korek dan tidak tampal semula, kita

akan buat kerja kita sendiri dan caj mereka yang merosakkan jalan ini. Ini adalah antara tindakan yang kita boleh ambil. Sekian, terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja, iaitu bagi menyelenggarakan atau memperbaiki dan meningkatkan kualiti jalan raya setiap negeri, Kementerian Kerja Raya menyediakan satu pelan geran tahunan di bawah sistem Maklumat Rekod-rekod Jalanraya Malaysia atau MARRIS. Soalannya adalah berapakah jumlah geran diberikan dan apakah pihak kerajaan pusat dan negeri berpuas hati dengan peruntukan geran dan sistem ini. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya sudah kata MARRI atau Maklumat Rekod-rekod Jalanraya Malaysia itu di mana negeri-negeri ada berbeza-beza sedikit tetapi dalam lingkungan RM20,000 satu kilometer satu tahun untuk kerajaan negeri, untuk menyelenggarakan jalan-jalan mereka.

Ianya sebenarnya kalau duit ini diguna dengan baik, ia memang mencukupi. Di mana-mana negeri kita bagi seperti contoh kita ada sepanjang di Sarawak saya tahu, sepanjang jalan-jalan negeri ada 23,000 kilometer di mana kita bagi lebih RM20,000 satu kilometer setahun dan ianya bermakna lebih RM400 juta kalau juga diguna dengan baik, ia memang mencukupi. Sekian, terima kasih.

**8. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah terdapat kekangan bagi mana-mana bekas peguam kerajaan yang pernah berkhidmat di Pejabat Peguam Negara yang berhasrat mewakili mana-mana individu daripada pihak pembangkang yang dikenakan tuduhan di mahkamah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, hak seseorang individu untuk dibela oleh mana-mana peguambela pilihannya diperuntukkan di bawah fasal (3), Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan iaitu seperti yang berikut:

- (i) jika seseorang ditangkap, maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh dan alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dan dibela dengan seseorang pengamal undang-undang pilihannya;
- (ii) seseorang yang hendak menjalankan amalan undang-undang di Malaysia hendaklah terlebih dahulu diterima masuk sebagai peguam bela dan peguamcara dan mempunyai sijil amalan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*]; dan
- (iii) kelayakan untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara pula diperihalkan di bawah seksyen 11 [*Akta 166*].

Secara umumnya mana-mana orang yang mempunyai kelayakan yang ditetapkan di bawah Akta 166 layak untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara dan mempunyai sijil

amalan yang sah yang dikeluarkan oleh Majlis Peguam Malaysia berhak untuk menjalankan amalan guaman ataupun undang-undang sivil atau undang-undang jenayah di negara ini.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan, dimaklumkan bahawa tidak terdapat apa-apa peruntukkan undang-undang yang menghalang seseorang bekas pegawai awam daripada menjalankan amalan undang-undang di Malaysia sekiranya bekas pegawai awam tersebut telah memenuhi semua syarat dan juga kelayakan sebagaimana yang saya katakan tadi.

Ini bermakna bekas pegawai awam itu boleh mewakili mana-mana individu dalam mana-mana prosiding undang-undang. Namun begitu, seseorang bekas pegawai awam masih tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*].

■1140

Berdasarkan seksyen 8 akta tersebut, apa-apa rahsia rasmi yang ada dalam milikan atau pengetahuan bekas penjawat awam itu yang diperoleh atau diketahui olehnya dalam tempoh perkhidmatannya sebagai pegawai awam tidak boleh disampaikan kepada mana-mana orang secara salah.

Sehubungan dengan itu, seorang bekas pegawai awam yang pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara tidak boleh menggunakan maklumat atau pengetahuan mengenai apa-apa rahsia rasmi yang diperoleh olehnya sepanjang perkhidmatannya bagi tujuan pembelaan mana-mana orang tertuduh di mahkamah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan pihak Menteri itu tadi. Ternyata di sini bahawa kerajaan kita bersikap telus dan profesional serta tidak pernah menghalang mana-mana bekas penjawat awam atau bekas peguam dalam hal ini untuk mewakili individu walaupun daripada pihak pembangkang.

Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang Akta Rahsia Rasmi kerajaan dan Kod Etika Kerajaan yang masih *applicable* dengan izin, kepada bekas-bekas penjawat awam yang telah bersara, setakat ini ada tidak kes-kes yang melibatkan bekas-bekas penjawat awam yang telah bersara dibawa ke pengadilan kerana melanggar Akta Rahsia Rasmi dan juga Kod Etika Kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat atas soalan tambahan tersebut. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, bahawa seseorang pegawai awam selepas bersara ataupun membuat keputusan untuk berhenti perkhidmatannya sebagai seorang pegawai awam berhak untuk menjalankan profesion-profesion mereka masing-masing mengikut kelayakan mereka yang tertentu seperti mereka yang telah pun menjadi doktor kerajaan selepas itu sekiranya mereka bersara ataupun membuat keputusan untuk berhenti sebagai seorang doktor kerajaan berhaklah untuk menjalankan amalan mereka sebagai seorang doktor swasta dan daripada situ bolehlah menerima sesiapa sahaja dalam konteks sedemikian.

Jadi dalam konteks perundangan, tidak ada juga terikat kepada pegawai awam yang menjadi peguam kerajaan yang membuat keputusan untuk bersara dan juga berhenti sebagai peguam kerajaan untuk mereka menjalankan perkhidmatan guaman sebagai seorang peguam bela ataupun

peguam cara seperti yang saya katakan, asalkan mereka dapatkan sijil amalan daripada pihak Majlis Peguam Malaysia.

Saya ingat mungkin tertakluk kepada satu isu di mana peguam kerajaan tersebut yang telah pun bersara, sekiranya mereka telah pun mengendalikan kes anak guamannya yang dia telah pun terima masuk sebagai anak guamannya, sekiranya mereka telah pun mengendalikan kes pendakwaan pada mulanya pada masa mereka menjadi peguam kerajaan, saya rasa dalam isu begitu, sekiranya mereka membela anak guamannya yang baru dalam kes pembelaan, jadi mungkin akan wujud satu *conflict of interest*.

Dalam situasi tersebut, undang-undang mengatakan bahawa peguam bela tersebut kenalah memohon didischargekan atau dikeluarkan daripada perkhidmatan sebagai peguam bela kepada tertuduh sekiranya wujud *conflict of interest*. Ini kerana undang-undang mengatakan dalam hal begitu, peguam bela itu akan *embarrass* ataupun dijangka ataupun tidak selesa untuk membela tertuduh kerana dia telah pun mendakwa tertuduh pada masa dia menjadi peguam kerajaan. Jadi wujudlah *conflict of interest*. Akan tetapi kalau tidak ada dia terlibat dalam pendakwaan tertuduh pada mulanya dalam masa pendakwaan, saya rasa *that one is okay*.

Seperti Yang Berhormat Senator sebutkan, hanya terikat dengan Akta Rahsia Rasmi yang saya sebutkan dan mereka tidak boleh mendedahkan rahsia tersebut. Dalam peringatan saya, memang ada pegawai penjawat awam yang pernah dituduh kerana telah pun membongkar rahsia kerajaan. Akan tetapi kepada mereka yang ingin memberikan maklumat kepada sesiapa sahaja, mereka kenalah memohon kepada mahkamah ataupun kepada kementerian tertentu untuk di *declassify*kan maklumat tersebut. Sekiranya maklumat tersebut *dideclassified*kan oleh kementerian ataupun oleh mahkamah, jadi maklumat itu bolehlah didedahkan kepada sesiapa pun tapi kalau tidak ada *declassification* yang telah pun dibenarkan, tindakan bolehlah diambil terhadap pegawai tersebut. Sekian, terima kasih.

**9. Dato' Lim Nget Yoon** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, negara menghadapi masalah jerebu pada setiap tahun. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan nombor 36 daripada Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok yang juga dijadualkan hari ini iaitu 17 Julai, memandangkan kedua-dua pertanyaan ini berkait rapat serta berkaitan dengan isu yang sama iaitu masalah pencemaran jerebu di negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kejadian jerebu yang berlaku di negara ini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentasi sempadan dan punca tempatan. Kebanyakan episod jerebu dialami negara selama ini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentasi sempadan akibat daripada kebakaran tanah dan hutan yang tidak terkawal di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia.

Di samping itu, punca-punca tempatan seperti aktiviti pembakaran terbuka, insiden kebakaran tanah gambut, kebakaran hutan belukar dan tapak-tapak pelupusan sampah boleh memburukkan lagi keadaan kualiti udara berjerebu sekiranya tidak dapat dibendung dengan teratur dan dengan segera.

Bagi menangani masalah jerebu merentasi sempadan, kementerian akan meneruskan kerjasama dengan Kerajaan Indonesia dan memainkan peranan aktif dalam forum peringkat menteri serantau iaitu dengan izin, *Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* (MSC), *ASEAN Ministerial Meeting on the Environment* dan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan bagi memantau perkembangan dan mengawasi tindakan serta obligasi yang telah dipersetujui negara-negara ahli. Dalam forum-forum tersebut, kerajaan akan terus mendesak pihak Indonesia untuk meratifikasikan Perjanjian ASEAN bagi Menangani Jerebu Merentasi Sempadan yang telah ditandatangani pada tahun 2002.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya, bagi menangani masalah jerebu dalam jangka masa panjang dan supaya ia tidak berulang, kerajaan mengambil pelbagai tindakan seperti berikut.

Pertama, melaksanakan program pencegahan kebakaran dan pengurusan tanah gambut yang sering terbakar di enam buah negeri iaitu di Pahang, Johor, Selangor, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Di bawah program ini, beberapa tindakan telah diambil iaitu:

■1150

- (a) 105 sekatan saluran atau *check dam* telah dibina untuk mengekalkan paras air bagi mengelakkan tanah gambut menjadi kering terutamanya semasa musim panas dan kering;
- (b) 20 telaga air tanah atau *tube wells* dibina untuk menyediakan sumber alternatif bekalan air untuk memadam kebakaran; dan
- (c) membina menara tinjau atau *wards towers* untuk pengesanan awal dan mengawasi pembakaran terbuka di tanah gambut.

Keduanya, menjalankan aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan. Pencegahan dan pengesanan awal aktiviti pembakaran terbuka terutamanya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti mudah terbakar.

Ketiga, mempertingkatkan penguatkuasaan pelepasan asap dan gas daripada kenderaan bermotor.

Keempat, mempertingkatkan penguasaan pelepasan asap dari cerobong industri.

Kelima, memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan dari orang ramai melalui bilik operasi Jabatan Alam Sekitar ibu pejabat yang dibuka 24 jam.

Akhirnya, mengeluarkan surat arahan kepada semua pihak yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tersenarai dalam perintah kualiti alam sekeliling. Aktiviti yang diisytiharkan pembakaran terbuka tahun 2003 terutamanya tuan punya ladang, estet, kawasan-kawasan pertanian serta Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian pembakaran terbuka berlaku. Sekian, terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Tidak dijadikan banyak usaha dijalankan untuk menangani masalah jerebu ini. Namun, masalah ini masih menghantui kita. Memandangkan manusia merupakan punca utama dalam pencemaran alam sekitar seperti masalah jerebu ini. Apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh kementerian untuk mendidik masyarakat agar sedar kepentingan menjaga alam sekitar? Ini kerana kita tahu, *prevention is better than cure. Thank you.*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, kejadian jerebu ini sebenarnya berpunca kebiasaan ia berpunca merentasi sempadan. Saya sudah jelaskan sebentar tadi juga bahawa kita mempunyai *bilateral corporation* untuk mengatasi ini. Pihak Indonesia sendiri mempunyai *plan of action* untuk mengurangkan atau mencapai utama supaya tidak berlakunya jerebu.

Pihak kita sendiri selain daripada apa yang saya katakan itu, maka kita telah melakukan beberapa program dengan rakan kita di Indonesia. Antaranya ialah program-program yang telah dilaksanakan bagi kita bersama-sama dengan rakan-rakan kita di Indonesia ialah yang melibatkan kumpulan sasaran di Wilayah Riau-Sumatera Indonesia iaitu masyarakat setempat seperti para petani dan peladang. Syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit. Agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dan ini mengandungi dua program:

- (i) program jangka pendek yang kita telah jalankan. Program ini merupakan program peningkatan keupayaan *capacity building*. So, kalau kita tengok di sini, *we have plan all that we can to stop this*. Termasuk Program *Training for Trainers* seperti saya katakan semalam. Bagi membangunkan kesedaran dan keupayaan masyarakat tempatan mengamalkan kaedah pembukaan tanah dan hutan tanpa pembakaran atau *zero burning*. Selalunya kita minta supaya penduduk-penduduk di situ mengamalkan *zero burning*;
- (ii) program ini merupakan Program Peningkatan Keupayaan. Tadi saya katakan iaitu kita punya sasaran *train the trainers* tetapi kita mempunyai program bersama-sama dengan rakan di Indonesia untuk meningkatkan keupayaan *capacity building* dan untuk memadamkan kebakaran dan kali ini sasaran kita ialah sukarelawan di peringkat kampung dan desa yang dikenali sebagai masyarakat peduli api; dan
- (iii) kami juga mempunyai program yang dikenali sebagai projek demonstrasi pembukaan tanah membakar melalui teknik dan penggunaan peralatan yang sesuai ekonomi dan praktikal.

Berikutnya, program itu ialah projek perintis berskala kecil bagi pemulihan tanah gambut terbiar melalui teknik sekatan saluran atau *canal blocking* bagi mengawal saluran air supaya kawasan gambut berkenaan tidak lagi mudah terbakar. Akhirnya yang kita sudah menjalankan program bersama-sama dengan rakan kita ialah pemasangan sistem amaran mengesan kejadian jerebu iaitu stesen pengawasan kualiti udara di Bagan Siapi-api, Daerah Rokan Hilir. Bagi program jangka

panjang pula satu pelan induk pengurusan tanah gambut secara lestari di Wilayah Riau Sumatera Indonesia juga disediakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menjaga udara kita yang bersih, ini bukan tanggungjawab semata-mata kerajaan kita yang melibatkan rakyat kita juga. Apa yang kita buat itu ialah elakkan membuat sesuatu yang boleh memudaratkan udara kita. Ini tanggungjawab kita semua. Seperti yang kita lihat di sini, kita telah membuat langkah-langkah yang tertentu supaya ini tidak berlaku, tetapi kalau ia masih berlaku lagi, saya pun tidak tahu lagi apa lagi mahu buat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Dewan, maka, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita pada hari ini.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.58 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

## ■ 1200

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[16 Julai 2012]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri untuk menyambung memberikan huraian. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**12.01 tgh.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang kerana berikan saya kebenaran untuk meneruskan bacaan dan pembentangan kali yang kedua Akta Persaraan Minimum 2012.

Fasal 15 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh mewakili semua atau mana-mana kuasanya di bawah rang undang-undang ini kepada mana-mana pegawai tenaga kerja untuk menguatkuasakan dan menyiasat sebarang pelanggaran undang-undang berhubung dengan pelaksanaan dasar umur persaraan minimum. Kuasa tersebut penting bagi membolehkan pegawai penguat kuasa menjalankan tugasnya tanpa ragu dan dilindungi dari segi undang-undang.

Fasal 16 dan fasal 17 mengandungi peruntukan mengenai prosedur pendakwaan dan kompaun kesalahan.

Fasal 18 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana majikan daripada pemakaian peruntukan di bawah rang undang-undang ini.

Yang terakhir, fasal 19, memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan rang undang-undang ini akan memberi implikasi kepada undang-undang dan lain antaranya Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Skim KWSP adalah merupakan satu skim simpanan untuk persaraan pekerja dengan matlamat untuk memastikan pekerja mempunyai simpanan untuk menyara kehidupan apabila mereka bersara kelak. Oleh yang demikian bagi memastikan setiap pekerja yang bersara apabila mencapai umur 60 tahun mempunyai sejumlah simpanan untuk menyara kehidupan selepas persaraan, beberapa peruntukan dalam Akta KWSP 1991, dan peraturan yang berkaitan dengannya wajar dipinda apabila umur persaraan dilanjutkan. Bagaimanapun setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk meminda peruntukan mengenai pengeluaran simpanan KWSP pada umur 55 tahun walaupun umur persaraan dilanjutkan ke 60 tahun.

Perlanjutan umur persaraan bagi pekerja sektor swasta juga akan memberi kesan kepada Skim Pencen Ilat di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang ditadbir oleh Pertubuhan

Keselamatan Sosial (PERKESO). Pada ketika ini Skim Pencen Ilat melindungi pekerja sehingga umur 55 tahun sahaja. Penetapan umur 55 tahun di bawah skim ini sekarang bertujuan untuk melindungi tempoh dengan izin, *work life expectancy* seseorang pekerja di sektor swasta yang secara amalan bersara pada umur 55 tahun.

Oleh itu bagi menyesuaikan perlanjutan umur persaraan dengan perlindungan Skim Pencen Ilat, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 serta Peraturan-peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971 perlu dipinda sewajarnya.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, jumlah pekerja yang berumur 53 tahun pada tahun 2011 yang dijangka akan mencapai umur persaraan 55 tahun pada tahun ini adalah berjumlah 83,000 orang atau 1.06% daripada jumlah keseluruhan pekerja sektor swasta. Perlanjutan umur persaraan kepada 60 tahun sedikit sebanyak akan memberi implikasi kepada guna tenaga kerja.

Dalam hal ini, kira-kira 80,000 orang pekerja di sektor swasta dijangka kekal dalam persaraan kerja setahun yang kemungkinan akan memberi kesan terhadap peluang kenaikan pangkat kepada golongan muda. Walau bagaimanapun, kesan ini adalah untuk tempoh jangka pendek sahaja dan dijangka akan kembali stabil dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Bagi mengimbangi keperluan pekerjaan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha melalui program transformasi ekonomi untuk memacu pertumbuhan dan menyumbang secara langsung terhadap peningkatan ekonomi negara. Semua inisiatif ini akan menjana pekerjaan baru yang begitu banyak dan dijangka 3.3 juta peluang pekerjaan akan ditawarkan menjelang tahun 2020.

Oleh itu perlanjutan umur persaraan tidak akan memberi kesan yang besar kepada pasaran pekerja dalam tempoh jangka panjang. Bagi melaksanakan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 ini, suatu tempoh peralihan akan diwujudkan bagi memberi ruang kepada majikan untuk membuat penyesuaian dan penyesuaian dalam aspek pengurusan sumber manusia, organisasi masing-masing. Tempoh peralihan dan mekanisme pelaksanaan peralihan ini akan ditentukan secara bersama antara kerajaan, majikan dan pekerja berdasarkan prinsip *tripartism*.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 adalah merupakan satu lagi inisiatif kerajaan untuk membela nasib rakyat terutama golongan pekerja. Dengan sokongan dan komitmen semua pihak, kerajaan penuh yakin bahawa pelaksanaan perlanjutan umur persaraan bagi sektor swasta secara teratur, telus dan tulus akan dapat memeta satu lagi transformasi kecemerlangan dalam landskap guna tenaga dan jaringan keselamatan sosial negara ke arah mencapai Wawasan 2020.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh pelbagai pihak dalam proses penggubalan rang undang-undang ini yang dilaksanakan berasaskan semangat *tripartism* antara kerajaan, majikan dan pekerja.

Saya berharap semua pihak yang terlibat akan meneruskan sokongan mereka terhadap pelaksanaan rang undang-undang ini demi rakyat, untuk rakyat serta negara kita yang tercinta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi umur persaraan minimum dan bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Untuk memulakan perbahasan kita bagi rang undang-undang ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan? Seterusnya Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Silakan Yang Berhormat.

**12.07 tgh.**

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini dibentang buat kali kedua dan ini merupakan satu rang undang-undang yang baru di mana kelihatannya bahawa Malaysia agak terkebelakang berbanding dengan jiran kita di rantau ini. Kalau tidak pun dibandingkan dengan negeri-negeri lain di seluruh dunia ini. Kalau kita lihat sebagai contoh *Laos* atau *Kampuchea* seperti yang saya tahu jangka hayat bagi kalau tidak silap saya, *Laos* ialah 55 tahun tetapi usia tamat tempoh perkhidmatan atau *retirement age*, dengan izin, 60 tahun. Secara ringkas ertinya orang mati dahulu barulah dia bersara. Benar atau tidak itu adalah satu soal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh celahkah?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tadi Yang Berhormat kata *Laos* 55 tahun. Itu salah, salah. Jangka hayat betul. Umur 60 tahun itu betul. Umur 55 tahun tidak betul. Sila betulkan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya tetap dengan apa yang saya sebut sebab ini berdasarkan kepada fakta yang ada dan untuk Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman saya akan bagi maklumat ini kepada beliau waktu rehat nanti, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betulkah hendak bagi?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ya, saya akan bagi.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tunggu. Kalau tidak bagi, jaga... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukup. Teruskan.

■1210

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ikut saya ke perpustakaan, nanti saya akan tunjukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Teruslah Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi hal kepada kita ialah apakah yang akan berlaku apabila selepas 60 tahun ini sehingga jangka hayat yang kita katakan sebelum ini yakni untuk lelaki 73 tahun dan untuk perempuan 78 tahun? Mengapa orang perempuan umurnya lebih panjang daripada lelaki tidaklah diketahui.

Namun, yang penting ialah antara 13 tahun hingga 18 tahun. Kalau diambil 60 tahun sebagai arasnya, apakah yang dapat dilakukan terhadap golongan ini? Maksud saya ialah mereka ini juga perlu hidup. Mereka ini juga perlu kepada sebuah kehidupan seperti mana orang lain. Tidak seperti rakan-rakan mereka dalam sektor awam yakni mereka mempunyai pencen. Manakala bagi pekerja-pekerja dalam sektor swasta, mereka tidak berpencen. Mereka hanyalah mengharapkan simpanan dalam KWSP.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat? Silakan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Fakta umur Yang Berhormat beri, Malaysia pun salah. Dengar sini dahulu. Jangka hayat lelaki Malaysia 72.1 tahun, perempuan 77.1 tahun. Mana ada, 73 tahun. Itu salah! Umur 78 tahun pun salah. Betulkan. Jangan cakap sahaja. *Sorry... [Ketawa]*

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya masih diganggu oleh Datuk Rahman. Sebenarnya yang saya sebut ini berdasarkan kepada statistik. Saya tidak sebut ikut suka saya sahaja. Jadi untuk itu juga, saya juga menawarkan untuk memberikan maklumat kepada Datuk Rahman selepas ini.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun berdasarkan statistik 2011.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah. Kita tunggu kementerian untuk jawab.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kena betul. Salah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Kita beri kementerian untuk jawab. Teruslah Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Kita terus sahaja Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Walaupun ada gangguan daripada Datuk Rahman. Bahawa yang penting di sini ialah apakah dalam tempoh tersebut rakan-rakan kita dalam sektor swasta ini boleh meneruskan kehidupan mereka? Berdasarkan kepada pengalaman bahawa simpanan KWSP mereka habis dalam tempoh tiga tahun, empat tahun atau lima tahun. Ini berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, tambah lagi bagi pekerja-pekerja dalam sektor perhotelan akibat daripada gaji pokok mereka atau *basic pay* yang rendah dan apabila *service charge* yang tidak diambil kira bagi caruman KWSP, maka simpanan KWSP bagi pekerja-pekerja dalam sektor perhotelan ini adalah rendah. Walaupun dinaikkan usia tamat tempoh perkhidmatan ini sampai 60 tahun, tetapi kalau gaji mereka dan *service charge* seperti yang saya sebutkan tadi tidak diambil kira,

maka jumlah wang simpanan mereka masih kecil. Ini tidak memungkinkan mereka untuk meneruskan kehidupan tanpa bekerja mungkin sampai 65 tahun atau 70 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kesan daripada Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 ini ke atas dua akta penting iaitu Akta KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan Akta PERKESO, seksyen yang kalau saya tidak silap - ini mungkin Datuk Rahman boleh betulkan sebab beliau pernah menjadi Timbalan Menteri. Seksyen 15, Akta PERKESO dan seksyen 55, Akta KWSP yang mana kedua-dua akta ini ada kesan daripada rang undang-undang ini sekiranya diluluskan atau apa yang kita sebut sebagai *consequential effect* daripada akta ini.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan hal ini kerana dibimbangi nanti terjadi seperti mana dalam satu keadaan dulu apabila ada dua akta yang diluluskan oleh Parlimen tetapi menimbulkan semacam kekeliruan. Apakah akta tersebut? Akta Perhubungan Perusahaan 1967, khusus seksyen 40 dan Akta Polis, seksyen 27. Kedua-dua akta ini diluluskan oleh Parlimen tetapi kesan akhirnya ialah apabila sekumpulan pekerja melakukan atau menjalankan hak mereka dengan berpiket berhampiran dengan tempat kerja mereka sesuai dengan peruntukan seksyen 40. Akan tetapi, pihak polis akan datang dengan mengatakan bahawa di bawah seksyen ini saya berhak menangkap kamu. Tidakkah ini berlaku percanggahan?

Apa yang saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua ialah apabila rang undang-undang ini diluluskan dan menjadi undang-undang, maka penjelasan harus diberikan kepada terutama sekali pencarum-pencarum KWSP yang sudah menghampiri usia 55 tahun. Ini kerana katalah misalnya majikan mengatakan saudara tidak boleh berhenti sekarang, dilanjutkan sehingga 60 tahun, bagaimana kesannya dengan KWSP tadi. Kebanyakan rakan-rakan kita pekerja sudah merancang mungkin setahun, dua tahun sebelum 55 tahun untuk mengeluarkan wang tersebut bagi hal-hal yang difikirkan munasabah bagi mereka. Sama halnya dengan peruntukan seksyen 15 Akta PERKESO yakni perlindungan ke atas orang yang bekerja atau orang yang diinsuranskan. Ini juga perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri supaya jangan nanti timbul kecelaruan terutama sekali bagi mereka yang berada di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Bahagian III, seksyen 8, rang undang-undang umur persaraan ini yakni berhubung dengan kuasa Ketua Pengarah untuk menyiasat aduan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sepanjang mengenai seksyen 8 ini yang ada kaitannya dengan seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Kalau dilihat di bawah peruntukan ini, sekiranya seseorang pekerja yang berkenaan gagal di bawah seksyen 8 maka dia boleh balik kepada seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Ini juga perlu penjelasan sebab sepanjang yang kita tahu di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, had masa atau edah yang diberikan ialah 60 hari daripada tarikh seseorang pekerja itu dipecat atau ditamatkan perkhidmatannya.

## ■1220

Jadi kalau saya baca di sini kalau saya tak silap dia katakan 30 hari. Apakah ini tidak bercanggah dengan peruntukan di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya masih lagi ingin bertanya berhubung dengan masa depan kumpulan pekerja yang tidak ada pencen seperti yang telah dinyatakan. Sebenarnya dari segi terminologi, persaraan ini kalau saya tak silap dari kata dasar sara. Kata dasar persaraan ini ialah sara. Ertinya ia menggambarkan bahawa ada yang menyara. Misalnya saya disara oleh anak saya. Ertinya anak saya menyara saya. Akan tetapi dalam konteks ini, bagi mereka yang tidak mempunyai skim pencen, siapakah yang menyara mereka? Terjemahan dari "*retirement*", dengan izin, kepada persaraan, ini satu perkara yang perlu difikirkan. Saya tidak mahu menyulitkan keadaan tetapi dalam hal ini harus ada satu penjelasan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah mudah-mudahan apabila ianya menjadi akta, maka ianya tidak berakhir hanya dengan *consequential effect* kepada Akta KWSP atau PERKESO, malah kepada undang-undang lain yang ada kena mengena dengan pekerja sepanjang mengenai undang-undang ini.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit? Saya nak tanya Yang Berhormat. Adakah Akta Skim Pencen Ilat PERKESO dan Akta Keselamatan Sosial 1969 dan juga Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971 perlu, *must* dipinda bagi sesuai dengan persaraan umur daripada 58 ke umur 60? Jika Yang Berhormat setuju, apakah cadangan pindaan untuk ketiga-tiga itu?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Kalau saya jadi Menteri saya jawab. Saya belum jadi Menteri lagi.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi Menteri dalam mimpi bolehlah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Oleh sebab apa yang – semangat daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat rakan saya ini Datuk Abdul Rahman ini ialah – sejak tadi saya dengar berkali-kali Yang Berhormat kata, "Kalau saya tak silap, kalau saya tak silap" dan apa yang Yang Berhormat kemukakan sebenarnya ialah apa yang tak betul. Ini tak betul, itu tak betul tetapi Yang Berhormat sendiri tidak pernah menyatakan apa yang betul. Di sana semangat soalan rakan saya ini. Soalan mengatakan apa akan terjadi, apa akan terjadi. Akan tetapi Yang Berhormat sendiri tidak mencadangkan alternatif kepada apa yang tak betul itu. Di sana kemusykilan kita. Terima kasih.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya betulkan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Sebenarnya yang betul itu ialah bahawa rang undang-undang ini apabila diluluskan nanti hendaklah mengambil kira undang-undang yang ada kaitannya dengan hal yang kita bentang di Parlimen ini, di Dewan ini. Jadi *consequential effect* itulah cadangan saya. Saya ingat itu cukup jelas.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan tadi tiga akta itu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu dulu. Duduk dulu Yang Berhormat. Biarkan ya.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduklah dulu... *[Ketawa]* Akta Skim Ilat PERKESO – satu. Kedua Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Ketiga, Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Apakah perlu dipinda untuk sesuai dengan rang undang-undang baru yang bersara, perlukah atau tak perlu? Kalau perlu, jawablah. Kalau tak perlu jawab juga.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Sebenarnya kalau Yang Berhormat meneliti ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, hal ini sudah pun ditimbulkan. Inilah yang dikatakan *consequential effect*. Ertinya perlu dipinda. Kalau tidak nanti..., ini tak payah ulang banyak kali. Kita di sini pun sudah ada tahap yang boleh kata tinggi berfikir. Jadi, hal ini satu hal yang asas. Satu hal yang *basic*. Jadi, kalau ada Yang Berhormat hendak menghadiri kuliah, saya akan berikan kuliah tersebut.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat kata boleh dipinda. Pinda apa? Isi apa yang perlu dipinda? Boleh bagi cadangan? Saya nak dengar.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Pindaan yang perlu dibuat ialah ke atas seksyen-seksyen yang berkaitan dengan undang-undang yang kita sebut ini. Maknanya seperti saya katakan tadi dalam hal KWSP. Pengeluaran pada usia 55 tahun, sedangkan kalau diluluskan ini menjadi 60 tahun. Sudah tentulah seksyen tersebut perlu dipinda untuk menyesuaikan dengan undang-undang ini. Pertama.

Kemudian dalam soal seksyen 15, Akta PERKESO tadi. Itu juga perlu dipinda kerana ada kaitan dengan undang-undang ini. Boleh saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ha! Macam itulah jawapan... *[Ketawa]*

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya nak habiskan walaupun ada banyak gangguan daripada rakan-rakan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal tadi bahawa sementara kita melihat rang undang-undang ini sebagai satu rang undang-undang untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa, di masa yang sama saya juga mohon mencadangkan kepada kementerian untuk mengkaji satu skim bagi membantu golongan pekerja swasta yang memerlukan saraan apabila mereka tamat tempoh perkhidmatan nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Chiew Lian Keng.

**12.28 tgh.**

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk meminda Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012. Penetapan umur persaraan minimum tenaga kerja adalah satu langkah yang bijak dan bersesuaian dengan perkembangan ekonomi global. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat telah melanjutkan umur persara minimum negara tersebut sehingga umur 67 tahun; England – umur 68 tahun; Jerman – umur persaraan 65 tahun; dan sebagainya.

Penetapan umur persaraan yang lebih tinggi adalah satu trend dunia kerana hayat manusia semakin panjang dengan bantuan teknologi dan perubatan moden. Umur persaraan pada umur 55 tahun adalah terlalu muda berbanding dengan hayat seorang insan.

■1230

Dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, negara boleh mengemaskinikan tenaga kerja yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Akan tetapi kerajaan harusnya menguatkuasakan pindaan ini secara berperingkat dan jangan tergesa-gesa sehingga menjejaskan struktur sosial ekonomi. Penguatkuasaan secara tergesa-gapah akan menjejaskan semangat tenaga kerja yang sepatutnya mengambil alih pucuk pimpinan terutamanya golongan muda yang lebih berkaliber dan berkelayakan. Kerajaan harus menyedari bahawa dengan pindaan ini, sektor awam adalah sektor yang menerima impak yang paling besar.

Saya mengesyorkan supaya pucuk pimpinan hierarki tertinggi pengurusan seperti jawatan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dilantik mengikut keupayaan individual dan pencapaian masing-masing. Pelantikan mengikut senioriti dan hayat perkhidmatan tidak lagi sesuai diguna pakai. Pucuk pimpinan tertinggi perkhidmatan awam yang tidak memberi prestasi yang memuaskan haruslah digantikan dengan kakitangan dan tenaga kerja yang boleh mengutamakan pencapaian demi memastikan kelicinan dan kejayaan program-program transformasi kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bagi sektor swasta, penetapan umur persaraan haruslah dikaji secara keseluruhan. Kami harus kaji sektor seperti sektor tenaga buruh yang mana memerlukan tenaga kerja muda dan kekuatan jasmani untuk mengendalikan kerja-kerja harian sesuai di bawah pindaan ini. Ada golongan rakyat yang merasa bimbang terhadap keberkesanan pengurus kumpulan wang simpanan pekerja yang mana akan dilanjutkan sehingga umur 60 tahun. Mereka juga waswas terhadap penggunaan dan pelaburan kumpulan wang simpanan tersebut. Saya berharap pihak kumpulan simpanan pekerja dapat memberi satu penjelasan yang terkini supaya isu ini tidak diguna pakai untuk penyerangan Kerajaan Barisan Nasional.

Satu kaedah yang telus dan efektif untuk menguruskan kumpulan wang tersebut haruslah dimaklumkan kepada ahli kumpulan simpanan pekerja dan saya meminta pihak pengurusan KWSP dapat mengkaji impak pindaan rang undang-undang tersebut dan dibuat umumnya. Sekali lagi begitulah pandangan saya terhadap pindaan rang undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong pindaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya kita beralih kepada Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Silakan Yang Berhormat.

**12.33 tgh.**

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya untuk menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini yang disifatkan sebagai amat baik dan kena pada masa ini. Cadangan rang undang-undang ini adalah baik kerana ia bukan sahaja menetapkan umur persaraan minimum kepada 60 tahun. Akan tetapi pada masa yang sama memberi pilihan kepada pekerja sektor swasta untuk bersara awal bergantung kepada kontrak pekerjaan, kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif yang melibatkan pekerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti perkhidmatan kesihatan yang semakin baik di negara kita pada hari ini telah meningkatkan jangka hayat rakyat kita di negara kita. Oleh yang demikian, dengan jangka hayat yang lebih tinggi dan pengalaman pekerja yang lama tentunya ia adalah sesuatu yang merugikan sekiranya kita membenarkan modal insan sedemikian bersara awal di usia 50-an. Malah mereka yang bersara di usia 50-an ini sebenarnya masih bertenaga dan mampu untuk terus memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita gembira dengan pembentangan rang undang-undang yang menetapkan umur minimum persaraan, kita seharusnya juga melihat kepada isu kesejahteraan pekerja secara keseluruhan. Ini termasuklah isu mengenai jumlah maksimum tempoh seseorang itu seharusnya bekerja dalam sehari. Isu kesejahteraan pekerja ini adalah penting kerana hanya dengan menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja secara keseluruhan barulah kita akan dapat memastikan sumbangan besar mereka secara berterusan kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa pekerja adalah juga manusia. Lazimnya seseorang itu hanya boleh bekerja sejumlah jam sahaja secara efisien. Jika dia dipaksa bekerja melebihi had yang munasabah ianya adalah tidak produktif malah bertentangan dengan hak-hak asasi seseorang pekerja. Malah, mesin pun perlu direhatkan untuk memastikan jangka hayat yang lebih lama dan produktiviti yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, lazimnya jumlah jam seseorang pekerja di Malaysia ini adalah lebih kurang lapan jam sehari. Malah, di Dewan mulia ini pun kita bersidang dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari dan kemudian dari jam 2.30 petang hingga 5.30 petang, iaitu kira-kira enam jam sahaja. Ia hanya sekali-sekala ketika keadaan memerlukan, maka tempoh persidangan Dewan mulia ini akan dilanjutkan sehingga ke malam. Akan tetapi malangnya pada hari ini terdapat ramai majikan di negara kita ini yang menyalahgunakan kedudukan mereka dengan memaksa pekerja-pekerja mereka untuk bekerja kuat melebihi had jangka waktu bekerja mereka. Apa yang lebih buruk lagi pekerja-pekerja ini disuruh bekerja tanpa membayar elaun bekerja lebih masa kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu bidang profesion yang ingin saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini yang menyalahgunakan keadaan ini adalah bidang perakaunan terutamanya firma-firma audit. Buat pengetahuan Dewan yang mulia ini, firma-firma audit di negara kita ini membayar gaji

yang amat rendah kepada graduan-graduan perakaunan yang baru keluar dari universiti-universiti iaitu kira-kira RM1,000 sahaja sebulan. Akan tetapi mereka dikehendaki bekerja sehingga jauh malam iaitu kira-kira pukul 8, pukul 9 ataupun 10 malam. Malah, ada yang bekerja sehingga jam 11 malam. Firma-firma audit ini juga member beban kerja yang agak berat kepada pekerja-pekerja mereka. Disebabkan oleh beban kerja yang banyak, ramai di antara mereka yang terpaksa cepat-cepat untuk bekerja pada hari Sabtu dan Ahad. Semua ini dilakukan tanpa diberi bayaran elaun lebih masa.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, anak perempuan saya pernah bekerja di sebuah firma audit di Kuala Lumpur ini selama dua tahun sehingga saya meminta anak saya untuk meletakkan jawatan dari bekerja di firma audit tersebut kira-kira dua setengah tahun yang lalu.

Saya berbuat demikian kerana merasakan bahawa beliau adalah seperti pekerja kos rendah kepada majikannya yang mana majikannya mengambil kesempatan ke atasnya sebagai pekerja yang baru dan muda. Saya difahamkan bahawa sekiranya beliau meninggalkan pejabat kira-kira jam 8 atau 9 malam beliau akan dilabel sebagai seorang pekerja yang tidak bekerja kuat. Lama-kelamaan dengan tekanan dan sindiran, beliau terpaksa bekerja sehingga larut malam dan terpaksa ke pejabat pada hujung minggu juga. Semua ini terpaksa dilakukan tanpa dibayar elaun lebih masa oleh majikan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan satu peraturan yang mengehadkan jumlah jam maksimum yang dibolehkan seseorang bekerja selepas waktu rasmi pejabat. Saya ingin mencadangkan bahawa seseorang itu hanya boleh bekerja tidak melebihi tiga jam selepas waktu rasmi pejabat mereka.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa mereka yang bekerja melebihi waktu pejabat mereka mestilah dibayar elaun pekerja lebih masa dan bukan bekerja secara percuma. Pekerja-pekerja yang bekerja dari Isnin hingga Jumaat juga tidak seharusnya dibebankan dengan beban tugas yang terlalu berat sehingga mereka terpaksa bekerja pada hujung minggu.

Jika kita tidak mengambil berat mengenai masalah yang di hadapi oleh pekerja-pekerja yang sedemikian, maka sia-sia sahajalah dasar kerajaan yang telah melaksanakan dasar lima hari bekerja seminggu. Dasar ini dilaksanakan untuk memberi rehat yang secukupnya kepada pekerja-pekerja di samping dapat meluangkan masa untuk bersama keluarga dan rakan-rakan di hujung minggu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan di awal, tadi mesin pun perlu di rehat untuk memastikan bahawa ia boleh bertahan lama. Apatah lagi kita manusia. Kita memerlukan masa untuk diri kita, untuk beristirahat, meluangkan masa untuk keluarga dan rakan-rakan dan juga melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik minat kita. Sekiranya sudah berkeluarga, masa ini penting untuk bersama suami atau isteri dan anak-anak. Sekiranya masih bujang mereka memerlukan masa untuk bersama rakan-rakan atau teman lelaki atau teman wanita mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita hanya mementingkan produktiviti dan menggalakkan rakyat kita bekerja tanpa had, negara kita akan menghadapi pelbagai masalah sosial termasuklah

kes-kes pergolakan keluarga dan kes-kes perceraian yang meningkat. Sudah tentu kita tidak mahukan pekerja yang sedemikian berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun apa yang saya utarakan ini mungkin tidak bersangkutan secara terus dengan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum yang dibentangkan ini, tetapi isunya adalah isu untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja secara jangka panjang. Apalah gunanya kita menetapkan umur persaraan minimum sekiranya rakyat kita sudah *burnout*, dengan izin, sebelum sempat untuk mencecah usia 50-an.

Saya benar-benar berharap segala kepentingan dan cadangan yang saya utarakan ini mendapat perhatian serius kementerian. Kita harus mencari jalan untuk mengatasinya dalam jangka masa panjang. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya. Silakan.

**12.45 tgh.**

**Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 ini saya ingin merujuk kepada penjelasan Menteri semasa pembentangan semalam. Dalam pembentangan Menteri telah menjelaskan salah satu rasionalnya adalah bahawa umur persaraan ini hendak dipinda ialah kerana ketidakcukupan caruman KWSP apabila seseorang pekerja sudah bersara.

Daripada kajian yang dibuat ada yang bersara pada umur 55 tahun dan selepas itu caruman dia tidak dapat menampung panjang mana hanya lama jangka masa yang pendek, dalam tiga atau empat tahun. Jadi tujuan pindaan ini untuk menambah umur persaraan kepada 60 tahun ialah untuk membolehkan caruman bertambah dan memanjangkan tempoh pembiayaan seseorang yang telah bersara. Akan tetapi bagaimana pun adakah matlamat untuk meminda umur persaraan untuk menambah caruman ini akan tercapai jika seseorang itu masih boleh mengeluarkan carumannya apabila mencapai umur 55 tahun.

Jadi kalau dia masih boleh mengeluarkan caruman daripada umur 55 tahun, matlamat yang hendak dibuat kepada pindaan had umur ini mungkin separuh tercapai atau tidak tercapai. Kita juga faham ada pekerja memerlukan kewangan apabila sampai sesuatu umur mungkin untuk perubatan, untuk persekolahan anak. Akan tetapi ini masih boleh diteruskan jika apa-apa pindaan yang berkaitan dengan had umur ini dibuat secara *intended*, dengan izin, supaya matlamat dia tercapai dan tidak ada *inconsistency* di antara sesuatu undang-undang dengan undang-undang yang lain berkaitan.

Jadi kalau ini tidak dibuat dan pada umur 55 tahun dia masih boleh mengeluarkan semua yang caruman lima tahun itu tidak sebanyak mana untuk membolehkan dia terus menampung hidupnya. Jadi saya meminta kalau boleh pada lain kali, apa undang-undang yang hendak dibuat dan hendak dipinda hendaklah dikaji secara menyeluruh secara holistik dengan segala undang-undang berkaitan yang ada dan dipinda sekali untuk membolehkan dia selari. Itu sahaja terima kasih saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah Mahat. Silakan Yang Berhormat.

**12.48 tgh.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah merealisasikan hasrat pekerja-pekerja sektor swasta yang terdiri lebih daripada 80, 000 orang yang turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan juga elemen penting dalam usaha kerajaan merealisasikan Model Ekonomi Baru dan mencapai status ekonomi yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Seperti mana kita dimaklumkan bahawa amalan umur persaraan sektor swasta pada 55 tahun adalah rendah berbanding dengan negara-negara lain kerana negara ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam dan Kemboja telah menetapkan umur persaraan 60 tahun. Manakala Singapura 62 tahun umur persaraannya. Negara-negara lain seperti Kanada, Ireland, Norway, Switzerland telah menetapkan umur persaraannya 65 tahun.

■1250

Antara negara-negara yang masih mengekalkan umur persaraan 55 tahun adalah Bangladesh, Sri Lanka, Nepal dan Papua New Guinea. Justeru, selaras dengan matlamat kita menuju negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, maka pembentangan rang undang-undang ini adalah sangat relevan dan menggembirakan pekerja-pekerja khususnya sektor swasta.

Berhubung dengan rang undang-undang ini, saya ingin minta merujuk kepada fasal 2 rang undang-undang, berkenaan ketidakpakaian rang undang-undang ini terhadap orang yang disenaraikan dalam Jadual dan saya mencadangkan agar kerajaan turut menyediakan satu mekanisme undang-undang atau peraturan atau amalan pengawalseliaan yang perlu dipatuhi oleh majikan-majikan bagi memastikan hak mereka diiktiraf selaras dengan konvensyen-konvensyen antarabangsa.

Persidangan Buruh Antarabangsa ke-100 pada bulan Jun 2011, ILO telah menerima pakai Konvensyen 189 dan Cadangan 201 pada kerja yang bersesuaian untuk pekerja domestik. Pekerja domestik selalunya dikecualikan daripada perlindungan undang-undang buruh atau dilayan dengan kurang baik daripada lain-lain pekerja bergaji. Justeru, setiap negara digesa melaksanakan prinsip-prinsip asas yang termaktub dalam Konvensyen 189 untuk penilaian dan pengukuhan undang-undang buruh negara. Dengan Konvensyen 189 sebagai rangka kerja dasarnya menyediakan garis panduan khusus dan lengkap dengan contoh-contoh yang diambil daripada undang-undang buruh, negara yang sedia ada mengenai pekerja domestik dan perkara itu perlu memandangkan orang yang dinyatakan dalam jadual ini seperti seseorang yang diambil secara tetap, kontrak atau sementara,

seseorang yang dalam tempoh percubaan perkhidmatan domestik dan sebagainya juga adalah modal insani yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Seterusnya penguatkuasaan yang bersifat kesan kebelakangan atau *retrospective effect* dengan izin, fasal 7 menyebut apa-apa umur persaraan dalam suatu kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif yang dibuat sebelum, pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang ini. Dalam hal ini, saya mohon Menteri menjelaskan maksud tersebut. Bagaimana kes-kes yang telah berada di mahkamah atau sedang dalam proses prosiding mahkamah? Sejauh manakah peruntukan ini berkesan terhadap kes mereka kerana dari segi prinsipnya tiada undang-undang yang dikuatkuasakan dengan cara kesan ke belakang atau *retrospective effect*.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada peruntukan fasal 11(2). Kenapa tidak diletakkan tempoh untuk majikan membayar jumlah yang diarahkan oleh Ketua Pengarah seperti dalam tempoh 60 hari atau 30 hari bagi mengelakkan ketidakadilan terhadap pekerja? Ini kerana kita takut nanti terjadi keadaan di mana majikan mengambil kesempatan melewati atau tidak mengambil peduli untuk membayar hak pekerjaanya dalam tempoh yang sepatutnya.

Mengenai fasal 16 berkenaan pendakwaan, peruntukan ini menyebut bahawa tiada pendakwaan di bawah akta ini dibuat melainkan melalui keizinan bertulis daripada pendakwa raya. Saya memohon penjelasan lanjut daripada Menteri, kes-kes berkaitan kesalahan di bawah akta ini adalah merupakan kes sivil sebagaimana seksyen 10 menjelaskan kes-kes rayuan menggunakan prosedur dan tatacara rayuan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sesungguhnya menunjukkan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat sejajar dengan prinsip 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Berdasarkan keadaan sekarang, adalah keperluan rakyat yang berumur 50 tahun yang berjumlah lebih kurang 83,000 orang atau 1.06% daripada jumlah keseluruhan sektor swasta untuk menyara hidup keluarga terutamanya yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, produktiviti yang masih tinggi disebabkan kualiti hidup dan perkhidmatan kesihatan, peningkatan jangka hayat hidup, jangka hayat individu, keperluan kepada sumber guna tenaga dan modal insan yang masih boleh menyumbang kepada pembangunan negara serta mengurangkan beban dan kebimbangan rakyat bagi menghadapi kehidupan tanpa pekerjaan selepas umur persaraan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

**12.55 tgh.**

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana turut diberikan kesempatan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan rang

undang-undang ini khususnya bagi menetapkan umur persaraan minimum pekerja swasta kepada 60 tahun sebagaimana seksyen 4(1) rang undang-undang ini.

Sebelum ini kerajaan telah menetapkan umur persaraan wajib bagi penjawat awam kepada 60 tahun mulai 1 Januari 2012. Bagi penjawat awam, umur persaraan wajib telah dinaikkan daripada 55 tahun kepada 56 tahun, kemudian 58 tahun dan seterusnya kepada 60 tahun. Walau bagaimanapun, sektor swasta didapati tidak mengambil inisiatif menetapkan umur persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menetapkan umur persaraan ini adalah langkah yang sungguh tepat pada masanya, sesuai dengan wawasan kerajaan untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kebanyakan negara Maju mempunyai umur persaraan antara 60 hingga 68 tahun. Contohnya, umur persaraan di Australia ialah 65 tahun, *United States*, 67 tahun, dan begitu juga dengan negara-negara Eropah yang lain. Peningkatan kepada penetapan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 60 tahun membolehkan kebolehan dan kepakaran dapat diteruskan bagi tempoh yang lebih lama. Modal insan yang sedia ada dapat dioptimumkan bagi memacu sektor swasta untuk meningkatkan produktiviti.

Langkah kerajaan ini juga adalah selari dengan peningkatan jangka hayat penduduk negara ini pada tahun 2011 iaitu 72.1 tahun untuk lelaki dan 77.1 tahun bagi perempuan. Nampaknya kaum wanita mempunyai jangka hayat yang lebih lama daripada lelaki. Di samping itu, kaedah kesuburan penduduk juga menurun kepada 2.3 orang anak pada tahun 2010 berbanding dengan 6.8 anak pada tahun 1950. Saya percaya kadar kesuburan penduduk terus menurun bagi tahun 2011 dan 2012 memandangkan komitmen terhadap pekerjaan dan kerjaya di kalangan lelaki dan lebih-lebih lagi di kalangan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyatakan salah satu sebab mengapa umur persaraan ini dinaikkan adalah kerana ketidakcukupan wang simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu KWSP untuk menampung kehidupan selepas bersara. Simpanan ahli KWSP yang berumur 54 tahun bagi tahun 2011 purata berjumlah di bawah RM150,000. Sebagaimana maklum, pekerja swasta tidak mempunyai pencen untuk menyara kehidupan selepas bersara sebaliknya bergantung kepada duit KWSP yang terkumpul. Oleh itu, meningkatkan umur persaraan akan meningkatkan tabungan KWSP.

Bagaimanapun saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan penetapan umur persaraan minimum kepada 60 tahun akan menyebabkan ahli KWSP hanya boleh mengeluarkan wang KWSP setelah berumur 60 tahun berbanding sekarang 55 tahun. Pada dasarnya saya bersetuju umur persaraan minimum dinaikkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Bagaimanapun, adalah dicadangkan agar umur 55 tahun dijadikan umur pilihan untuk bersara. Negara-negara maju juga kebanyakannya menetapkan umur persaraan pilihan antara 55 tahun atau 60 tahun. Sehubungan dengan itu, ahli KWSP di sektor swasta wajar diberikan pilihan sama ada ingin mengeluarkan tabungan KWSP semasa berumur 55 tahun. Selain itu saya ingin mencadangkan ahli KWSP yang berumur 55 tahun layak mengeluarkan tabungan untuk menunaikan haji. Cadangan ini juga meliputi penjawat awam bagi membolehkan mereka menunaikan haji pada usia 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menetapkan umur minimum persaraan pada 60 tahun juga menyebabkan pekerja akan bersara ketika usia emas. Umumnya lelaki atau wanita yang mencapai 55 tahun kebiasaannya menghidap penyakit kencing manis, darah tinggi ataupun sakit jantung. Bagaimanapun, sekiranya mereka masih berupaya untuk bertugas...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena berhenti dahulu, nanti sambung di sebelah petang kerana waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hati.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Okey, terima kasih .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan waktu kita sekarang tepat pukul 1 petang, saya terpaksa tangguhkan Dewan ini sekarang sehingga pukul 2.30 petang nanti.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

#### ■1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula Dewan kita di mana kita berhenti pada jam 1 tengah hari sebentar tadi. Sekarang saya persilakan Ahli Yang Berhormat untuk menyambung. Silakan Yang Berhormat.

#### 2.32 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung usul saya tadi. Langkah kerajaan menetapkan umur minimum persaraan pada 60 tahun juga menyebabkan pekerja akan bersara ketika usia emas. Umumnya, lelaki atau wanita yang mencapai 55 tahun kebiasaannya menghidap kencing manis, darah tinggi ataupun sakit jantung.

Bagaimanapun sekiranya mereka masih berupaya untuk bertugas dengan penuh dedikasi selepas semua itu, maka adalah wajar mereka diberikan kesempatan untuk terus menyumbang kepada organisasi mereka. Bagaimanapun, mereka jika tidak sihat tidak wajar diteruskan perkhidmatan. Oleh itu, umur 55 tahun adalah wajar sebagai pilihan untuk bersara. Bilangan warga emas dengan sendirinya akan bertambah. Negara ini juga dikatakan akan menjadi negara tua apabila 15% penduduknya terdiri daripada warga emas menjelang tahun 2035. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan golongan warga emas ini terus terbela dari segi kebajikan, kesihatan dan kemudahan lainnya?

Sehingga tahun 2011, jumlah warga emas yang menerima bantuan sebanyak RM300 sebulan telah mencecah seramai 135,000 orang penerima. Oleh itu, kerajaan dicadangkan supaya mewujudkan skim jaminan atau jaringan sosial yang lebih komprehensif dan menyeluruh dengan mendaftar semua mereka yang berumur 55 tahun dan ke atas supaya Pelan Tindakan Jaringan Sosial

dapat diwujudkan bagi terus membela warga emas. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar lebih banyak pusat jagaan warga emas diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung meningkatkan umur persaraan kepada 60 tahun juga memberikan kesan kepada Skim Pencen Ilat di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang kini melindungi pekerja sehingga berumur 55 tahun. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan bercadang meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 supaya Skim Pencen Ilat ini juga menetapkan kepada 60 tahun sesuai dengan meningkatnya umur minimum persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum Sektor Swasta ini adalah bertepatan dengan dasar kerajaan untuk menyediakan guna tenaga yang cekap dan berkebolehan bagi memenuhi agenda transformasi negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bersedia untuk terlibat dalam perbahasan. Saya tarik diri. Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Bagus, terus terang dalam Dewan. Seterusnya, saya persilakan kepada Yang Berhormat Haji Abdul Shukor.

### 2.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 ini. Izinkan saya membangkitkan beberapa isu dan perkara serta mengajukan soalan dan pandangan dalam perkara ini.

Saya melihat langkah melanjutkan umur persaraan bagi pekerja swasta adalah langkah yang baik dan bakal memberikan impak positif kepada bidang tenaga kerja negara ke arah mencapai Wawasan 2020 dan sekali gus negara berpendapatan tinggi, dengan izin, *high nation income*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanyakan kepada pihak kementerian beberapa perkara khususnya satu, tiap-tiap tahun kita ada lebih kurang 300,000 pelajar yang mana keluar daripada SPM dan terus kepada pengajian tinggi. Apa perancangan pihak kementerian berkenaan penuntut-penuntut ini? Kedua, berhubung dengan Akta Keselamatan Sosial yang mana banyak disentuh dan pihak menteri juga ada menyebut perkara ini.

Saya berpandangan dalam usaha menjelaskan sistem pelanjutan umur persaraan dengan perlindungan Pencen Ilat PERKESO, beberapa perkara seperti Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, serta Peraturan Am Keselamatan Sosial 1971 perlu dipinda sewajarnya. Ini kerana perkara ini

kalau kita tidak membuat pindaan, ia akan menjadi masalah kalau Akta Saraan ini dijalankan dan Akta Sosial Keselamatan tidak dipinda. Jadi, saya ingat pihak kementerian lebih arif dengan perkara ini dan saya tidak ingin hendak bercakap panjang oleh sebab banyak bahan-bahan yang saya hendak bercakap telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya berpendapat kita kena lihat perkara ini secara holistik iaitu masalah yang dihadapi oleh negara kita adalah dalam aspek pekerja yang terlatih. Saya rasa ini adalah sesuatu yang kalau tidak dapat ditangani, akan menjejaskan usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

### **2.39 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya berbincang tentang Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 ini.

#### **■1440**

Pertama saya ingin menyebut bahawa rang undang-undang ini dirangka ialah supaya memberi masa yang lebih kepada pekerja-pekerja swasta dari segi umur minimum persaraan mereka. Hal ini telah dibentangkan di sini. Pertamanya adalah untuk menyeragamkan had umur persaraan antara kerajaan dan swasta. Perkara yang kedua Undang-undang Buruh tidak mengehendkan umur persaraan kepada swasta. Seterusnya memperlihatkan jangka hayat yang lebih lama kepada generasi yang akan datang.

Kalau kita lihat generasi dahulu umurnya agak pendek berbanding dengan jangkaan. Ini satu jangkaan yang telah dibuat dan dianalisa oleh pihak-pihak yang tertentu. Sebagai contoh disebutkan di dalam pembentangan Menteri bahawa orang yang lahir pada tahun 1950, orang lelaki umurnya 47.1 manakala perempuan pula ialah 50.1. Nampaknya orang perempuan lebih lanjut usia. Begitulah juga kalau orang yang lahir pada tahun 2011 iaitu tahun lepas, umurnya meningkat 72.1 sedangkan orang perempuan sampai 77.1. Lagi sekali orang perempuan memecah rekod. Orang lelaki tidak dapat memecah rekod Tuan Yang di-Pertua.

Ini satu perkara yang berlaku dalam kehidupan kita. Jadi mengambil kira hal-hal ini maka sudah pastinya pihak kementerian telah memikirkan untuk memberi pelanjutan tempoh kepada pekerja swasta supaya mereka diberi satu tempoh minimum di dalam kerjaya mereka. Begitulah juga disebut di dalam pembentangan Menteri bahawa antara lain ialah untuk memberi mereka lebih kewangan dengan melanjutkan pekerjaan. Namun begitu kalau kita melihat tidak semua akta ini dapat menyelesaikan masalah kewangan kepada pekerja. Hatta pekerja yang bersara dari kerajaan pun kita tidak dapat selesaikan namun sedikit sebanyak ia dapat memberi input kepada persaraan yang akan berlaku kepada setiap orang.

Katakanlah seorang itu akan hidup 22 tahun selepas bersara, dia akan mendapat sedikit walaupun tahap pendapatannya itu di bawah kemiskinan tegar. Walau bagaimanapun, kita merasakan satu perancangan lain perlu dilihat kepada pekerja swasta yang tidak mempunyai pencen dalam kehidupan mereka. Kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada KWSP. Kalau kita ingin KWSP itu dilihat kembali, saya mencadangkan supaya kadar caruman itu ditingkatkan daripada sekarang kepada yang lebih tinggi sama ada caruman itu oleh pekerja ataupun majikan supaya hasrat dan keinginan kerajaan di dalam membentangkan undang-undang ini dapat dicapai.

Namun begitu bagi saya ini tidak menyelesaikan masalah kehidupan selepas pencen kerana tidak ramai yang menerima pencen yang banyak atau ganjaran yang banyak. Rata-rata statistik menunjukkan bahawa ramai di kalangan pekerja ini adalah pekerja bawahan dan mereka yang lepas daripada pencen ataupun bersara, mereka hanya ada lebih kurang RM50,000 sahaja. RM50,000 itu tidak dapat menampung kehidupan kalau dia hidup lama. Jadi dalam hubungan ini saya melihat kerajaan juga mungkin boleh memberi insentif kepada pihak swasta untuk merangka supaya pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka itu akan dapat menjamin masa depan yang lebih baik setelah bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat kepada rang undang-undang ini. Ada beberapa perkara yang saya ingin minta pihak Menteri memberi penjelasan kerana apabila saya membaca ini dari segi implementasinya agak boleh jadi kabur. Pertamanya, perkara 3 dalam Kontrak Perkhidmatan artinya mana-mana perjanjian sama ada secara lisan atau bertulis dan seterusnya. Saya hendak ambil di sini, kalau sekiranya perjanjian kontrak itu dilakukan secara lisan bagi yang tidak ada masalah mungkin tidak menimbulkan perkara-perkara yang berbangkit. Seperti orang hendak kahwin Tuan Yang di-Pertua, ketika hendak kahwin semuanya mudah tetapi apabila berlakunya ketegangan bagaimana hendak menyelesaikannya kerana ia tidak bertulis. Jadi takrif tidak bertulis ini bagaimana kita mengimplementasikannya nanti sebab secara lisan ini kadang-kadang majikan tidak mengaku pun boleh atau pekerja tidak mengaku pun boleh. Oleh kerana itu saya hendak minta penjelasan bagaimana implementasinya nanti kalau berlaku mengikut takrifan yang telah diberikan di sini.

Perkara yang seterusnya ialah umur persaraan minimum. Umur persaraan minimum ini ditetapkan 60 tahun, namun perkara 4(2) Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *warta* menetapkan umur persaraan minimum yang lebih tinggi daripada umur persaraan yang diperuntukkan di bawah subseksyen 1. Di sini Menteri diberi kuasa untuk memanjangkan umur bukan sahaja 60 tetapi 61, 62 dan seterusnya mengikut suasana semasa. Di sini saya melihat perlu walaupun Menteri diberi kuasa yang besar tetapi saya perlu rasanya ada satu jawatankuasa yang melihat agar Menteri tidak sewenang-wenangnya menggunakan klausa ini di dalam menaikkan umur persaraan minimum. Walau pun saya tidak membantah tetapi perlu ada mekanisme supaya apa-apa yang terjadi nanti ia dikawal oleh satu mekanisme yang kita percaya akan memberi satu keadaan yang lebih baik.

Seterusnya denda seorang majikan iaitu perkara 5(2) – Persaraan pra masa. “*Seorang majikan yang melanggar perkara subseksyen (1) melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000*”. Tuan Yang di-Pertua, RM10,000 ini seperti yang saya

bangkitkan semalam ia *depend* atau kembali kepada syarikat itu. Kalau syarikat kecil, RM10,000 ini memang besarlah, memang berat tetapi kalau syarikat gergasi RM10,000 ini tidak apa-apa.

Cuma saya hendak tahu juga kenapa kecenderungan RM10,000? Semalam pun kalau menahan penggeledahan dendanya RM10,000. Hari ini pun RM10,000 juga. Kenapa trend RM10,000 ini dibawa di dalam hal ini? Ada lagi RM10,000 yang di depan iaitu ketidakpatuhan kepada arahan ketua pengarah. Perkara 11 subseksyen (1), didenda tidak melebihi RM10,000. Dua-dua tempat ini RM10,000. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak kata tidak setuju denda cuma hendak tanya RM10,000 itu adakah ia sesuai kerana peraturan yang kita buat ini akan lama, baru dipinda dan kita perlu tengok ke hadapan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak pergi kepada seksyen 18 – Pengecualian. *“Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan di dalam warta, mengecualikan dengan atau tanpa syarat mana-mana majikan atau kumpulan majikan daripada semua atau mana-mana peruntukan dalam akta ini”*. Jadi di sini Menteri sekali lagi diberi kuasa yang sangat besar yang tidak terbatas kepada peraturan ini dan boleh mengatasi akta yang sedang kita bincangkan ini.

Di sini saya melihat, kadang-kadang kalau sekiranya seorang Menteri boleh guna kuasanya dengan budi bicara dia, dengan seksyen 18 ini. Jadi semacam tidak ada apa-apa peranan lagi akta yang sedang kita bincangkan ini. Ini perlu dilihat dengan serius. Kuasa yang begitu besar diberi kepada Menteri di dalam memberi pengecualian sebahagian atau mana-mana kepada mana-mana. Jadi oleh kerana itu kalau sekiranya di sini kita bimbang berlaku salah guna kuasa. Kalau sekiranya ada orang-orang tertentu baik dengan Menteri mungkin dia boleh dapat pengecualian. Kita manusia dan kita tidak dapat memberi keyakinan bahawa kita terselamat.

#### ■1450

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seksyen 18 ini perlu diberi perhatian yang serius. Saya tidak hendak mengatakan Menteri akan salah guna kuasa tetapi kita perlu membuat satu jagaan, satu perkara yang tidak boleh membuka dengan luar hal-hal yang kita tidak ingini berlaku pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan ini atau dalam seksyen ini saya tidak menemui bagaimana proses seorang yang ingin bersara lebih awal. Mungkin ada dalam seksyen lain tetapi dalam ini hanya sebut minimum 60 tahun dan tidak menyebut di dalam hal ini bersara atas pilihan sendiri. Boleh jadi sudah ada enakmen yang lain dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kalau ada sepatutnya boleh dikaitkan sekali di sini. Kalau tidak ada, perlu dibuat peraturan sama ada peraturan kecil dan sebagainya atau edaran supaya senang dibuat satu penyusunan dan juga pentadbiran kepada syarikat-syarikat atau sesiapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita tengok satu lagi yang saya duduk cari dan terjumpa apabila membaca penamatan kerja oleh majikan. Majikan biasanya akan memberi surat tawaran kepada pekerja dan pekerja pada biasanya apabila ingin sangat bekerja dia akan *sign* sahaja. Itu yang terjadi dalam lumrah. Jarang orang yang apabila hendak *sign* tadi dia baca betul-betul dan faham betul-betul.

Namun, hal ini kita melihat perlu ada satu mekanisme supaya majikan tidak sewenang-wenangnya memberhentikan pekerja mereka.

Perkara yang saya hendak bangkitkan di sini apabila kerajaan membentangkan rang undang-undang ini sebenarnya kerajaan ingin menjaga hak pekerja dan juga mengawal majikan. Dua perkara ini sangat penting. Pekerja itu mereka sebenarnya bekerja ialah untuk mendapatkan upah atau gaji. Pihak majikan juga perlu kepada pekerja kerana mereka ingin kepada produk.

Dalam kedua-dua situasi ini kita mengharapkan majikan dengan pekerja supaya saling memberi dan menerima. Majikan mempunyai kewajipan dan tugas dan tanggungjawab, begitulah juga pekerja mempunyai kewajipan, tugas dan tanggungjawab. Di sinilah kita boleh melihat bahawa kalau dari sudut Islam, bekerja itu perlu dilakukan dengan sebaik mungkin dan seikhlas hati. Ini kerana bekerja menurut Islam adalah satu ibadah dan kalau sekiranya seorang pekerja tadi melakukan kerja dengan sungguh-sungguh, komitmen yang tinggi dia dapat dua perkara. Pertama dia dapat upah dan gaji di dunia ini dan kemudian dia dapat pahala dan ganjaran di akhirat. Ini kerana setiap orang Islam apabila mereka melakukan kerja, mereka adalah melakukan dalam kerangka ubudiah kepada Allah SWT.

Oleh kerana itu, bagi orang-orang Islam, mungkin pihak kementerian boleh memberi, memanggil sesiapa membuat penerangan supaya biar jelas bahawa bagi orang Islam yang bekerja itu daripada jam 8 pagi sampai 5 petang atau 8 jam sehari dan termasuk juga kita Ahli Parlimen ini yang disebut tadi bekerja enam jam sehari juga termasuk dalam rangka ubudiah kepada Allah. Tidak sia-sia di dunia atau pun tidak sia-sia di akhirat. Hal inilah apabila seorang Muslim bekerja dengan membetulkan fahaman Islamnya dia akan melahirkan produktiviti yang sangat hebat.

Dia akan melahirkan usaha yang gigih dan motivasi yang tinggi. Oleh kerana itulah kita mengharapkan supaya pihak kerajaan khususnya kementerian memberi penerangan yang jelas kedudukan pekerjaan kepada setiap orang Islam dan juga umumnya. Dia tidak boleh melihat suatu perkara ini hanya semata-mata untuk mencari nafkah hidup dan makan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pembentangan yang telah dibuat ini merupakan satu yang positif dan baik. Saya mengharapkan ia mendapatkan sokongan kita semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Norliza.

### 2.55 ptg

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Persaraan Minimum 2012. Sebagaimana yang kita tahu, ini adalah salah satu usaha kerajaan yang kita rasakan baik kerana ianya amat prihatin untuk golongan-golongan yang bekerja di syarikat-syarikat swasta.

Sebagaimana yang kita tahu di negara-negara ASEAN seperti di Brunei, Indonesia dan Thailand, umur persaraan 60 tahun ini telah ditingkatkan terlebih awal dari dahulu lagi. Ada kalanya di negara Eropah sehingga meningkat 65 tahun. Cuma saya ada beberapa perkara yang saya rasakan penting yang juga disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari tadi. Saya cuma ingin menambah sedikit mengenai fasal 4 mengenai kuasa Menteri yang boleh menetapkan umur persaraan melebihi 60 tahun.

Saya rasa ini ada kebaikan dan ada juga keburukannya. Kebimbangannya adalah sebagaimana yang kita tengok di syarikat-syarikat GLC ada kalanya kita meletakkan wakil-wakil kita dan ada kalanya mereka bertugas melebihi sepuluh tahun dan melebihi usia yang saya rasa terlalu lama. Jadi pada pandangan saya, saya mohon pada kementerian, saya rasa perlu ada langkah-langkah atau pun mekanisme untuk menangani masalah ini.

Kita tidak mahu macam sebagai contoh ada 'KSN' yang duduk sampai 10 hingga 15 tahun di sesuatu jabatan. Jadi, ini akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini dan ada kalanya menyebabkan mengundang masalah-masalah yang merbahaya dan menjadikan masalah kepada kerajaan untuk menjawab di kemudian hari. Jadi, saya mohon kementerian untuk beri penjelasan apakah, setakat manakah kuasa Menteri ini dan selama manakah mereka ini boleh menduduki sesuatu jawatan.

Sebagai contoh saya rasa kalau hendak kira jawatan walaupun Ahli Senator pun kalau boleh kita hendak lebih daripada dua penggal tetapi kita faham maksimum kita dua penggal, tidak boleh lebih. Jadi, saya rasa kita perlu ada satu had waktu supaya kita tidak menyalahgunakan kuasa. Saya rasa kalau orang yang berpengalaman seperti yang kita tahu di firma-firma arkitek. Ada kalanya kalau arkitek itu sudah lama sangat umurnya, ideanya berkurangan. Dia tidak ada dengan izin, *fresh ideas*. Jadi, saya rasa kita boleh ada pemunya syarikat itu orang yang lama tetapi dia akan mengambil orang-orang yang baru dengan idea yang lebih bernas dan dengan idea yang lebih kreatif untuk membantu supaya kita punya pembangunan negara lebih berkesan. Jadi, itu adalah cadangan saya dan saya mahu komen daripada kementerian.

Seterusnya saya juga menyokong baik usaha ini tetapi saya mempunyai sedikit kerisauan dan kebimbangan mengenai apa akan terjadi kepada graduan-graduan yang muda. Adakah dengan pelaksanaan rang undang-undang ini ianya akan mengecilkan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang muda. Jadi, bagaimanakah kerajaan akan memastikan bahawa graduan yang muda ini akan diberi perhatian dan mereka ini juga boleh dinaikkan pangkat tanpa ada sebarang batasan dan limit? Jadi, saya rasa ini perlu kita lihat bersama-sama.

Ini sebab saya difahamkan isu ini juga dibahaskan dalam Parlimen Pelajar dan mereka menolak rang undang-undang ini disebabkan mereka rasa ianya tidak memanfaatkan golongan-golongan muda. Jadi, saya mohon kementerian beri penjelasan dari segi itulah. Walau bagaimanapun, kita merasakan yang berpengalaman yang berumur harus kita ambil berat, ambil pengalaman mereka tetapi yang muda kita tidak boleh tinggalkan.

Seterusnya, saya juga ingin menyatakan dengan mengadakan rang undang-undang ini, apa akan terjadi kepada pekerja-pekerja yang tidak proaktif? Pekerja-pekerja yang hanya akan bekerja sehingga 60 tahun walaupun majikan merasakan mereka ini tidak memberi sebarang sumbangan lagi kepada syarikat tersebut. Apakah langkah-langkah yang boleh majikan ambil dan adakah kementerian melihat dari segi aspek ini?

Saya rasa dengan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat S. Bagiam.

#### 2.49 ptg.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012.

#### ■1500

Kita sedar bahawa tempoh persaraan ini sering dianggap sebagai tempoh masa seseorang itu berehat daripada alam pekerjaan yang diceburi. Sejak berpuluh-puluh tahun apabila bersara, lazimnya seseorang akan berasa gembira kerana mempunyai lebih banyak masa sendiri untuk berehat. Mereka juga dapat meluangkan masa bersama keluarga, melakukan amal ibadat dan memberi tumpuan kepada bidang yang diminati yang selama ini tidak dapat dilakukan kerana kesibukan tugas dan tanggungjawab waktu kerja. Malangnya ramai juga berasa walaupun sudah melewati usia emas terpaksa bekerja semula kerana menghadapi masalah kewangan.

Berdasarkan kajian KWSP mendapati 70% daripada ahli KWSP bersara pada usia 55 tahun menghabiskan caruman mereka antara tahun pertama hingga tahun kesepuluh. Hasil kajian itu pasti membimbangkan kita kerana tanpa kedudukan kewangan yang stabil, ia boleh mencetuskan masalah sosial pada penghujung kehidupan seseorang. Bagi pesara yang mempunyai anak yang mampu menjaga apabila bersara pasti dapat menjalankan hari tua dengan lebih selesa. Akan tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat ramai ibu bapa yang tidak mempunyai anak atau tidak mampu menjaga orang tua mereka kerana gagal merangka pelan simpanan hari tua mereka. Ini secara tidak langsung memaksa mereka ini tinggal di rumah orang tua kerana tidak mampu menyara kehidupan sendiri.

Kos hidup yang semakin tinggi terutama kos perubatan menjejaskan kualiti kehidupan pesara. Justeru itu, saya mencadangkan organisasi swasta agar dapat diwajibkan kakitangan mereka menjalani kursus pra persaraan bagi memastikan sumber manusia digunakan secara optimum. Ini sejajar dengan meningkatkan umur persaraan swasta dari umur 55 tahun kepada 60 tahun. Ia menjadikan keperluan bagi kelompok terbabit dilantik untuk mengekalkan produktiviti, memaksimumkan kepakaran dan pengalaman bekerja serta memantapkan matlamat kehidupan selepas tempoh bersara.

Rang undang-undang ini juga menimbulkan beberapa kekeliruan di mana saya ingin mengetahui sama ada ini akan memberi sebarang kesan terhadap pengeluaran wang simpanan KWSP mereka pada umur 55 dan sama ada pelaksanaan umur persaraan minimum pada umur 60 ini akan disusuli dengan permintaan Akta KWSP dipinda. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ahli KWSP mahu mengeluarkan wang simpanan KWSP mereka dikekalkan pada umur 55 tahun. Ada juga yang mahu pilihan diberi kepada mereka. Jika mereka lebih suka tinggalkan sebahagian wang simpanan KWSP mereka di KWSP, ramai orang pilih umur 55 tahun sebagai umur untuk mengeluarkan semua wang simpanan KWSP sebab mereka ada hak untuk menggunakan wang mereka sendiri secara pilihan sendiri untuk pendidikan anak-anak mereka atau sebagai modal perniagaan mereka sendiri dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan bahawa KWSP harus diliberalisasikan dengan memberi pelbagai pilihan skim persaraan dan pencen untuk kedua-dua sektor awam dan swasta termasuk pengeluaran kesemua wang simpanan KWSP pada umur 55 tahun atau pengeluaran secara ansuran bermula pada umur 55 tahun. Cara ansuran ini diterima baik di banyak negara-negara jiran seperti Singapura dan Hong Kong. Walau bagaimanapun, pengeluaran semua wang simpanan KWSP sekali gus patut dibenarkan. Dalam kes-kes kecemasan, kerajaan tidak patut menganggap bahawa ahli-ahli KWSP termasuk yang dalam kumpulan-kumpulan pendapatan rendah atau rendah sederhana tidak berpengetahuan untuk merangkap atau mengurus kekayaan atau pencen mereka.

Saya yakin menerusi pembentangan rang undang-undang ini, usaha kerajaan untuk membantu rakyat untuk terus baik terbukti dan menunjukkan pengalaman dan kepakaran tidak perlu dipersoalkan oleh sesetengah pihak. Seperti contoh yang saya terima di negara Jepun dan Korea Selatan sudah melanjutkan usia persaraan hingga 60 tahun. Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam dan Kemboja juga melakukan perkara yang sama bagi sektor swasta mereka. Singapura pula melanjutkan hingga 62 tahun dan Australia hingga 65 tahun.

Kedua, kajian KWSP kebelakangan ini mendapati 73% mereka yang bersara pada usia 55 tahun memiliki simpanan sekurang-kurangnya RM50,000. Keadaan bertambah buruk apabila purata jangka hayat meningkat sehingga 72.9% hanya berbekalkan RM50,000 simpanan selepas bersara. Seseorang itu hidup dalam para kemiskinan dengan purata pendapatan RM530. Kajian Bank Dunia juga mendapati lanjutan umur persaraan tidak menjejaskan peluang pekerjaan generasi muda kerana mereka kurang pengalaman dan pengetahuan jika dibandingkan dengan pekerja lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang insurans kesihatan terutama kepada warga emas yang dilanjutkan umur persaraan ini. Sudah tentu golongan ini ataupun pekerja-pekerja yang sudah berumur 55 tahun ke atas ini, mereka akan berdepan dengan risiko kesihatan. Jadi saya ingin bertanya adakah kementerian akan melihat daripada sudut bantuan daripada kementerian sendiri kepada golongan-golongan ini dan bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh syarikat-syarikat swasta dalam menangani masalah kesihatan bagi pekerja-pekerja ini. Bagi syarikat-syarikat yang besar, saya percaya mereka mungkin tidak ada masalah. Bagaimana pula dengan syarikat-syarikat kecil untuk menangani persoalan insurans kesihatan dan saya bangkitkan

ini. Apakah kerajaan juga akan mengeluarkan satu garisan panduan yang baru bagi syarikat-syarikat insurans untuk memastikan agar warga emas ini yang melanjutkan karier mereka ini dilindungi dengan insurans kesihatan tanpa membebankan dengan mengenakan *loading* yang tinggi dan sebagainya.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ialah berkaitan dengan struktur gaji. Apabila kita memberi peluang kepada rakyat kita untuk menaikkan umur persaraan ini adakah kerajaan sudah menilai struktur gaji bagi mereka ataupun gaji mereka akan kekal. Mungkin mereka sudah sampai ke dinding tangga gaji dan sudah tidak boleh pergi lagi. Itulah gaji penamat mereka tetapi adakah mereka akan menambah produktiviti mereka sekiranya masih lagi kekal dengan gaji yang lama. Apakah insentif-insentif yang akan bakal disediakan oleh kementerian bagi golongan ini supaya sentiasa berdaya saing dengan tekanan tenaga kerja mahir. Tuan Yang di-Pertua, dengan inilah saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

3.11 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali Tuan Yang di-Pertua ialah seperti yang diucapkan oleh beberapa rakan di Dewan yang mulia ini iaitu umur kehidupan lanjut dan seperti yang diulangkan tadi lelaki lebih daripada 75, perempuan hampir 77. Jadi, bersara di umur 55 tahun ertinya mereka lebih kurang 20 tahun tidak ada pendapatan dan ada juga perbelanjaan-perbelanjaan lain. Jadi, kenaikan umur persaraan minimum bagi pekerja sektor swasta kepada 60 dialu-alukan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa isu yang perlu diselesaikan sebelum ia diterima oleh pihak majikan dan juga golongan-golongan muda. Pekerja yang sudah sampai 55 tahun dan gaji pun sudah maksimum, tidak boleh naik tanggungjawab ataupun tahap gaji yang lain lagi, ada kemungkinan pekerja ini mungkin akan ambil ringan dan tidak ada begitu motivasi untuk kerja kuat. Ini akan menggalakkan majikan untuk tidak seronok ataupun tidak mahu sambungkan pekerjaan mereka. Isu ini juga akan digunakan oleh pihak-pihak industri untuk tidak sokong ataupun tidak memberi sokongan kepada rang undang-undang ini.

Oleh sebab itu saya minta kementerian, yang penting di sini ialah peluang-peluang pekerjaan untuk golongan muda. Jadi, kerajaan di sini ada satu peranan yang penting untuk memudahkan peluang-peluang baru kepada pekerja-pekerja muda bahawa mereka tidak lihat rang undang-undang ini satu undang-undang yang menyekat dan tidak beri peluang pekerjaan untuk mereka. Jadi, saya mohon kementerian bahawa kalau kita tengok pekerja-pekerja swasta, pekerja swasta ialah lebih kurang 90% daripada warga pekerja di Malaysia. Daripada itu 60% adalah daripada syarikat-syarikat kecil ataupun SME dan syarikat-syarikat inilah yang akan menjadi isu. Syarikat-syarikat besar mungkin mereka boleh menampung kos ataupun boleh naik pangkat atau masih kekalkan pekerja lebih daripada 55 tahun. Akan tetapi syarikat-syarikat kecil mungkin akan rasa ini sebagai satu beban.

Jadi, kementerian ada satu tanggungjawab yang besar untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada pemuda-pemuda yang masuk bidang pekerjaan. Di sini saya nampak dalam transformasi program yang dilaksanakan sekarang, saya nampak hanya syarikat-syarikat yang besar. Tidak begitu banyak syarikat-syarikat yang kecil iaitu terdapat beberapa keraguan kepada sektor swasta dalam hal melabur. Walaupun beberapa projek berprofil tinggi yang bernilai berbilion-bilion ringgit telah dilaksanakan seperti *Rapid, Transit* dan *Refinery and Petroleum Integrated Development* di Pengerang, Johor. Inilah syarikat-syarikat yang besar tetapi tidak banyak kewujudan SME dalam program transformasi. Jadi, apakah langkah daripada kementerian untuk mewujudkan lebih syarikat-syarikat kecil yang boleh dapat beri peluang-peluang pekerjaan, itu yang satu.

Yang kedua ialah Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rangka Kerja Komuniti Ekonomi ASEAN, anggota ASEAN telah pun bersetuju untuk menuju pelan pasaran buruh bebas dengan membenarkan pakar-pakar dan profesional dalam beberapa bidang seperti perubatan, pergigian, kejururawatan, kejuruteraan, seni bina, sumber asli dan penerokaan geografi dan perakaunan untuk bekerja di mana-mana sahaja yang mereka suka di seluruh rantau ini pada tahun 2015.

Ini bermakna pekerja muda kita mungkin memerlukan kemahiran dan perbezaan berbanding dengan pekerja-pekerja yang lebih *senior* yang mempunyai sifat berdaya saing dalam pasaran kerja serantau dan perubahan iaitu mobiliti pekerjaan yang lebih tinggi. Soalan di sini ialah adakah dasar pembangunan buruh kita bersedia untuk menyediakan tenaga kerja muda untuk bersaing secara terbuka dengan tenaga kerja ASEAN yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang ini disambut baik tetapi apa yang berlaku di luar ialah syarikat-syarikat besar, MNC, GLC dan lain-lain ini ketika ini *outsource*? Menyeberang luar dan memberhentikan pekerja untuk menjadikan syarikat mereka kecil untuk menjimatkan kos. Jadi, walaupun ada satu undang-undang yang baik tetapi apa yang berlaku adalah banyak syarikat-syarikat besar *outsource* dan juga mengadakan syarikat lain, syarikat-syarikat kecil membuat kerja. Jadi, banyak pekerja dikurangkan di syarikat-syarikat besar dan begitu juga dengan hak-hak pekerja yang telah banyak dikurangkan. Sekarang hak-hak pekerja banyak dikurangkan. Syarikat-syarikat besar ini juga menghalang penubuhan kesatuan, *union* di tempat kerja. Gaji pekerja di Malaysia hanya meningkat sebanyak 2.6% setahun dan ini adalah mengikut kajian Bank Dunia. Sebanyak 34% pekerja swasta menerima pendapatan kurang daripada taraf kemiskinan dan 80% pendapatan kurang daripada RM3,000.00.

Nampaknya perbezaan pendapatan tinggi pekerja yang mendapat gaji yang tinggi dan gaji yang kurang, *Gini coefficient* ini sangat ketara. Jadi, perkara begini juga mesti diatasi juga untuk rang undang-undang ini diterima baik oleh masyarakat. Selain daripada itu, harga barang-barang keperluan pula naik juga. Satu yang sangat membimbangkan ialah keadaan kehadiran berjuta-juta pekerja asing di Malaysia. Kita dapat lihat banyak perkara yang tidak betul dan menentang kebajikan pekerja. Dengan hanya menaikkan umur persaraan sahaja tidak akan memberi kelegaan kepada pekerja di Malaysia. Mesti ada satu penggubalan undang-undang dan polisi pekerjaan yang lebih holistik secara keseluruhannya. Itulah pandangan saya. Terima kasih.

## ■1520

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah dan seterusnya Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

## 3.20 ptg.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di penghujung penghujahan ini mungkin saya hanya mengambil sedikit kesempatan untuk berkongsi pandangan dengan rakan-rakan yang telah banyak mengupas dan mengulas tentang rang undang-undang yang kita bahaskan iaitu berhubung dengan umur persaraan minimum.

Masyarakat ataupun komuniti pekerja swasta di luar sana, memang ternanti-nanti rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara kerana terutamanya mereka yang berumur sekitar 53 tahun dan 54 tahun. Di akta yang sedia ada, kebanyakan syarikat-syarikat akan menamatkan perkhidmatan pekerja mereka ketika mana mencecah genap 55 tahun.

Angka ini besar juga dan saya rasa ketibaan rang undang-undang baru ini mendapat sambutan yang baik, yang dinanti-nantikan bukan sahaja mereka yang berumur 54 tahun atau baru-baru ini akan mencecah 55 tahun tetapi mereka-mereka yang sudah berada di alam persediaan untuk bersara. Kita berharap kementerian akan mengambil tindakan susulan yang segera.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum, beliau juga mendapat gesaan-gesaan daripada pekerja ataupun petugas-petugas ataupun pekerja-pekerja swasta di luar sana. Saya juga menerima maklum balas-maklum balas yang berterima kasih kepada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat yang meluluskan rang undang-undang ini kerana memberi ruang kepada mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka sehingga ke berumur 60 tahun.

Walau bagaimanapun, beberapa isu penting harus kita lihat, kita teliti. Saya melihat daripada dua dimensi. Satu, daripada dimensi pekerjaan ataupun daripada dimensi pekerja-pekerja swasta itu sendiri yang mana ini merupakan satu penyelamat ataupun talian hayat kepada mereka yang akan bersara. Kalau sebelum ini 55 tahun dan kita tahu umur hayat ataupun secara *averagenya* lelaki 74 tahun dan wanitanya 79 tahun, 78 tahun, satu angka yang lebih kurang, tidak payah diperdebatkan oleh Dato' Rahman dan sebagainya. Tadi ada soalan kenapa lelaki lebih pendek? Jawabnya senang sahaja, sebab lelaki ini selalu kena leter oleh orang perempuan. Itu sebabnya orang lelaki ini pendek sedikit...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betulkah?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Itu pengalaman peribadi?... [Ketawa]

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Belum, bukan pengalaman, umur tak sampai tahap itu lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dari dimensi pekerja-pekerja di luar sana ini sudah tentu memberi satu peluang tali hayat yang sebagaimana saya sebutkan tadi untuk mereka terus mencari mata

penggajian, mencari peluang-peluang meningkatkan pendapatan bagi menyambung antara umur 55 tahun ke 60 tahun ataupun mungkin dalam masa terdekat nanti akan dipertingkatkan lagi.

Oleh sebab Yang Berhormat Menteri dengan kuasa-kuasa yang diletakkan dalam rang undang-undang baru ini mungkin akan dipertingkatkan lagi, kita tidak tahu. Kerana banyak negara di luar sana termasuk negara-negara dunia ketiga pun sudah meningkat sehingga ke umur 65 tahun.

Di samping itu, kita juga ingin melihat dimensi ini dari segi dimensi *employees* ataupun majikan-majikan yang saya rasa di luar sana masih lagi tertunggu-tunggu dan inginkan penjelasan kerana apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan tiga tahun, dua tahun ataupun setahun daripada sekarang kita tidak tahu, bergantung pada *negotiation* antara pihak kementerian dengan MEF misalnya ataupun FMMkah, sudah tentu ini akan mengakibatkan impak dan implikasi yang besar. Itu satu.

Kedua, ia akan ada juga kesan-kesan dalam mereka membuat perancangan untuk sumber manusia, sesuatu organisasi ataupun korporat itu dalam masa jangka pendek dan jangka sederhana.

Kepada majikan-majikan, saya percaya mereka ada yang sudah bersedia tetapi lebih ramai saya yakin di luar sana yang belum bersedia. Jadi satu tumpuan kita kena ambil sedikit perhatian bagaimana kita hendak maklumkan. Walaupun sebelum ini kita tahu MEF, FMM dan lain-lain badan-badan yang bersangkutan dengan majikan telah diberi taklimat tetapi dalam segi pelaksanaan saya yakin akan menyulitkan keadaan.

Itu sebab kita perlu membuat program-program bagi benar-benar memberi kefahaman kepada pihak majikan. Apabila diumumkan rang undang-undang akan dibentangkan di Parlimen, segelintir masyarakat menganggap bahawa kerajaan hari ini meningkatkan tahap persaraan kepada 60 tahun kerana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak mampu untuk mengeluarkan wang ataupun caruman kepada pekerja-pekerja. Ini persepsi dan ini berlaku. Ini juga kita kena perbetulkan.

Mereka ini menganggap bahawa kita tingkatan umur pengeluaran ataupun umur persaraan, secara tidak langsung memberi indikasi bahawa EPF ataupun KWSP tidak mampu menampung pengeluaran kepada kesemua yang berumur 55 tahun. Ini satu persepsi yang saya rasa perlu diperbetulkan.

Begitu juga apabila persepsi bahawa, bukan persepsi, bahawa belum ada keputusan. Ini *statement* daripada Yang Berhormat Menteri sendiri di dalam media yang mengatakan belum ada keputusan daripada Kabinet berhubung umur pengeluaran sepenuhnya untuk KWSP. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak boleh bagi, belum ada pengumumanlah sebab *you have to be very sure, you have to be very perfectly sure*. Kerana apa juga *statement-statement* yang memberi ruang untuk orang lain membuat persepsi akan menimbulkan sesuatu keadaan yang kurang selesa.

EPF atau KWSP hari ini sebenarnya adalah merupakan sumber sebenarnya ataupun hakiki kepada seseorang yang akan bersara. Saya bercakap dari segi pekerjaan swasta sebab mereka tidak ada simpanan lain. Mereka benar-benar bergantung kepada simpanan mereka iaitu dalam EPF atau KWSP. KWSP hari ini memberi pulangan yang baik, 6% satu angka dividen yang cukup tinggi dalam

masa 10 tahun kebelakangan ini. EPF hari ini sudah menjadi satu tabung yang cukup besar, akan mencecah hampir RM500 bilion tidak lama lagi. Itu juga satu kumpulan wang yang cukup besar.

Saya khuatir kalau setiap pekerja yang cukup bergantung kepada EPF sebagai sumber untuk mereka menampung kehidupan selepas bersara, ini akan menjadi sesuatu yang menyulitkan dan akan memberi kesusahan kepada pekerja itu sendiri jika sekiranya EPF hanya memberi kebenaran untuk mengeluarkan pada tahap umur persaraan dan selepas itu kita mungkin tidak ada lain-lain *social obligation*, dengan izin, kepada pekerja-pekerja tersebut. Mungkin kita boleh fikirkan bagaimana kita boleh membantu seseorang pekerja itu apabila dia bersara.

#### ■1530

Kalau hari ini contohnya 55 tahun, bukan setakat hendak membenarkan dia mengeluarkan simpanannya 100%, mungkin kita boleh fikirkan EPF di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri dan juga agensi-agensi yang bersangkutan paut, SOCSO dan sebagainya, boleh membantu memikirkan apakah kepentingan keperluan pekerja apabila dia bersara.

Hari ini kita tahu, kita tahu bahawa salah satu perkara utama yang menjadi masalah kepada pesara-pesara ialah kesihatan. Kesihatan merupakan antara satu kos yang paling besar dibandingkan dengan kos-kos menampung anak-anak, menghantar anak-anak belajar. Setahu saya kita belum bersedia lagi dan belum ada lagi skim yang boleh membantu pekerja itu – kalau kita dapat kaitkan dengan simpanan mereka di EPF mahupun di SOCSO sendiri. Ini kerana SOCSO adalah sesuatu yang kita kata orang bagi premium caruman secara hangus, tidak ada pulangan. Sementara kepada EPF, kita bergantung kepada caruman dan juga dividen yang bakal dibayar. Dalam Dewan yang mulia ini kita juga pernah berbincang bagaimana kita boleh membantu pencarum-pencarum EPF di samping pelaburan persaraan yang telah kita luluskan baru-baru ini. Saya pernah menitikberatkan bagaimana kita memikirkan supaya kita fikirkan skim khas untuk membantu mereka sekiranya ataupun selepas mereka bersara.

Untuk makluman Dewan yang mulia, seseorang yang bekerja di sektor swasta, mereka diambil segala kos-kos kesihatan adalah ditampung oleh majikan, segala-galanya. Bergantung kepada kedudukan mereka di dalam syarikat, mereka layak kepada macam-macam jenis *protection*, dengan izin. Akan tetapi *the moment* apabila dia keluar sahaja, maka hilang semua kemudahan-kemudahan tersebut dan dia perlukan sesuatu bagi membantu dia untuk menampung apa juga kos kesihatan. Ini semuanya sebenarnya banyak yang terlepas pandang. Saya yakin kalau kita boleh ambil ini sebagai satu iktibar, kita fikirkanlah bagaimana dan saya harap kementerianlah yang boleh memikirkan supaya kita kaitkan tabungan seseorang pencarum itu di dalam KWSP dengan juga kemudahan-kemudahan kesihatan.

Saya juga ingin merujuk kepada denda RM10 ribu yang mana telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga percaya bahawa angka itu satu angka yang mungkin rendah. Sebab, seseorang majikan yang ingkar menurut rang undang-undang ini akan dikenakan denda RM10 ribu. Contohnya, seseorang pekerja yang kalau gaji dia RM15 ribu, apabila berumur 55 tahun majikan enggan untuk meneruskan perkhidmatan, majikan hanya dikenakan denda RM10 ribu sahaja.

Ini satu *escape clause* yang saya rasa mungkin tidak memihak kepada pihak pekerja. Pihak pekerja boleh ditindas dalam keadaan ini kerana kalau saya sebagai seorang majikan, saya mampu bayar RM10 ribu kerana saya tidak mampu bayar dia RM15 ribu untuk lima tahun yang akan datang. Bandingkan. Jadi mungkin itu boleh dilihat semula...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit lagi Yang Berhormat, cukuplah itu.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Jadi dalam angka-angka yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pekerja-pekerja yang bergantung kepada caruman semuanya telah menghabiskan wang caruman ataupun wang daripada pengeluaran KWSP mereka sama ada antara satu ke sepuluh tahun, satu jangka masa yang cukup pendek. Di sini kita mungkin boleh mencadangkan agar KWSP melihat dengan lebih jauh lagi. Kita boleh kurangkan dividen tahunan tetapi kita boleh simpan dividen itu untuk jangka masa panjang termasuk kemudahan-kemudahan kesihatan yang saya sebutkan tadi. Saya rasa sebagai pekerja yang ada caruman dalam EPF, kita tidak akan kompelin sekiranya kita dapat 5% ataupun 3.5% asalkan dividen itu kita tahu direserwekan untuk kita untuk kemudahan-kemudahan yang lain yang bersangkutan.

Jadi itulah beberapa perkara yang sempat saya hujahkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan saya juga mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Ahli Yang Berhormat kita ada dua orang lagi lepas itu tidak ada lagi ya dan kita minta Menteri menjawab. Saya persilakan Dato' Dr. Firdaus dan seterusnya Dato' Haji Abdul Ibrahim bin Haji Abdul Rahman.

### 3.36 ptg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut bercakap membahaskan rang undang-undang ini. Saya tidak berhasrat untuk mengulang-ulang apa yang telah rakan-rakan Yang Berhormat lain telah sampaikan kecuali barangkali di penghujung ucapan Yang Berhormat Dato' Najeeb tadi. Saya sudah teragak-agak dan barangkali tidak perlu saya cakap lagi ini, Dato' Najeeb sudah cakap, tetapi rupanya tidak sampai. Ada kelebihan sedikit tadi daripada rakan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat sampaikan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey hendak sampaikan. Kebetulan kira-kira tujuh minit setengah sebelum Dato' Najeeb bercakap tadi, saya bercakap dengan bekas mahasiswa saya yang sekarang menjadi pegawai tinggi di EPF. Kata beliau, dalam tahun 2008 dahulu EPF telah berura-ura untuk melaksanakan satu skim insurans kesihatan untuk penyumbang-penyumbang. Akan tetapi kerana ada sedikit masalah-masalah teknikal dan ada sesetengah pihak yang tidak mahu bertolak ansur, maka rancangan untuk mengadakan skim insurans kesihatan bagi penyumbang-penyumbang EPF itu di 'peti sejuk'kan. Jadi saya tanya pegawai tinggi itu, apakah tidak mungkin perkara ini dikemukakan balik? Dia kata sangat bagus katanya kalau Dewan Negara mulai dengan izin, *pick-up* isu ini balik.

Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan kebajikan pekerja-pekerja di syarikat swasta. Itulah tujuannya. Akan tetapi apa yang seakan-akan terabai yang sudah mulai disentuh oleh Dato' Najeeb tadi ialah biaya kesihatan pekerja-pekerja swasta ini apabila mereka sudah bersara. Kita tahu sekarang biaya kesihatan semakin meningkat. Kalau tidak salah saya, hendak periksa darah sahaja di hospital kerajaan memerlukan biaya sampai RM100 hingga RM150 hendak ambil darah sahaja. Akan tetapi barangkali sebahagian daripada kita ini tidak sedar kerana sebahagian besar daripada kita mendapat perkhidmatan pemeriksaan darah itu secara percuma. Akan tetapi bagaimana dengan mereka yang tidak mempunyai peluang seperti itu?

Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya skim insurans perubatan untuk penyumbang-penyumbang KWSP yang pernah diteroka dahulu dan hampir dilaksanakan pada tahun 2008 oleh EPF itu ditinjau kembali. Ditinjau kembali untuk dilaksanakan untuk diatasi masalah-masalah yang remeh yang berbangkit daripada sikap tamak, sikap *selfish* dengan izin setengah-setengah pihak. Itu yang menyebabkan idea itu terbengkalai. Umpamanya, untuk melanjutkan idea yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Najeeb tadi, sama ada kita menggunakan sebahagian daripada sumbangan pekerja dan sumbangan majikan terhadap EPF itu atau ditambah sumbangan setengah *percent*kah dipihak pekerja dan 1% sumbangan di pihak majikan khusus untuk insurans kesihatan berkelompok itu.

Di samping itu juga, barangkali untuk menambah dana insurans itu barangkali selama ini kalau ada syarikat-syarikat besar yang selama ini menyumbangkan wang dengan alasan CSR yang biasanya disumbangkan untuk projek-projek yang *glamour* dan *glorious* sahaja, bagaimana umpamanya sebahagian daripada biaya CSR itu digunakan untuk membiayai skim insurans kesihatan ini?

#### ■1540

Jadi itulah saya rasa yang patut diambil kira, Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya katakan, perkara ini memang sudah terfikir oleh EPF tetapi kerana ada pihak-pihak yang berkeras tidak mahu bertolak ansur, maka skim yang hendak dilaksanakan pada tahun 2008 itu terpaksa dipetisejukkan. Jadi bila saya rujuk pegawai tinggi di EPF itu sekejap tadi, dia kata sangat bagus kalau sekiranya Dewan Negara menimbulkan perkara ini semula. Ada alasan untuk kita berhujah dengan pihak yang berkeras yang menggagalkan usaha ini tiga atau empat tahun yang dahulu.

Jadi itulah perkara yang satu *point* yang utama yang hendak saya kemukakan Tuan Yang di-Pertua. Atas kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih banyak dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak, Yang Berhormat. Inilah contohnya kalau inisiatif setiap orang Ahli Dewan Negara ini mengambil masa dan untuk fokus kepada tajuk yang berkenaan. Macam mana Yang Berhormat sebentar tadi bercakap, inilah contoh-contohnya yang patut kita galakkan. Tidak buang masa yang lama tetapi isinya cukup bernas. Akhir sekali, saya hendak menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

**3.41 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan ini. Pertama sekali saya tahu bahawa banyak Yang Berhormat telah bercakap dan saya hanya hendak membawa tiga *point*, empat *point* sebenarnya selain daripada ucapan tahniah kepada kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia kerana inisiatif untuk menggubal undang-undang ini.

*Point* saya yang pertama ialah yang sebenarnya saya juga seorang majikan. Tidaklah besar. Di antara 300 orang hingga 400 orang atau 500 orang kakitangan *at anyone timelah*. Kadang-kadang ada 300 orang dan terpulang kepada kerjalah.

Saya sudah *introduced* undang-undang ini dalam syarikat saya dua puluh tahun dahulu iaitu persaraan kakitangan saya sudah memang 60 tahun dan sekarang untuk *to go with the times* dengan izin, kita sedang membicarakan sama ada kita boleh naikkan ini kepada 65 tahun sebab boleh jadi sebab saya ini sudah tua sedikit. Umur sudah 72 tahun tetapi saya masih kerja daripada pukul 9 pagi sampai pukul 5 dan kadangkala sampai malam pun. Jadi maknanya dengan adanya kemudahan-kemudahan yang ada sekarang, saya fikir kerajaan patutlah memikirkan dari semasa ke semasa boleh jadi naikkan tahap umur ini kepada lebih daripada 65 tahun seperti di negara-negara lain. Itu yang pertama.

Kedua ialah saya hendak memperkuatkan pendapat Yang Berhormat Dato' Najeeb iaitu denda sebanyak RM10,000 yang dikenakan dalam peruntukan 52 ini sememangnya terlampau kecil. Kalau kita hendak buang seseorang pekerja oleh sebab-sebab tertentu, kita kena fikir sama ada tiga bulan gajikah, enam bulan gajikah. Kalau gaji dia sebanyak RM25,000 barangkali kalau kena bayar enam – oleh sebab kesalahan dia sekalipun kita suruh dia berhenti, kita kena *negotiate* tiga bulan gajikah ataupun enam bulan gaji. Jadi kalau RM10,000 ini, *employees will get away with it*lah seperti yang Dato' Najeeb kata. Maknanya dia kena bayar RM10,000 sahaja kalau dia berhentikan kakitangannya dengan serta-merta dengan sebab-sebab yang boleh jadi tidak munasabah.

Akhir sekali, minta maaf, Yang Berhormat Menteri. Saya risau sedikit berhubung dengan peruntukan 18 ini di mana mengatakan Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengecualikan dengan atau tanpa syarat mana-mana majikan dan kumpulan majikan daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini. Kita faham bahawa kabinet kita *is a responsible Cabinet*. Menteri-menteri kita adalah bertanggungjawab dan dia tidak akan semena-mena menggunakan syarat nombor 18 ini. Akan tetapi saya risaulah sedikit kalau-kalaulah kuasa seumpama ini disalah gunakan. Jadi saya minta kementerian sekurang-kurangnya memberi penjelasan dan juga *assurance* kepada kita bahawa peruntukan seumpama ini tidak dibuat dengan semena-mena. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah kualiti-kualiti yang ada di Dewan ini. Saya ucapkan syabas dan tahniah dan kita bersyukur jugalah kerana Menteri yang berkenaan ini dia pun amat bijak juga dan arif di dalam perkara ini. Setelah mendengar tadi, Yang Berhormat, saya percaya dan saya tahu Yang Berhormat pun sibuk dengan kerja tetapi dia beri *priority* berada di Dewan ini.

Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat kerana perkara-perkara ini penting dan soal pokoknya keberkesanan undang-undang yang kita akan laksana akan memanfaatkan kumpulan sasaran yang *become a good law. Not a bad law*, dengan izin.

Tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.46 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012. Lebih daripada 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Ini kerana perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya akan jawab – jawapan saya akan diasaskan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya berharap kebanyakan daripada isu yang dibangkitkan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan akta ini akan dijawab dan isu-isu yang tidak mempunyai dengan akta ini akan dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tidak ada undang-undang di dalam negara kita untuk menetapkan umur persaraan untuk sektor swasta. Manakala untuk sektor awam, kuasa ini diberi kepada kerajaan dan kerajaan telah menetapkan umur persaraan untuk sektor awam yang pada masa dahulu 55 tahun, selepas itu dinaikkan kepada 56 tahun. Selepas itu dinaikkan kepada 58 tahun sampai sudah kepada 60 tahun. Walaupun perubahan sudah berlaku di dalam sektor awam, ini tidak diikuti oleh sektor swasta di mana kebanyakan syarikat-syarikat telah mengekalkan amalan dahulu iaitu yang sudah mula daripada kemerdekaan sampai sekarang untuk menetapkan umur persaraan pada 55 tahun. Itulah sebabnya kerajaan pada julung-julung kali melalui akta ini mendapat kuasa untuk menetapkan umur persaraan di sektor swasta.

Sebelum ini tidak ada kuasa untuk kerajaan untuk menetapkan umur persaraan untuk sektor swasta. Akta ini memberi kuasa kepada kerajaan yang melalui akta ini pada bila-bila masa, kerajaan boleh menetapkan umur persaraan yang berpatutan dengan kehendak masa itu dan ini boleh dilaksanakan dan dikuatkuasakan kerana akta ini memberi kuasa kepada kerajaan. Itulah prinsipnya. Saya telah menjelaskan di dalam perbahasan tadi bahawa apakah sebab - semasa saya membentangkan dasar, apakah sebab salah satu daripadanya ialah untuk seragamkan ini umur persaraan di sektor swasta dengan sektor awam kerana ada perbezaan yang sangat.

Nombor dua adalah untuk mengambil kira peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia yang sudah meningkat daripada masa dahulu sampai 72 tahun, 77 tahun seperti yang telah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan untuk meningkatkan lagi kuasa KWSP untuk memberi perlindungan kepada pekerja semasa mereka bersara.

### ■ 1550

Inilah daripada segi dasar mengapa kerajaan telah membuat keputusan untuk mengadakan akta dan untuk menetapkan satu umur persaraan kepada sektor swasta. Di dalam penetapan ini memang ada beberapa isu walaupun tiada isu yang besar yang akan bangkit dan ini akan

diselesaikan oleh kerajaan dan ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu ialah tentang keadaan KWSP iaitu proses pencaruman dan proses pengeluaran pencaruman yang ada di dalam KWSP.

Selepas penguat kuasa undang-undang ini, apa yang akan dibuat setelah diputuskan ialah caruman KWSP yang sekarang berhenti selepas 55 tahun akan dilanjutkan sampai 60 tahun. Tanggungjawab ini akan diberi kepada majikan dan pekerja untuk carum seperti yang telah ditetapkan pada masa sekarang sampai 60 tahun dan apa-apa perubahan yang perlu dibuat melalui Akta KWSP untuk memastikan caruman diteruskan sampai 60 tahun akan dibuat oleh pihak KWSP.

So isu caruman ini akan dilanjutkan dan itulah salah satu daripada prinsip mengapa kita telah menetapkan umur persaraan kerana melalui itu, pihak pekerja akan mendapat penjimatan lagi lima tahun caruman daripada pihak pekerja dan caruman daripada pihak majikan.

Isu nombor dua yang telah dibangkitkan ialah umur pada masa apabila pihak pekerja boleh keluar caruman mereka. Pada masa sekarang, pekerja boleh mengeluarkan 30% daripada caruman mereka pada 50 tahun dan bakinya semua pada 55 tahun. Di dalam perkara ini, ada pandangan-pandangan berbeza.

Daripada kalangan pekerja dan kalangan rakyat ada antara mereka mempunyai pandangan bahawa kerajaan mesti mengekalkan sistem yang ada pada masa sekarang iaitu pekerja mesti diberi peluang untuk mengeluarkan caruman mereka pada 55 tahun seperti yang ada pada masa sekarang.

Akan tetapi di sebaliknya ada antara mereka yang ada hujah-hujah yang diasaskan kepada apakah tujuan asal KWSP. Tujuan asal KWSP ialah untuk memberi perlindungan kepada seseorang pekerja selepas mereka sudah bersara. Kalau itu tujuan asal, kalau di dalam prosesnya kita membenarkan mereka mengeluarkan caruman itu lebih awal daripada itu, kita akan hilang tujuan asalnya. Oleh itu di dalam perkara ini kerana ada pandangan yang berbeza, kita telah mencadangkan daripada peringkat kementerian bahawa pada masa sekarang tidak ada perubahan dibuat iaitu kita masih mengekalkan sistem yang ada pada masa sekarang iaitu pekerja-pekerja boleh mengeluarkan caruman mereka pada 55 tahun.

Kalau KWSP mempunyai cadangan untuk buat pindaan supaya caruman dibuat pada 60 tahun, pindaan ini cuma dibuat selepas mengadakan perbincangan yang mencukupi dan mengambil kira pandangan rakyat dan pandangan pekerja dan memberi tempoh masa yang cukup sebelum pindaan itu dibuat. Perkara ini telah diberitahu kepada KWSP dan mereka akan mengambil kira segala pandangan rakyat, segala pandangan pekerja, pandangan daripada pihak-pihak Kesatuan Sekerja sebelum membuat apa-apa pindaan tentang perubahan di dalam membuat apa-apa pindaan kepada umur pada mana caruman KWSP boleh dikeluarkan.

Lagi satu isu ialah tentang PERKESO. PERKESO sudah membuat keputusan bahawa PERKESO akan membuat pemindaan kepada Akta PERKESO untuk meningkatkan kelayakan untuk mohon, untuk mendapatkan bantuan pencen ilat yang ada pada masa sekarang pada 55 tahun kepada 60 tahun.

Pada masa sekarang, seseorang yang mempunyai satu penyakit dan mereka tidak boleh terus kerja kalau mereka membuat permohonan sebelum 55 tahun, mereka layak untuk mendapat pencen ilat. Pindaan yang akan dibuat oleh PERKESO ialah untuk melanjutkan kelayakan itu sampai 60 tahun.

Itu bermaksud mereka 58 tahun, 59 tahun sebelum 60 tahun termasuk mereka yang sudah bersara pada masa sekarang, mereka mohon, layak untuk membuat permohonan untuk mendapat pencen ilat. Ini kita sudah bincang dalam PERKESO dan selepas lihat kepada keupayaan PERKESO untuk membuat bayaran-bayaran ini, PERKESO berani bahawa mereka boleh meningkatkan masa ini sampai 60 tahun dan masih PERKESO mampu untuk bayar apa-apa permohonan-permohonan yang akan dibuat kepada mereka.

Ada satu perkara yang dibangkitkan ialah tentang bolehkah kita mengadakan satu skim pencen untuk pekerja-pekerja selepas mereka sudah bersara. Perkara ini sudah dibangkitkan oleh saya sendiri di dalam beberapa platform tetapi telah mendapat pandangan yang berbeza daripada pihak-pihak tertentu iaitu:

- (i) pandangan daripada pencarum kepada KWSP iaitu jangan membuat apa-apa perubahan kepada sistem KWSP yang sedia ada; dan
- (ii) pandangan daripada pihak majikan yang enggan membuat apa-apa bayaran tambahan kepada mana-mana skim baru yang akan mewujudkan Skim Pencen.

Oleh itu perkara ini mesti dibincangkan secara lebih mendalam walaupun daripada segi prinsip saya terima pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya kongsi pandangan ini iaitu kalau kita lihat kepada kumpulan yang mendapat gaji yang rendah, apa-apa caruman yang mereka ada, apa-apa duit penjimatan yang mereka ada itu tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka sampai 75 tahun.

Oleh itu, untuk jangka masa panjang, kita memerlukan satu sistem yang boleh memberi perlindungan kepada warga emas tetapi sistem ini kena dikaji secara betul dan kena menerima sokongan daripada semua pihak termasuk majikan dan pekerja dan boleh dilaksanakan dengan sokongan kerajaan juga untuk memberi perlindungan yang lebih luas kepada warga emas selepas mereka sudah bersara.

Di dalam akta, memang jelas macam mana seseorang pekerja yang sudah dibersarakan lebih awal membuat tuntutan. Seseorang pekerja yang sudah dibersarakan lebih awal ada perbezaan di antara persaraan dan penamatan pekerja. Ini kerana penamatan pekerjaan boleh dibuat oleh sebab-sebab yang pelbagai, oleh sebab disiplin, sebab-sebab yang lain tetapi persaraan ialah cuma persaraan tanpa apa-apa sebab yang lain. Kalau seseorang pekerja itu dibersarakan secara awal, mereka mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja dalam 60 hari daripada hari persaraan ini.

Selepas itu Ketua Pengarah akan membuat siasatan dan kalau Ketua Pengarah berpandangan bahawa sebenar-benarnya apa yang telah berlaku ialah satu persaraan awal dan

bukan penamatan pekerjaan, kalau ini adalah sebenarnya persaraan awal, ketua pengarah akan arah majikan untuk mengambil balik pekerja ini dan membayar segala bayaran tunggakan yang ada dari segi gaji.

Kalau ketua pengarah berpendapat bahawa ini bukan suatu *premature retirement* tetapi ini adalah sebenarnya satu pemberhentian kerja kerana sebab-sebab yang lain, dia akan tolak aduan ini dan pekerja mempunyai hak untuk membuat tuntutan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan iaitu *Industrial Relation Department* melalui seksyen 20 dan pekerja diberi 20 hari. Oleh itu pada awalnya mereka diberi 60 hari untuk buat tuntutan dan selepas keputusan Ketua Pengarah, mereka masih diberi 30 hari lagi untuk membuat tuntutan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan kerana mendapat keadilan daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan. Oleh itu ada dua peluang iaitu *first* ialah untuk Ketua Pengarah kalau mereka gagal di situ, mereka masih boleh pergi ke Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan kerana sebab-sebab yang lain.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan tentang kuasa Menteri untuk memanjangkan umur persaraan. Ini ialah satu kuasa yang tidak akan digunakan sewenang-wenangnya oleh Menteri dan ini juga adalah satu keputusan dasar dan pada setiap kali keputusan sedemikian ini cuma boleh dibuat selepas mengadakan perbincangan di dalam negara kita. Segala isu sedemikian ini dibincangkan di dalam semangat patriotisme, di dalam *National Labor Advisor and Council*.

#### ■1600

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta laluan Yang Berhormat. Boleh minta?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Selalunya apabila keputusan seumpama ini dibuat oleh menteri, adakah perkara seumpama ini yang sebegitu mustahak akan dibawa kepada Kabinet seterusnya? Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya. Pada kali ini bila rang undang-undang digubal dan umur ditetapkan pada 60 tahun, isu ini telah di bawa kepada pihak Kabinet dan telah mendapat persetujuan daripada Kabinet. Pada biasanya, tentang umur atau perkara-perkara dasar yang mempunyai implikasi yang besar kepada negara dan ekonomi negara, perkara-perkara ini dibawa kepada Kabinet untuk mendapat persetujuan daripada Kabinet. Ini punlah satu perlindungan kepada Menteri kerana kalau diputuskan oleh Kabinet, menteri pun boleh mendapat perlindungan implikasi daripada keputusan itu. Lagi satu isu yang dibangkit adalah denda dan saya mahu menjelaskan walaupun ada denda RM10,000, pihak majikan tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka untuk bayar bayaran yang sebenar yang patut dibayar kepada pekerja.

Contohnya, pekerja itu dibersarakan pada umur 56 tahun dan sebenarnya ini sudah diputuskan oleh ketua pengarah bahawa ini ialah satu persaraan awal iaitu *premature retirement*. Ketua pengarah akan membuat keputusan iaitu pertama pihak majikan kena ambil balik pekerja itu atau bayar gajinya daripada 56 tahun sampai ke 60 tahun iaitu baki tunggakan empat tahun pun gaji kena dibayar dan tambahan kepada itu akan didenda RM10,000. Oleh itu, sangkaan bahawa seseorang majikan boleh lari daripada tanggungjawab mereka dengan menggunakan undang-undang ini dan bayar RM10,000 tidak akan terjadi...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri, sekali lagi saya hendak mencelah. Akan tetapi dalam akta ini, itu tidak dijelaskan. Di mana yang dijelaskan bahawa selain daripada denda itu, pihak majikan perlu bayar seperti biasa kalau dia *terminate* salah satu kakitangan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Saya mahu merujuk kepada Bahagian III, seksyen 5B iaitu selepas waktu siasatan di bawah seksyen 4, jika ketua pengarah berpuas hati bahawa pekerja itu telah dibersarakan secara pramasa oleh majikannya, ketua pengarah boleh mengarahkan majikan supaya mengembalikan semula pekerja itu kepada pekerjaan asalnya dan membayar pekerja itu apa-apa tunggakan gaji yang dikira daripada tarikh pekerja itu telah dibersarakan secara pramasa sehingga tarikh pengembalian semula pekerja itu atau kedua, supaya membayar pekerja itu pampasan sebagai ganti pengembalian semula kerja yang tidak melebihi amaun keseluruhan gaji pekerja itu yang dikira dari tarikh pekerja itu telah dibersarakan secara pramasa sehingga tarikh pekerja itu mencapai umur persaraan minimum.

Jadi, memang jelas di bawah akta bahawa perkara ini diambil kira dan bayaran mesti dibuat dan kuasa menteri untuk memberi pengecualian pun ada asas-asas tertentu. Saya bagi contoh, di dalam jadual iaitu *schedule* ada satu *clause* yang akan mengecualikan mereka yang membuat *contract for service* yang kurang daripada dua tahun. Kalau *contract for service* kurang daripada dua tahun, mereka dikecualikan daripada kegunaan undang-undang ini tetapi mereka yang ada di dalam *contract for service* untuk lebih daripada dua tahun contohnya tiga tahun, mereka mesti mematuhi atau mereka ikut apa yang telah ditetapkan di bawah akta ini.

Itu bermaksud contohnya seorang *engineer* yang kerja di dalam satu projek tertentu *on contract* untuk lima tahun contohnya, kalau ikut akta tanpa pengecualian, beliau mempunyai hak untuk minta majikan supaya beliau boleh kerja sampai 60 tahun tetapi kontraknya hanya lima tahun kerana mungkin tempoh projek itu untuk lima tahun sahaja. Di dalam keadaan itu, pihak majikan kena mohon kepada ketua pengarah supaya kontrak itu diberi pengecualian daripada kegunaan akta ini supaya lepas lima tahun, beliau tidak akan minta supaya saya boleh kerja sampai umur 60 tahun walaupun tiada projek langsung.

Oleh itu untuk memastikan bahawa keadaan-keadaan diberi perlindungan, ada kuasa diberi kepada Menteri untuk memberi pengecualian dan saya boleh jamin bahawa ini tidak boleh disalahgunakan oleh seseorang Menteri kerana seseorang pekerja mempunyai hak kalau tidak

dibersarakan, mempunyai hak untuk membuat aduan bahawa pengecualian yang tidak sah di dalam negara kita tidak boleh lari daripada keadaan-keadaan sedemikian.

Oleh itu, saya ingat semua Menteri mesti bertanggungjawab di dalam menggunakan kuasa yang diberi oleh mereka. Ada satu isu yang dibangkit ialah tentang bersara secara pilihan. Bolehkah seorang yang mahu bersara sebelum 60 tahun, bersara di bawah akta ini. Akta ini memberi kuasa di dalam satu klausa di mana mereka kalau telah disetujui di antara pekerja dan majikan bahawa seseorang pekerja boleh pilih pada satu umur yang lebih awal dan sudah dipersetujui oleh pekerja, mereka akan dibenarkan sebab ini adalah pilihan pekerja bukan pilihan majikan.

Undang-undang ini ialah tidak memberi pilihan kepada majikan untuk bersarakan seorang pekerja tetapi memberi pilihan kepada pekerja untuk menentukan apakah masa yang paling sesuai untuk bersara. Hak itu diberi kepada pekerja dan untuk orang muda, isu yang berkenaan dengan peluang-peluang pekerjaan untuk orang muda telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya pun telah jelaskan sedikit tentang isu ini di dalam bacaan rang undang-undang pada kali yang kedua tadi.

Seperti yang saya telah umumkan, pada masa sekarang, bilangan mereka yang bersara ialah lebih kurang 80,000 orang pada setiap tahun dan mengikut butiran yang kita ada, jumlah peluang-peluang pekerjaan yang wujud di negara kita pada satu tahun ialah lebih kurang 300,000 peluang pekerjaan. Oleh itu, kita mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak daripada mereka yang keluar daripada pekerjaan. Oleh itu saya ingat itu tidak akan jadi isu walaupun di dalam perkara mendapat peluang untuk naik pangkat untuk satu jangka masa pendek, ini akan menjadi isu tetapi selepas beberapa tahun, mungkin empat ke lima tahun lepas seseorang majikan sudah menyesuaikan sistem struktur pekerja-pekerja mereka dengan sistem yang baru, saya ingat isu itu tidak akan bangkit kerana mereka yang menjadi CEO mungkin pada umur 55 tahun pada masa sekarang, di dalam lapan tahun mungkin mereka akan jadi CEO lepas 58 tahun sahaja.

Oleh itu ini akan *automatically restructured itself* tetapi cuma kita perlu memberi masa yang mencukupi kerana ini ialah satu sistem yang baru. oleh itu, penstrukturan semula sistem-sistemnya iaitu termasuk sistem-sistem kenaikan pangkat, sistem-sistem pembayaran gaji dan sistem kenaikan gaji akan diselaraskan dengan masa, dengan penstrukturan semula sistem-sistem yang tersedia ada walaupun untuk satu jangka masa pendek, kita perlu menghadapi kesulitan yang ada dengan perubahan ini dan ini tidak boleh dielakkan.

Berkenaan dengan apakah langkah yang boleh dibuat oleh seseorang majikan untuk memberhentikan seseorang pekerja yang mungkin ada masalah yang lain seperti yang *non productive*, yang ada isu-isu disiplin. Ada majikan sekarang yang bimbang dan risau bahawa kerana pemindahan ini, mereka dipaksa simpan seseorang pekerja yang walaupun bermasalah tetapi tidak boleh dibersarakan dan mereka kena disimpan sampai umur 60 tahun.

Di dalam sistem kita iaitu di bawah Akta Perubahan Perusahaan, kita mempunyai cara-cara dan langkah-langkah yang boleh digunakan oleh seorang majikan untuk menangani keadaan-keadaan pekerja-pekerja yang *non productive* atau yang mempunyai masalah. Oleh itu, mereka masih

boleh menggunakan itu iaitu kalau ada seseorang yang bermasalah atau pekerja yang tidak produktif dan kalau majikan mahu menamatkan pekerjaan pekerja mereka, majikan masih boleh menamatkan pekerjaan pekerja mereka melalui proses-proses tersedia ada yang ada di bawah Akta Perubahan Perusahaan.

Oleh itu, kerisauan yang wujud bahawa kerana adanya undang-undang ini dan adanya lanjutan umur persaraan, majikan dipaksa simpan mereka yang *dead wood* ini sampai mereka menjadi umur 60 tahun sepatutnya tidak akan bangkit kerana di dalam sistem kita, memang kita ada sistem untuk menangani isu-isu sedemikian.

#### ■1610

Akhirnya ialah tentang isu apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka yang sudah bersara. Ada beberapa isu yang telah dibangkitkan, pertama ialah tentang pencen dan kedua ialah tentang kesihatan. Pada masa sekarang isu kesihatan warga emas ditanggung oleh pihak kerajaan. Kebanyakan daripada warga emas yang tidak mampu kerajaan tidak mengenakan apa-apa bayaran.

Ada cadangan oleh kerajaan untuk mewujudkan satu sistem kesihatan yang lebih luas melalui beberapa skim contohnya *1Care Malaysia* dan sebagainya yang saya berharap akan memberi satu bantuan kepada kumpulan-kumpulan ini dan dapat mencari satu penyelesaian pada keseluruhan isu-isu kesihatan yang ada pada masa sekarang. Ini mesti mendapat sokongan daripada rakyat keseluruhannya. Apa-apa sistem bantuan yang kita hendak buat, boleh dibuat tetapi mesti mendapat sokongan. Setiap kali kita hendak mewujudkan skim-skim yang baru ada bantahan daripada kumpulan-kumpulan yang tertentu. Majikan tidak mahu buat bayaran yang lebih dan pekerja tidak mahu buat bayaran yang lebih. Akan tetapi mahu bantuan yang lebih.

Kalau kita hendak skim-skim yang memberi bantuan yang lebih baik yang akan diperluaskan kepada skop-skop yang lain, ia tidak akan diberi secara percuma. Contohnya caruman kepada PERKESO pada masa sekarang daripada majikan dan daripada pekerja cuma 2.75%. Kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain di dalam dunia ini, memang ini ialah satu caruman yang paling rendah untuk kemudahan yang diberi oleh pihak PERKESO. Akan tetapi kalau kita memperluaskan bantuan-bantuan atau skim-skim yang ada, ini mesti ikut dengan bayaran-bayaran yang baru. Kalau ini mendapat sokongan daripada rakyat, khasnya daripada pihak majikan dan mereka setuju dan pekerja setuju memang kita boleh wujudkan sistem-sistem untuk memberi pencen, untuk menjaga kesihatan dan sistem-sistem yang baru ini boleh dibuat oleh kerajaan dengan sokongan kerajaan juga.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Manakala kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa daripada isu yang telah dibangkitkan dan kalau ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang saya tidak jawab, perkara-perkara tersebut akan dijawab secara bertulis. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini telah memberi sokongan kepada undang-undang ini kerana ini adalah satu undang-

undang yang akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan pekerja Malaysia pada keseluruhannya. Dengan kata-kata itu saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang telah menjawab soalan tersebut yang saya anggap begitu teliti, prihatin dan cukup jelas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

*[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang].*

*[Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada rang undang-undang].*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2012**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.16 ptg**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta 333 ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1987 dan kali terakhir dipinda ialah pada tahun 2010. Antara perkara-perkara utama yang diberi fokus pada masa itu ialah untuk menyelaraskan beberapa peruntukan undang-undang ekor daripada penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat di mana isu-isu pengintegrasian, perancangan, pengawalseliaan dan penguatkuasaan Undang-undang Pengangkutan Awam Darat dapat diperkemaskinikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan pada kali ini pula adalah melibatkan 22 seksyen yang merangkumi 21 seksyen sedia ada dan satu seksyen baru. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan seperti berikut:

- (i) untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan tertentu selaras dengan dasar penggunaan basikal elektrik;
- (ii) untuk memantapkan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga agensi-agensi penguatkuasa yang lain;
- (iii) untuk menetapkan kadar minimum denda mahkamah sebanyak RM300 iaitu tidak kurang daripada kadar kompaun maksimum di bawah seksyen 120;
- (iv) untuk memperkemaskan perundangan berkaitan dengan pelaksanaan *Automated Enforcement System*;
- (v) untuk menyelaras kelas kenderaan motor bagi golongan orang kurang upaya dan pemegang lesen memandu kelas 'D'; dan
- (vi) untuk melicinkan pergerakan lalu lintas melalui pendekatan belok kiri yang dibenarkan atau *authorize left turn* di persimpangan jalan yang dikenal pasti.

Selaras dengan dasar penggunaan basikal elektrik, pindaan terhadap akta ini perlu dilakukan untuk menetapkan definisi basikal elektrik berkenaan. Definisi yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada definisi EU *Directive 2002/24/EC* yang diguna pakai di Eropah bagi memastikan keselamatan teknikal yang tinggi. Pindaan ini juga dibuat memandangkan terdapat keperluan bagi membezakan diantara basikal konvensional dengan basikal elektrik di peringkat hulu di mana proses pengimportan dan pelepasan kastam dan pengeluaran lesen pengilang agar selaras dengan dasar semasa.

Di samping itu pindaan ini juga akan memudahkan dan memberi garis panduan kepada pengeluar, pengimport dan pengguna akan spesifikasi basikal elektrik yang ditetapkan dalam undang-undang. Bagi menambah baik dan memantapkan penguatkuasaan, pindaan dicadangkan antara lain memfokuskan kepada penambahbaikan sistem mata demerit, penggantungan lesen vokasional bagi kesalahan yang berkaitan kelakuan pemandu dan pemberian kuasa kepada pegawai JPJ menjalankan tugas penguatkuasaan lalu lintas.

Selain daripada itu pindaan yang dicadangkan juga adalah bertujuan untuk menetapkan kadar minimum denda mahkamah sebanyak RM300. Peruntukan sedia ada pada masa ini di bawah akta membenarkan mahkamah untuk menetapkan denda yang lebih rendah daripada kadar kompaun maksimum di bawah seksyen 120. Keadaan ini mendorong pesalah trafik memilih untuk tidak membayar kadar kompaun dan mengakibatkan banyak kes dirujuk kepada mahkamah.

#### ■1620

Bagi mengurangkan kes-kes saman trafik didaftarkan di mahkamah, pindaan ini dicadangkan untuk menetapkan kadar denda minimum iaitu sebanyak RM300 agar pesalah trafik membayar denda kompaun yang ditetapkan berbanding denda di mahkamah.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa peruntukan berhubung pelaksanaan *Automated Enforcement System* telah diperkenalkan dalam pindaan yang lepas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dari sudut pelaksanaan dan operasi sistem AES tersebut yang telah dikenal pasti di mana perkara ini memerlukan pengemaskinian lanjut dari segi undang-undang.

Di samping itu, selaras dengan perkembangan semasa adalah didapati pengelasan kenderaan-kenderaan bermotor di bawah akta sedia ada adalah perlu dipinda. Bagi maksud ini pindaan dicadangkan untuk menaikkan berat kenderaan motor bagi kategori kenderaan orang cacat, motokar berat dan motokar. Pindaan ini adalah untuk membolehkan golongan orang kelainan upaya memandu motokar yang diubahsuai selain membolehkan pemegang lesen kelas 'D' menggunakan lesen sedia ada untuk memandu kenderaan dengan berat tanpa muatan maksimum 3,500 kilogram.

Selanjutnya, bagi membantu melancarkan trafik di kawasan bandar khususnya di kawasan-kawasan yang mengalami kesesakan, kerajaan telah memperkenalkan pendekatan di mana membenarkan belokan kiri atau *authorized left turn*, dengan izin, di persimpangan jalan jika terdapat isyarat lalu lintas 'belok kiri' yang diletakkan dengan sah. Bagi maksud ini, satu seksyen baru dicadangkan bagi membenarkan belokan kiri dibuat di persimpangan-persimpangan yang dikenal pasti setelah semua arahan dan keperluan lalu lintas dipatuhi oleh pemandu kenderaan bagi memastikan bahawa adalah selamat untuk pemandu tersebut membelok ke kiri.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan tadi, sebelum Dewan membahaskan rang undang-undang ini secara terperinci, izinkan saya menyatakan secara ringkas pindaan-pindaan yang dicadangkan dan pindaan ini membabitkan 22 fasal kemudiannya.

Fasal 1 berkenaan dengan tajuk ringkas rang undang-undang dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuat kuasa pindaan ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 dengan memasukkan satu takrif baru iaitu basikal elektrik, beberapa takrif sedia ada seperti takrif kenderaan motor elektrik dan lalu lintas juga dipinda bagi maksud penambahbaikan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1) untuk menambah berat tanpa muatan (BTM) kenderaan motor. Pindaan ini dibuat bagi membolehkan golongan orang kurang upaya memiliki dan memandu motokar yang diubahsuai dengan berat tanpa muatan 3,500 kilogram selain membolehkan pemegang lesen memandu kelas 'D' memandu motokar berat dan motokar masing-masing dengan berat tanpa muatan maksimum 3,500 kilogram.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(4) dengan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120, Akta 333 iaitu tidak kurang daripada RM300 dan mengekalkan kadar denda maksimum sedia ada jika orang kena saman gagal menjelaskan kompaun yang ditawarkan bagi kesalahan tidak memperagakan nombor pendaftaran.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 15(4) dengan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang daripada RM300 dan mengekalkan kadar denda maksimum sedia ada bagi kesalahan berhubung lesen kenderaan motor yang mana penguatkuasaan dijalankan khususnya terhadap kenderaan perdagangan yang digunakan selepas diisytiharkan tidak digunakan ataupun *let up* atau *off-road*.

Fasal 6 bertujuan meminda subseksyen 17(1) dengan memberi kuasa kepada Pengarah untuk enggan mengeluarkan lesen kenderaan motor berhubung dengan satu kelas atau kategori

kenderaan motor yang dikehendaki menjalankan pemeriksaan di bawah Akta 333 jika perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 66(c) tidak dikemukakan.

Fasal 7 berhubung subseksyen 26(2) dengan menetapkan kadar denda maksimum mahkamah dengan tidak melebihi kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang RM300 dan menaikkan kadar denda maksimum sedia ada daripada RM1000 kepada RM2000 bagi kesalahan berhubung salah guna lesen memandu.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 35(8) bagi memperkemaskan pelaksanaan sistem mata demerit. Pindaan diperuntukkan bahawa orang yang kena saman yang tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan ini dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis dikeluarkan di bawah seksyen 53A, 115A, dan 119 adalah disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut melainkan jika satu prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen 35A(6) bagi memperkemaskan pelaksanaan sistem mata dimerit. Pindaan diperuntukkan bahawa OKS atau orang kena saman yang tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis dikeluarkan di bawah subseksyen 53A, 115A atau 119, adalah disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut melainkan jika satu prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu.

Fasal 10 bertujuan meminda subseksyen 40(1) dengan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang RM300 dan dinaikkan kadar denda maksimum sedia ada daripada RM1000 kepada RM2000 bagi kesalahan memandu melebihi had laju.

Fasal 11 bertujuan meminda subseksyen 53A subfasal (a) bertujuan memotong perkataan 'dengan serta-merta' dan digantikan dengan perkataan "seberapa segera yang munasabah praktik". Pindaan ini adalah untuk memberi tempoh masa yang mencukupi kepada JPJ untuk menghantar notis saman AES kepada pemilik kenderaan secara pos berdaftar.

Subfasal (b) juga bertujuan untuk mengemas kini butiran-butiran yang terdapat pada notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera. Selain itu ia juga bertujuan untuk memberi maksud yang lebih khusus dan konsisten terhadap perkataan ditandatangani secara digital oleh pihak yang mengeluarkan notis seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 54 untuk memperuntukkan peraturan berhubung kesalahan memandu bagi penunggang basikal diperluaskan meliputi penunggang basikal elektrik.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 56 yang mana subfasal (a) memberi kuasa kepada Pengarah untuk menggantung atau membatalkan lesen vokasional dalam dua keadaan iaitu atas sebab tata kelakuan pemandu kenderaan perdagangan apabila lesen memandu tamat tempoh.

Subfasal (b) dipinda dengan memasukkan perkataan "kelakuan", bagi membolehkan penguatkuasaan terhadap tata kelakuan pemandu, konduktor dan penumpang dapat dilaksanakan. Ini kerana 60% daripada aduan awam yang diterima melalui JPJ adalah berkaitan dengan kelakuan pemandu kenderaan perkhidmatan awam.

Subfasal (c) juga bertujuan memastikan pemandu kenderaan perdagangan tidak menyalahgunakan lesen vokasional untuk terus memandu walaupun lesen memandu telah digantung atau dibatalkan.

Fasal 14 bertujuan meminda subseksyen 59(9) dengan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang RM300 dan mengekalkan kadar denda maksimum sedia ada bagi kesalahan berhubung peperiksaan dan larangan penggunaan kenderaan.

Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 66A(2) dengan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang daripada RM300 dan mengekalkan kadar denda maksimum sedia ada bagi kesalahan berhubung perakuan pemeriksaan kenderaan.

Fasal 16 bertujuan memasukkan seksyen baru 76A ke dalam Akta 333 dan pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi belok kiri yang dibenarkan di persimpangan jalan yang telah dikenal pasti.

Selain itu subseksyen 76A(4) pula bertujuan untuk menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120, akta ini iaitu tidak kurang daripada RM300 dan tidak melebihi RM2,000 bagi kesalahan melanggar peraturan yang ditetapkan berhubung belok kiri di persimpangan jalan.

Fasal 17 bertujuan meminda subseksyen 79(1) untuk memberi kuasa kepada Pegawai JPJ untuk menjalankan tugas penguatkuasaan lalu lintas.

#### ■1630

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan kenderaan yang membelok ke kiri di persimpangan jalan yang dibenarkan tidak dianggap sebagai melakukan kesalahan lalu lintas di bawah AES pindaan kepada subseksyen 79(2) pula bertujuan menetapkan kadar denda minimum mahkamah tidak kurang melebihi kadar kompaun di bawah seksyen 120 [Akta 333] iaitu tidak kurang daripada RM300 dan menaikkan kadar denda maksimum sedia ada daripada RM500 kepada RM2,000 bagi kesalahan mengabaikan isyarat lalu lintas.

Fasal 18 bertujuan meminda subseksyen 88(1) untuk memperluaskan kuasa Menteri bagi membuat peruntukan terhadap kaedah meliputi alat-alat yang hendak dipasang pada basikal elektrik, bilangan orang yang boleh dibawa dan cara penggunaan basikal elektrik.

Fasal 19 bertujuan membina subseksyen 112(3) untuk memperluaskan kuasa penangkapan, pemberhentian dan penahanan oleh Polis Diraja Malaysia, pegawai JPJ dan warden lalu lintas terhadap kesalahan berkaitan basikal elektrik.

Fasal 20 bertujuan meminda subseksyen 115A(1) dengan menggantikan perkataan "serta-merta" dengan perkataan 'dengan seberapa segera yang munasabahnya praktik'. Pindaan seksyen ini adalah untuk memberi tempoh masa yang mencukupi bagi JPJ untuk menyampaikan notis saman secara pos berdaftar kepada pemilik kenderaan.

Fasal 21 bertujuan meminda nota bahu seksyen 118 bagi maksud pengemaskinian dengan mengambil kira keperluan semua pengeluaran notis akan dijana melalui cetakan komputer atau *computer generated*.

Akhirnya, fasal 22 bertujuan meminda jadual kedua bagi maksud pelaksanaan belok kiri di persimpangan jalan jika terdapat tanda isyarat belok kiri diletakkan di persimpangan jalan yang telah dikenal pasti. Dengan adanya pindaan tersebut, ia tidak menjadi satu kesalahan sekiranya mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas di bawah seksyen 79 apabila belokan ke kiri dibuat dalam keadaan lampu isyarat berwarna merah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas... [Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin bangun] Yang Berhormat hendak berbahas?... Teruskan.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ingin mengambil bahagian satu-satunya rang undang-undang yang dibentangkan dalam sidang kali ini, yang lain saya diam sahaja.

Jadi, rang undang-undang ini telah dibuat pindaan pada kalau tidak silap saya pada tahun 2006 dan sekali lagi pada tahun 2010 yang pertama kalinya di Dewan Negara ini menjalankan Undi Belah Bahagian. Semata-mata rang undang-undang ini antara isu yang besar adalah untuk melaksanakan *Automated Enforcement System* (AES) yang mana melibatkan tiga kesalahan pilihan raya... [Disampuk] Tiga kesalahan jalan raya.... Sorry Datuk Rahman. Amboi! tidak boleh silap sedikit... [Ketawa]

Kesalahan jalan raya yang pertamanya melebihi had laju, keduanya langgar lampu isyarat dan ketiganya ialah melalui lorong bas. Tidak mustahil pada masa akan datang kesalahan-kesalahan yang lain juga akan digunakan sistem AES ini.

Saya ingin mengajak Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat saya, sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini, kita teliti beberapa pindaan yang bagi saya kalau kita kaji ia akan menyebabkan satu keadaan termasuk keadaan ekonomi terutamanya di kampung, di bandar-bandar kecil. Ini kerana di dalam negara kita ini, semua sudah bersetuju 20% adalah orang yang kaya, 40% adalah orang pertengahan dan 40% yang hidupnya di paras ataupun di bawah paras kemiskinan, yang mana mereka ini akan terlibat secara langsung.

Saya ambil contoh dalam pindaan seksyen 14, di mana seksyen 14 ini kesalahannya kalau kita rujuk akta ibu, kesalahannya ialah memperagakan nombor pendaftaran. Saya baru ini hendak ke Parlimen, ada sekatan jalan, polis kata Yang Berhormat telah melakukan kesalahan. Saya kata kesalahan apa? Nombor pendaftaran jatuh, satu. Saya kata saya tahu, lulus dalam Parlimen saya tahu. Akan tetapi yang saya tidak tahu, nombor saya jatuh. Nombor saya jatuh itu saya tidak tahu. Tidak mengapa, Yang Berhormat boleh jalan. Ini sebab polis. Dia ada budi bicara, dia ada naluri kemanusiaan, dia ada timbang rasa, dia boleh menimbang keadaan.

Katakanlah kesalahan ini dirakam oleh kamera, kamera tidak boleh bercakap. Dia tidak tahu kawan yang melakukan kesalahan itu pendapatan dia RM900 sebulan, anak dia ada lima, belajar universiti dua. Kalau rampas RM300 denda daripada dia, kacau ekonomi dia.

Ini kerana dahulunya, apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih RM3,000. Tidak boleh lebih RM3,000. Kalau mahkamah kata, "*Kamu petani, kamu penoreh getah, kamu susah, beri RM20 sudah*", boleh. "*Kamu melakukan kesalahan yang kelima, kamu pakai kereta besar, denda kamu RM10,000*". Kita boleh bubuh tidak lebih daripada RM10,000. Akan tetapi jangan meletakkan tidak kurang RM300. Ini melibatkan petani, melibatkan orang kampung.

Kalau di kawasan saya di Baling Tuan Yang di-Pertua, banyak tidak ada. Bukan tidak ada nombor, motosikal, kereta itu tidak ada nombor, plat nombor pun tidak ada, *board* dia itu pun tidak ada sebab digunakan ke kebun dan sebagainya. Apabila melalui tempat-tempat suatu hari nanti yang ada kamera, sudah tentulah mereka ini akan menjadi mangsa laser kamera AES yang tidak ada hukuman lain.

Sebelum ini apabila mereka mendapat surat saman, mereka pergi ke mahkamah, mereka buat rayuan lebih-lebih lagi itu kesalahan pertama, yang bawa kenderaan itu pula bukan mereka sendiri, anak mereka, mahkamah boleh membuat pertimbangan keadaan mengikut kedudukan orang yang berkenaan, tahap pendidikannya, jauhnya perjalanan, ke mana dia pergi, semuanya boleh dipertimbangkan untuk budi bicara.

Jadi seksyen-seksyen 14(4), 15(4), 26(2), ini berkenaan tidak pamer cukai jalan, cukai jalan hilang. Polis kita cakap hilang, dia kata hilang bukan salah saya. Contoh. Had laju tidak mengapa, seksyen 40 dan seksyen 79(3). Semuanya yang dahulunya denda tidak lebih RM2,000, tidak lebih RM3,000, sekarang tidak kurang RM300 dan dinaikkan yang RM1,000 naik RM2,000, yang RM2,000 naik RM3,000. Saya tidak perlu ulas satu-satulah.

Jadi saya rasa rang undang-undang ini, pindaan ini perlu dikaji semula untuk mengkategorikan jenis kesalahan trafik ini, orang kampung, rakyat kita yang masih miskin. Bayangkanlah kalau satu bulan dia dapat dua saman. Katakanlah dia ke bandar Alor Setar sebab dari Alor Setar, kalau dari Baling sekarang melalui Jalan Gurun, Jalan Jeniang, jalan itu ada tiga *speed trap*, saya pun kena. Kawasan dua *lane*...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Mohon mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Sila.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Banyak pun tidak mengapa.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Yang Berhormat seolah-olah mahu membela mereka yang melanggar undang-undang.

■1640

Ya, saya faham budi bicara itu memang ada lah sepatutnya, bukan? Akan tetapi sepanjang hujah-hujah Yang Berhormat tadi, boleh saya tafsirkan sebagai berbentuk pembelaan bagi mereka yang melanggar undang-undang walaupun kecil. Saya pun kena saman baru ini dengan JPJ. Pukul 12 malam di Tol Sungai Besi, dia buat operasi bersepadu. Kita pukul 12 malam kelam kabut hendak cari lesen kat mana kan. Lesen itu ada, bukan saya tak ada lesen memandu. Cari-cari tak jumpa. Kena saman RM300. Sampai rumah, buka-buka beg, ada pula lesen. Itu ceritanya. Mohon penjelasanlah. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Tuan Haji Ahamat Yusop. Saya rasa saya tak sebut pun bahawa saya tentang rang undang-undang ini. Cuma yang saya sebut supaya rang undang-undang ini dikaji semula supaya seperti mana kedudukan yang asal – denda misalnya, memperagakan nombor ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada RM3,000. Nak buh RM5,000 pun tak apa, tetapi memberi ruang kepada pesalah-pesalah ini membuat rayuan di mahkamah yang mana mahkamah boleh mempertimbangkan kedudukan mereka, kesalahan pertamakah, kesalahan keduakah, dan bagaimana kedudukan kewangan mereka. Itu yang saya maksudkan supaya pertimbangan ini diberi memberi ruang. Kalau orang yang kaya yang pendapatan dia berpuluh ribu dan beratus ribu sebulan kena saman, tiap-tiap hari 10 saman pun dia tak hairan. Akan tetapi maksud saya rakyat kita di bawah. Ini akan menjadi satu isu yang besar. Saman had laju dan sebagainya.

Seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi iaitu 14(4), 15(4) semuanya diubah. Kalau dulunya tidak lebih RM2,000 atau RM3,000, sekarang tidak kurang RM300. Maknanya rang undang-undang ini tidak memberi ruang kepada mahkamah mempertimbangkan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah trafik supaya diberi hukuman yang setimpal dan sepadan dengan kemampuan orang itu. Kalau kita hukum dia kalau kata denda tidak lebih RM5,000, denda RM4,000, pendapatannya RM600 sebulan, tentulah menjadi masalah. Begitu juga 26(2) dan sebagainya.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen baru. Daripada 22 seksyen pindaan ini, ada satu seksyen baru iaitu yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu mengenai dengan pusing kiri. Seksyen 79(3), mengenai dengan pusing kiri. Ini satu seksyen yang baru. Saya pun pernah kena di Kuala Lumpur. Lorong bas pun saya lalu, *no entry* pun saya masuk. Dari Baling. Seksyen 79(3) di mana seksyen 79(3) ini – seksyen baru 76A. Maaf saya.

Seksyen 76A(1), *“Walau apa pun isyarat merah atau isyarat lalu lintas lain yang menunjukkan tempat di mana lalu lintas mesti berhenti di mana-mana simpang lalu lintas, mana-mana orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di jalan boleh membelok ke kiri di simpang lalu lintas itu mengikut*

*mana-mana isyarat lalu lintas.*” Ini yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, undang-undang baru. Dia ada simpang empat, yang kiri itu walaupun lampu merah, boleh pergi.

Pertanyaan saya. Di tiang lampu isyarat itu ada kamera, ada AES, ada macam-macam kan. Walaupun boleh belok kiri, dia jalan, lampu itu merah. Ini kerana rang undang-undang baru ini kalau dia tak belok kiri, dia duduk tercegat kat situ, dia melakukan satu kesalahan dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM300 dan tidak lebih dari RM2,000. Heii, satu berat!

Bagi maksud subseksyen satu ini, *“Menteri boleh selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya membuat kaedah-kaedah yang berhubung dengan pergerakan kenderaan motor dan pejalan kaki dan pendirian isyarat lalu lintas di simpang lalu lintas yang belok kiri dibenarkan.”* Seterusnya, *“Suatu pihak berkuasa yang berkenaan boleh...”* Maksudnya DBKL. Apa yang saya nak bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang rang undang-undang tambahan ini, seksyen ini, baru kita bahaskan di Dewan Negara, Dewan yang mulia ini, tetapi sebahagiannya di Putrajaya dan di Jalan Parlimen ini, saya ada gambar... *[Menunjukkan sekeping gambar]* Sudah ada papan ini, belok kiri. Yang mana kebenaran siapa, siapa yang mengesahkan – sebab rang undang-undang ini masih dalam Parlimen. Ini semua mendukacitakan seolah-olah menampakkan kepada kita bahawa Dewan yang mulia ini – bila sebut Parlimen, melibatkan Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Dipertuan Agong. Ini mendahului tiga institusi ini yang menjadi penentu kepada undang-undang negara kita. Saya cukup sedih. Bukan saya nak *condemn* tetapi cara tak kena. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Saya nak tanya kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, syarikat mana yang diberikan untuk melaksanakan AES ini? Berapa syarikat dan berapakah bayaran daripada hasil kutipan denda RM300 tadi sekurang-kurangnya seperti Timbalan Menteri sebut tadi, dengan undang-undang ini orang tak pergi mahkamah sudah. Pergi mahkamah pun kena RM300, baik dia bayar. Nak pergi mahkamah kena lima kali, sepuluh kali. Nak pula kes kita itu di Kuala Lumpur macam saya duduk di Baling. Bayarlah. Jadi, berapa persen yang syarikat ini perolehi dan berapa persen yang kerajaan dapat? Semoga rang undang-undang ini dipinda tidak meletakkan keutamaan kepada dua syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon cadangan saya ini diberi perhatian dan dijawab dengan ikhlas oleh pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

#### **4.48 ptg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang berbahas di dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 yang mana saya rasakan bahawa pindaan-pindaan yang dilakukan ini menarik perhatian saya untuk menyentuh beberapa perkara sekali gus ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian.

Perkara yang pertama yang ingin saya ketengahkan dalam rang undang-undang ini tidak lain dan tidak bukanlah ialah mengenai pindaan kepada subseksyen 26(2) yang mana pindaan ini dibuat bagi menetapkan kadar saman minimum kepada sejumlah RM300 dan menaikkan denda maksimum RM2,000 bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan sebagainya.

Saya tidak berapa bersetuju dengan pindaan ini oleh kerana pelbagai sebab dan faktor. Rakyat sekarang terbeban dengan masalah wang ketika ini. Apakah kementerian melihat relevan pindaan ini pada masa sekarang? Apakah keadaan terlampau mendesak? Apakah keperluan kementerian membuat pindaan ini? Apakah dengan penetapan baru ini akan dapat meningkatkan sokongan rakyat terhadap kerajaan sedia ada?

Saya amat maklum bahawa kadar kemalangan maut di negara kita sememangnya saban tahun meningkat tetapi ada kajian yang dijalankan oleh kementerian mendapati kesalahan memandu melebihi had laju adalah menjadi faktor utama kepada peningkatan kadar kemalangan ini.

■1650

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebelum ini denda maksimum ini telah dinaikkan beberapa kali. Adakah statistik menunjukkan pengurangan kemalangan jalan raya dengan kenaikan kadar saman yang sebelum ini? Saya juga maklum bahawa kerajaan membuat pindaan ini kerana terdapat banyak kes pesalah-pesalah tetapi tidak ingin membayar kompaun yang dikenakan dan menunggu kes dibicarakan di mahkamah. Seterusnya menggunakan mahkamah sebagai medium untuk mereka mendapat pengurangan daripada denda tersebut. Adakah dengan alasan ini menjadi penyebab kukuh untuk kementerian melaksanakan pindaan ini? Adakah kerajaan sedar bahawa dengan meletakkan kadar minimum dan meningkat kadar maksimum denda ini akan meningkatkan lagi indeks rasuah di negara kita? Adakah kerajaan maklum dengan perkara ini? Adakah kerajaan sudah merancang beberapa strategi untuk mengatasi najis rasuah ini apabila pindaan ini akan dilaksanakan kelak?

Cuba kita fikir sejenak, adakah kebanyakan rakyat akan rela membayar saman sehingga RM2,000 ataupun memberikan hadiah atau sugu hati sejumlah RM10, RM50 atau RM100 kepada anggota penguat kuasa polis ataupun JPJ? Saya mahu meminta agar pihak kerajaan berbincang dahulu dengan rakyat sebelum melaksanakan perkara ini dengan membuat satu kaji selidik tentang kenaikan ini dan meminta cadangan dan idea daripada rakyat agar dapat menyelesaikan permasalahan lalu lintas di negara kita. Saya juga kurang berpuas hati dengan kadar yuran lesen dan latihan memandu yang ditetapkan oleh pengusaha sekolah memandu.

Memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, bilakah kali terakhir penstrukturan semula dibuat mengenai perkara ini dan apakah kerajaan tidak dapat menghalang pihak sekolah memandu daripada mengenakan harga yuran secara semberono sahaja? Kita kerajaan, kita ada kuasa dan kita haruslah bertegas tentang perkara ini. Saya tidak ingin melihat rakyat negara kita semakin tertekan dengan perbagai masalah yang semakin lama semakin banyak. Saya amat berharap agar kerajaan dapat menimbang semula perkara ini secara mendalam dengan mengambil kira kepentingan awam melebihi segala-galanya.

Perkara yang kedua yang saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai fasal 2 iaitu mengenai basikal elektrik. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri, sekiranya penunggang basikal ini adalah melakukan kesalahan lalu lintas, apakah denda akan dikenakan? Sekiranya berlaku kemalangan, apakah undang-undang yang akan melindungi mereka dan mendakwa mereka?

Perkara yang ketiga ini mengenai sistem AES. Kita maklum bahawa sistem ini dijalankan oleh syarikat swasta dan saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri, berapakah anggaran kamera yang akan dipasang di seluruh Malaysia dan di manakah tempat-tempat yang bakal diutamakan dahulu? Saya ingin cadangkan agar kerajaan dan pihak penyedia sistem AES supaya memasang lebih banyak kamera automatik ini di lampu-lampu isyarat di seluruh negara dan meletakkan *board* peringatan yang mengatakan adanya kamera yang mengawasi mereka kerana pada masa sekarang masih ramai daripada rakyat Malaysia yang masih lagi suka melanggar *traffic light* tetapi tidak diambil tindakan.

Kita juga maklum bahawa dengan sikap sambil lewa pesalah trafik ini telah mengakibatkan banyak kemalangan negeri dan sebagai contoh, baru-baru ini telah tersebar satu video di laman sosial di mana sebuah kereta yang melanggar *traffic light* merah telah dilanggar oleh bas RapidKL. Saya kurang pasti ia berlaku di mana dan bila tetapi situasi ini pastinya memberikan gambaran jelas bahawa masalah ini serius dan perlu ditangani.

Saya percaya kerajaan sedar akan keberkesanan kaedah ini dan juga menyedari kaedah ini telah pakai di negeri-negeri seperti Australia, China dan telah terbukti berkesan. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat. Selain daripada kaedah menyaman pesalah trafik, apakah kaedah pemotongan merit yang diguna pakai oleh JPJ selama ini berkesan dan digunakan secara menyeluruh? Berapa ramaikah pesalah-pesalah trafik yang telah digantung dan ditarik lesen memandu melalui kaedah pemotong merit ini dari tahun 2002 sehingga sekarang?

Adakah kaedah ini diguna pakai kepada mereka yang mendapat saman? Saya berpendapat bahawa kaedah pemotongan merit ini berkesan sekiranya ianya digunakan tanpa kompromi oleh mana-mana penguat kuasa kepada mana-mana pesalah trafik. Kita tidak boleh berkompromi dalam mentransformasikan kaedah ini secara menyeluruh kerana saban tahun, jumlah kemalangan meningkat. Walau macam mana sekali pun pendapat orang ramai, saya percaya bahawa kaedah atau sistem ini ada banyak kebaikannya dan saya setuju dengan perkara ini. Kita maklum bahawa sikaplah yang menjadi penyebab utama kepada kadar kemalangan jalan raya di Malaysia ini dan sehubungan dengan itu kaedah pemotongan merit lesen hendaklah diperkukuhkan dan diperluaskan. Kerajaan hendaklah mengorak langkah dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan ini bermula daripada akar umbi ataupun didikan daripada para sekolah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, saya menyokong rang undang-undang ini tetapi saya berpendapat bahawa kaedah menaikkan kadar saman sahaja dalam mendidik rakyat Malaysia menjadi pemandu yang berhemah adalah kurang berkesan. Saya berharap akan ada

penambahbaikan atau kajian yang baru yang memberikan kesan positif dalam melahirkan rakyat Malaysia yang mematuhi undang-undang di jalan raya pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

#### 4.58 ptg.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya berbahas tentang Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chew Lee Giok:** Kita mengetahui bahawa keselamatan jalan raya ini hendaklah menjadi amalan yang penting untuk rakyat Malaysia, ya. Memandangkan orang Malaysia pada hari ini berkemampuan untuk memiliki kereta, kita mengetahui bahawa biasanya sesebuah rumah dan sesebuah keluarga sekurang-kurangnya memiliki sebuah kereta sehingga ada yang empat kereta sampai tak ada tempat hendak letak kereta dekat rumah, dia kena letak dekat tepi jalan, ya. Oleh sebab itu, kenderaan yang semakin banyak dipandu di jalan raya, maka kemalangan pun bertambah. Bila berlakunya kemalangan, maka mestilah ada nyawa yang terkorban dan juga kerosakan harta benda akan terjadi. Maka akta ini dipindahkan dengan tujuan untuk mengurangkan berlakunya kemalangan dan meningkatkan keselamatan jalan raya di Malaysia. Merujuk kepada fasal 7, bertujuan untuk memindah subseksyen 26(2) [Akta 333] ini, tentang yang ini untuk sesiapa yang memandu tanpa lesen memandu.

#### ■1700

Untuk yang ini saya setuju sebab untuk yang ini adalah wajar sebab ini akan mengelakkan orang yang tidak mempunyai lesen memandu pergi memandu kereta sebab itu dia hendaklah di saman. Itu saya setuju. Akan tetapi tentang fasal 10 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 40(1) [Akta 333] untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak RM300 dan untuk menaikkan denda maksimum kepada RM2,000 bagi kesalahan di bawah seksyen itu. Itu kalau kita tengok akta ibunya, kalau seseorang pemandu memandu melebihi kelajuan yang ditetapkan dia akan didenda tidak melebihi RM1,000 kalau yang dahulu. Sekarang dia sudah ada minimum. Dahulu tidak ada minimum. Sekarang ada minimum iaitu RM300 dan maksimum RM2,000.

Pada pendapat saya, saya khuatir kalau polis ini kalau dia buat saman RM500 macam mana sebab maksimumnya RM2,000. Saya mintalah kalau boleh penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ini hanya macam hari itu ada pengarah yang menjelaskan bahawa saman adalah tetap sama dan yang sampai RM2,000 ini hanya akan dijatuhkan oleh hakim di mahkamah. Saya minta penjelasan yang lebih *detail* tentang ini sebab kita memang untuk orang yang miskin kalau RM300 pun sangat tinggi. Saya mintalah kalau boleh macam yang dahulu kalau saman dikeluarkan ialah RM300 ada diskaun. Maksudnya boleh dapat RM150 okeylah macam ini. Itu demi orang miskin.

Sebab pada pendapat saya macam tadi Datuk yang mengatakan, saya setuju, sebab untuk denda yang tinggi, memasukkan denda yang tinggi akan mengurangkan berlakunya kemalangan jalan

raya. Pada pendapat saya juga, denda yang tinggi hanya akan menyebabkan rasuah bertambah. Ini saya setuju apa yang Datuk cakap sebab itu saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya juga hendak bangkit sedikit tentang had laju lebuhraya. Kalau kita tengok had laju lebuhraya biasanya 110 kilometer per jam tetapi ada tempat yang tertentu jaraknya sangat jauh dia ditetapkan 90 kilometer per jam. Contohnya lepas *Sungai Besi Toll*, Serdang hinggalah ke Bangi 90 kilometer sejam. Maksudnya selalu pemandu-pemandu kereta di sana akan kena saman sebab tidak perasan nanti dia 110. Biasakan had laju dekat *highway* adalah 110 tetapi di tempat itu ialah 90. Saya ingin tanya kementerian mengapa tempat itu had lajunya hanya 90 kilometer per jam?

Begitu juga had laju biasa di jalan-jalan negeri hanya 60 kilometer sejam. Maksudnya orang-orang kampung yang senang kena saman ini. Ini yang saya kuarir. Lagipun kalau ikut statistiklah biasa kita nampak kita baca, biasa kemalangan berlaku bukan di lebuhraya. Kebanyakan kemalangan berlaku di jalan negeri. Sebab itu pada pendapat saya had laju 110 kilometer per jam di lebuhraya hendaklah ditetapkan. Janganlah hendak kurang sampai 80, sampai 90. Itu yang saya minta.

Seterusnya saya hendak ada beberapa cadangan. Saya hendak cadang kereta yang dibuat, dipasang atau diimport mestilah mempunyai spesifikasi yang tinggi. Yang pertama setiap kereta perlu dilengkapi dengan ABS iaitu *Anti-Lock Braking System*. Sebab kereta yang mempunyai *disc break* itu di semua empat roda itu perlulah dilengkapi dengan ABS pada empat roda. Kereta yang mempunyai *disc break* itu yang depan maka dilengkapilah ABS dekat dua roda tersebut. Kita biasanya melihat begitu banyak kemalangan semasa hujan sebab Malaysia ini selalu hujan dan jalan basah sebab itu kemalangan selalu berlaku. Maka dengan adanya sistem ABS ini maka saya rasa akan mengurangkan kemalangan berlaku.

Cadangan kedua ialah tentang sistem SRS iaitu *airbag*. Saya ingin mencadangkan bahawa kementerian hendaklah memandang serius tentang kelengkapan beg udara dan wajar penguatkuasaan undang-undang terhadap beg udara itu sebagai peralatan keselamatan standard kepada setiap kenderaan baru yang dilaksanakan pada masa yang akan datang. Sebab beg udara ini merupakan satu sistem keselamatan kereta alternatif yang berfungsi sebagai alat sokongan keselamatan tambahan. Ia boleh melindungi pemandu daripada mengalami kecederaan yang serius akibat daripada hentakan kuat semasa berlakunya kemalangan. Maka saya berharap, dicadangkanlah kita boleh mengenakan keperluan setiap kereta di Malaysia ini mempunyai minimum iaitu dua *airbag*. Satu untuk pemandu dan satu lagi untuk penumpang depan.

Ini saya hendak bawa satu contoh setahu saya beberapa tahun yang lepas ada seorang bekas Menteri Besar yang keretanya melanggar pokok, di satu kemalangan telah berlaku. Nasib baik sebab ada *airbag* dia hanya menghadapi kecederaan ringan sahaja. Sebab itu saya kata *airbag* ini sangat penting. Untuk Yang Berhormat di sini *make sure* kereta kita semua ada *airbag*, ada ABS. Ini sangat penting.

Cadangan saya yang ketiga ialah tentang kita hendak menghidupkan lampu semasa hujan. Saya rasa ini kena dikuatkuasakanlah agar pemandu lain dapat melihat dengan lebih jelas waktu hujan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan. Cadangan yang keempat ialah penambahbaikan di tempat yang selalu berlaku kemalangan semasa hujan. Saya ini hendak minta polis bersama JPJ, JKR, PBT dan AOM boleh mengadakan *task force* dengan izin, untuk mencari *solution* untuk mengurangkan kemalangan di tempat-tempat berkecenderungan kemalangan semasa hujan.

Cadangan yang kelima ialah reka bentuk dan struktur kereta yang lebih selamat contohnya kabin kereta *passenger zone* dengan izin yang lebih teguh, lebih kuat dan dengan adanya bar keselamatan di kesemua empat pintu penumpang untuk menahan impak kemalangan sisi ataupun tangki minyak yang tidak akan melepaskan minyak sekiranya kereta itu terbalik berlakunya *accident*. *Central lock* yang akan membuka kunci semua pintu penumpang jika kemalangan berlaku. Janganlah bila berlaku kemalangan pintu itu *di-lock* dan tidak boleh dibuka kena minta bomba datang untuk memotongnya. Satu lagi ialah semua *wind screen* depan kereta jenis yang tidak akan berkecai apabila berlaku kemalangan.

Ada beberapa persoalan saya ialah pertama. Berapa peratus jenis kereta yang dijual di Malaysia ini dilengkapi dengan *airbag*. Yang kedua bolehkah senaraikan jenis-jenis kereta yang tidak mempunyai *airbag*, tahulah apa *brand* yang tidak ada *airbag*. Yang ketiga berapa jumlah saman yang telah dikeluarkan kerana melanggar Akta Pengangkutan Jalan pada 2010 dan 2011 dan yang keempat berapa jumlah saman yang telah dikutip pada 2010 dan 2011?

Tuan Yang di-Pertua, basikal elektrik digunakan secara meluas di China. Kebaikan basikal elektrik ialah pertama ia tidak menggunakan petrol atau diesel maka ia hanya perlu dicaj di rumah dengan menggunakan *electricity*, di mana ini menjimatkan kos dan juga ini adalah sesuai digunakan oleh orang kurang berada. Dia boleh tukar daripada motosikal kepada basikal elektrik ini. Yang kedua basikal elektrik ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar. Sebab itu di mana ia tidak menggunakan petrol sebab ia tidak mengeluarkan asap. Yang ketiga basikal elektrik tidak dapat dipandu dengan terlalu laju. Ini juga akan mengurangkan kemalangan berlaku. Sebab kalau sekarang ini kalau kita nampak motosikal, terutama mat rempit kalau memandu motosikal lebih 110 kilometer per jam. Betul tak? Sebab itu kelajuannya menyebabkan kemalangan berlaku sebab itu saya setuju gunakan basikal elektrik ini. Basikal elektrik ini tidak dapat bergerak dengan begitu pantas sebab itu kemalangan akan kurang berlaku. Maka memang saya cadangkan setujulah. Saya hendak tanya bilakah basikal elektrik ini akan dibawa masuk ke Malaysia?

Akhirnya saya ingin bertanya tentang Operasi Sikap yang dilancarkan sejak beberapa tahun yang lepas hingga hari ini. Adakah dia berjaya mengurangkan kemalangan dan berapa kes kemalangan yang telah berlaku pada tahun 2010 dan 2011. Bilakah AES akan dilaksanakan.

Saya juga ingin minta pihak mengkaji dan juga belajar daripada negara-negara yang berjaya mengurangkan kemalangan, tidak kisah hendak Dasar Pandang Ke Timur atau dasar hendak pandang ke Barat, yang penting kita boleh mempelajari kaedah-kaedah yang boleh mengurangkan kemalangan jalan raya.

**■1710**

Keselamatan jalan raya hendaklah diajar sejak sekolah rendah lagi sehinggalah universiti bagi mengingatkan mereka keselamatan kita dan kepentingan nyawa manusia apabila dikurniakan oleh tuhan, kita hidup di dunia ini maka kita hendaklah menghargai nyawa kita, hidup dengan bahagia dan selamat demi keluarga, bangsa dan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong.

**5.10 ptg.**

**Datuk Paul Kong Sing Chu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan dan memberikan sedikit pandangan saya mengenai pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menyenaraikan peraturan yang mengawal kenderaan yang menggunakan jalan raya di negara ini. Keselamatan kita di jalan raya bergantung bukan semata-mata sahaja kepada kemahiran dan kesopanan para pemandu sekalian tetapi ia juga bergantung kepada keadaan yang menggunakan jalan raya. Oleh sebab itu rang undang-undang ini juga berkenaan dengan mengawal lesen dan pendaftaran kenderaan-kenderaan bermotor dan pemandu serta denda yang boleh dikenakan sekiranya peraturan ini dilanggar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibahaskan di sini akan membawa dua perubahan yang utama. Pertama sekali pindaan ini meninggalkan denda minima dan maksima yang boleh dikenakan untuk kesalahan berkenaan nombor daftar kenderaan yang tidak jelas, tidak mempunyai lesen pemandu yang sah atau tidak mematuhi had laju. Kedua pindaan ini memperluaskan undang-undang ini juga untuk meliputi basikal elektrik. Kedua-dua pindaan ini adalah bertujuan untuk membawa lebih manfaat kepada pengguna jalan raya tidak kira pada masa kini ataupun pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jaringan jalan raya yang padat dan kenderaan bermotor merupakan antara kemudahan zaman moden yang menjadikan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat semakin senang dan mudah. Akan tetapi, kita mesti sedar bahawa jalan raya juga merupakan ruang awam yang dikongsi oleh orang ramai. Sebagai pengguna ruang awam ini, kita mesti saling hormat-menghormati dan bersopan santun apabila berhadapan dengan pengguna yang lain demi memastikan keselamatan setiap pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kelakuan dan perangai kita di jalan raya akan menjejaskan pengguna jalan raya yang lain, oleh itu kita bukan sahaja bertanggungjawab untuk keselamatan diri di jalan raya tetapi juga untuk keselamatan pengguna yang lain. Inilah sebabnya perlesenan dan pendaftaran kenderaan dan pemandu merupakan perkara yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibentangkan di sini pada hari ini menjurus ke arah peningkatan keselamatan semua pengguna jalan raya dengan meningkatkan kadar denda yang boleh dikenakan pemandu diberi insentif untuk memastikan kenderaan motor mereka didaftarkan dengan

Jabatan Pendaftaran Kenderaan. Dengan ini mereka yang mempunyai lesen memandu akan lebih menghormati had laju yang ditetapkan. Peningkatan denda ini juga akan mengingatkan pengguna tentang hakikat bahawa undang-undang ini ditetapkan untuk tujuan menjaga kepentingan pengguna sendiri. Perkara seperti had laju sebagai contohnya perbezaan kelajuan yang sedikit sahaja pun mungkin bererti perbezaan antara hidup dan mati, kadangkala pengguna jalan raya tidak sedar betapa mudahnya untuk terlepas kawalan kenderaan masing-masing sehingga sudah terlambat. Kita hanya boleh berharap denda yang lebih tinggi ini akan memupuk kebiasaan menghormati had laju yang ditetapkan oleh pihak berkuasa khasnya di kalangan pemandu-pemandu muda.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan hari ini juga bertujuan untuk memperluaskan undang-undang jalan raya dan bidang kuasa pegawai pengangkutan jalan raya untuk meliputi basikal elektrik. Basikal elektrik yang diwujudkan adalah mesin yang dapat mencapai had laju tertinggi 25 kilometer sejam dengan bantuan bateri elektrik. Pada masa ini, basikal elektrik semakin mendapat sambutan sebagai pengangkutan alternatif. Keadaan ini tidak menghairankan memandangkan basikal elektrik berharga kurang daripada kereta atau motosikal padat dan memudahkan kegunaan untuk perjalanan jarak pendek. Pihak kerajaan pernah menyuarakan kebimbangan bahawa basikal ini membahayakan pejalan kaki dan juga penggunaan mesin ini sehingga cadangan mengharamkan basikal elektrik telah dikemukakan.

Namun begitu, saya berasa bahawa keputusan untuk meletakkan basikal elektrik di bawah undang-undang pengangkutan merupakan keputusan yang lebih baik. Ketika bilangan mesin ini meningkat maka adalah wajar supaya mereka tertakluk kepada undang-undang yang sama dengan kenderaan yang lain. Pada masa yang sama kewujudan basikal elektrik sebagai kenderaan alternatif mungkin membawa manfaat kepada pengguna yang sebelum ini mungkin tidak mampu membeli kereta atau motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebab yang mengesahkan basikal elektrik adalah kerana basikal elektrik ini berpotensi memainkan peranan yang amat penting dalam infrastruktur pengangkutan awam khasnya di bandar raya. Negara kita Malaysia sedang menuju ke arah untuk menjadi sesebuah negara yang maju. Ini bermakna semakin ramai orang sedang berhijrah dari kampung ke bandar raya. Kerajaan menghadapi cabaran untuk menyediakan sebuah sistem pengangkutan awam yang murah dan senang untuk jumlah penduduk yang semakin meningkat.

Walaupun jalan raya mungkin cekap dan terancang, masalah yang sering dihadapi ialah jumlah trafik yang melebihi kapasiti jalan raya. Akibatnya ialah kesesakan lalu lintas yang ketara dan menjejaskan taraf hidup yang patut dinikmati oleh penduduk di negara ini. Masalah ini hanya dapat diselesaikan dengan membina sebuah sistem pengangkutan awam yang luas dan bersepadu agar orang ramai dapat digalakkan untuk menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem ini basikal elektrik mungkin dapat memenuhi keperluan pengguna untuk bergerak dari perhentian bas atau tren di destinasi mereka, walaupun negara ini belum lagi mencapai sebuah sistem pengangkutan awam yang begitu luas, ia patut menjadi antara matlamat yang ingin dicapai sebagai negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, basikal elektrik lebih ringan, lebih mesra alam dan lebih menjimatkan ruang berbanding dengan kenderaan yang lain. Ciri-ciri ini menjadikan basikal elektrik sebagai kenderaan yang sesuai khasnya untuk kawasan bandar di mana jarak antara tempat yang penting tidak lah begitu jauh. Oleh sebab basikal elektrik tidak menggunakan minyak petrol ia tidak melepaskan *emission* dengan izin, udara yang kotor.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya basikal elektrik dapat menjana penggunaan yang meluas di bandar, kualiti udara di bandar raya mungkin akan bertambah lebih baik lagi. Selain itu basikal elektrik juga merupakan antara bidang urusan perniagaan yang agak baru dan masih dapat menyokong kemasukan lebih ramai peserta dalam pasaran. Ini menjadikan basikal elektrik sebuah keperluan perniagaan untuk berpotensi sesuai dengan usaha kerajaan untuk memupuk semangat inovasi ke dalam jiwa pemuda negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pindaan yang dibentangkan pada hari ini bertujuan untuk menjaga kepentingan jalan raya walaupun pada masa ini ataupun di masa hadapan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat semua akan menyertai saya untuk menyokong pindaan ini. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof bin Husin. Tidak ada di dalam Dewan?

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Silakan Yang Berhormat.

**5.21 ptg.**

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbicara dalam perbahasan iaitu Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.

Saya cuma ingin menyentuh dua fasal iaitu fasal 7 dan fasal 10 iaitu isu denda RM2,000 maksimum. Rang undang-undang ini menyentuh isu denda minimum kesalahan memandu melebihi had laju ditetapkan sebanyak RM300. Maka had maksimum dinaikkan sehingga RM2,000 atau boleh dipenjarakan maksimum tiga bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan. Jika diperhatikan ia adalah kenaikan sekali ganda bagi kesalahan itu apabila seksyen 26(2) dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 berbanding dengan maksimum RM1,000 sekarang. Ketika ini tiada had denda minimum ditetapkan untuk kesalahan berkenaan. Saya menyokong isu kenaikan denda iaitu RM2,000. Ini bagi memberi pengajaran dan amaran supaya undang-undang lalu lintas tidak diambil mudah bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya serta mendisiplinkan pengguna jalan raya.

Saya juga ingin menyentuh perkara berkaitan dalam subseksyen 26(2). Rang undang-undang terbabit memperuntukkan denda minimum dan maksimum yang sama bagi kesalahan memandu tanpa lesen atau penjara maksimum tiga bulan atau kedua-duanya sekali. Saya menyokong pindaan ini kerana hari ini banyak kes remaja memandu tanpa lesen yang sah, lesen tamat tempoh dan di

bawah had limit 'P' ataupun dengan izin, *under probation* bagi pemandu baru tetapi melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh pihak JPJ.

Saya juga ingin bertanya status sistem KEJARA iaitu sistem poin yang ditolak selepas pemandu melakukan kesalahan lalu lintas. Setakat mana sistem ini berfungsi. Adakah ia masih relevan dengan pindaan akta ini dan bagaimana penambahbaikan yang kementerian cadangkan ke atas sistem merit poin ini. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

#### 5.24 ptg.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 [Akta 333] 1987 ini yang saya kira ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan rang undang-undang ini yang dianggap tepat pada masanya serta proaktif dalam menangani pelbagai isu pengangkutan jalan.

Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan pindaan seksyen 2. Tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan yang telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan takrifan basikal elektrik. Pada masa kini penggunaan basikal elektrik terus meningkat sebagai pengguna jalan raya. Basikal elektrik juga dijangka akan menjadi mod pengangkutan yang penting terutamanya golongan remaja bukan sekadar kenderaan pengangkutan tetapi kenderaan untuk riadah dan sukan. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan adakah kerajaan bercadang mendaftar semua basikal elektrik bagi mengenal pasti jumlah sebenar dan peningkatan jumlahnya setiap tahun serta sebagai langkah untuk merancang dan menyediakan infrastruktur, prasarana dan kemudahan yang sesuai kepada pengguna basikal elektrik ini khususnya bagi menjaga keselamatan mereka. Selain itu adakah kerajaan akan mewajibkan basikal elektrik ini mempunyai ciri-ciri keselamatan tertentu seperti lampu depan, lampu belakang, brek dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh berhubung tujuan pindaan rang undang-undang ini adalah antara lain untuk memantapkan penguatkuasaan jabatan, penguatkuasaan pengangkutan jalan dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Namun dalam konteks pindaan rang undang-undang ini saya dapati hanya pindaan seksyen 79, subseksyen (1) sahaja yang memberikan kuasa yang lebih jelas kepada pegawai pengangkutan jalan semasa bertugas mengawal selia lalu lintas.

Kalau kita merujuk "Akta ibu" kita dapati sebelum ini hanya pegawai polis berpakaian seragam atau seorang warden lalu-lintas berpakaian seragam sahaja diberikan kuasa untuk mengawal selia

lalu lintas. Saya khawatir dan juga saya ingin memusykilkan kepada kementerian sebab kita dapati ada juga penganjur-penganjur contoh kata penganjur kepada program-program ceramah, perhimpunan, muktamar dan sebagainya, kadang-kala kita dapati di mana satu kawalan lalu lintas seolah-olah diswastakan. Kita tidak tahu spesifikasi setakat mana mengikut syarat atau tidak di mana kawalan ini adalah dianjurkan oleh mereka-mereka yang mengendalikan program-program terutamanya saya dapati dari parti pembangkang yang kadang kala seolah-olah agresif keadaannya. Adakah ianya merupakan satu kesalahan?

Selain daripada itu kita juga menampakkan ini berturutan kerana dalam pandangan daripada rang undang-undang kita juga telah pun mengatakan pengguna yang melanggar arahan adalah bersalah dan dikenakan denda sebanyak tidak kurang dari RM300 dan tidak lebih daripada RM2,000 mengikut pindaan ini berbanding denda tidak melebihi RM500. Saya ingin mendapatkan rasional pindaan seksyen 79 subseksyen (1) mengapakah setelah sekian lama baru pindaan di atas seksyen ini dibuat sekarang?

Berhubung dengan penguatkuasaan pegawai pengangkutan jalan atau pegawai JPJ ini suatu ketika dahulu selepas kemalangan bas ekspres yang meragut beberapa nyawa, pihak JPJ telah menempatkan pegawai JPJ di semua stesen bas ekspres seperti Hentian Putra. Kemalangan bas ekspres adalah berpunca daripada keadaan bas yang tidak di senggara dan faktor manusia atau pemandu. Sebelum ini pegawai JPJ akan memeriksa keadaan bas, permit dan pemandu bas bagi memastikan kedua-dua faktor ini terkawal. Akan tetapi nampaknya setelah beberapa bulan, operasi ini telah pun diberhentikan menyebabkan penumpang dan bas ekspres terdedah semula dengan bahaya dan kemungkinan kemalangan jalan raya.

■1730

Saya ingin mendapatkan penjelasan mengapakah operasi oleh pegawai JPJ ini telah diberhentikan khususnya di Hentian Putra yang membawa penumpang ke Pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan.

Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan khususnya JPJ bahawa kegiatan ulat-ulat tiket bas ekspres amat berleluasa dan terbuka di Hentian Putra semenjak beberapa tahun ini. Tiket dijual dengan harga yang tinggi melalui beberapa kaunter tiket bas ekspres tetapi kemudiannya penumpang akan menaiki bas pelancong atau pun bas sekolah yang ditempatkan di luar Hentian Putra.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Modus operandi ulat-ulat ini amat mudah untuk dikesan tetapi tiada tindakan yang telah diambil. Saya pun hairan bin ajaib. Pegawai JPJ dahulu ada berkeliaran sekitar Hentian Putra tetapi ulat-ulat ini beroperasi juga dengan bebas. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah tindakan JPJ ke atas ulat-ulat tiket ini kerana tindakan mereka bukan sahaja menjual tiket dengan harga yang tinggi tetapi juga menimbulkan risiko kepada

penumpang-penumpang bas ini yang kebanyakannya terdesak kerana kehabisan tiket bagi satu-satu perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pindaan seksyen 40 subseksyen (1), berhubung dengan penggantian denda daripada tidak melebihi RM1,000 kepada tidak kurang daripada RM300 dan tidak melebihi RM2,000 bagi kesalahan memandu melebihi had laju. Implikasi pindaan ini adalah denda yang paling rendah adalah RM300.

Saya menyokong langkah kerajaan mengenakan denda bagi kesalahan memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan tetapi saya berharap kerajaan akan menimbangkan dan mengkaji agar kompaun yang dikenakan lebih rendah supaya tidak membebankan rakyat. Asas kepada cadangan ini adalah seperti berikut.

Pertama, kadar yang melebihi had laju adalah berbeza daripada 1km/j dan seterusnya. Oleh itu, kadar had laju adalah berbeza-beza. Adalah lebih wajar kompaun yang dikenakan berdasarkan kepada kadar atau jumlah kelajuan yang melebihi had laju. Maksudnya seseorang itu akan dikenakan kompaun atau denda berdasarkan kelajuan yang melebihi had laju.

Kedua, had laju yang ada sekarang telah ditetapkan atau diwartakan lebih tiga dekad lalu sedangkan pada masa kini jalan raya telah di naik taraf daripada satu lorong kepada dua atau empat lorong tetapi had laju masih 60 km/j. Di samping itu teknologi permotoran juga telah meningkat. Kerajaan perlu realistik kelajuan 60km/j ini adalah untuk Datsun 120Y atau 60-an atau 70-an.

Saya ingin mendapat penjelasan agensi yang manakah yang bertanggungjawab menentukan had laju sesuatu jalan sama ada polis, Kementerian Kerja Raya atau Kementerian Pengangkutan. Saya akui kelajuan boleh membunuh tetapi terlampau *slow* atau perlahan pun boleh mengakibatkan kemalangan. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan membuat kajian yang menyeluruh berhubung had laju jalan raya perbandaran, negeri, persekutuan termasuk lebuhraya.

Ketiga, penetapan had laju yang rendah umpamanya 60km/jam ini akan menyebabkan ramai pengguna jalan raya yang terperangkap dengan had laju ini. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa bukan faktor kelajuan sahaja yang menyebabkan kemalangan. Ramai pengguna yang terpaksa menanggung beban saman had laju ini yang serendah-rendahnya RM300 sekiranya pindaan rang undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya walaupun saya mengalu-alukan pindaan rang undang-undang ini kerana untuk meningkatkan dan memastikan keselamatan jalan raya bagi mengelakkan tragedi pusara di atas lebuhraya, namun pindaan rang undang-undang ini yang menetapkan kadar minimum denda sebanyak RM300 iaitu tidak kurang daripada kadar maksimum di bawah seksyen 120 akta itu, yang menetapkan tidak melebihi RM300 perlu dilaksanakan kelak dengan berhemah dan bertanggungjawab dan tidak membebankan rakyat.

Denda yang tinggi tidak semestinya akan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Faktor keselamatan jalan raya bermula daripada latihan memandu untuk mendapatkan lesen memandu, sikap di atas jalan raya dan kenderaan yang disenggara dengan baik. Saya berharap pindaan rang undang-undang ini akan membangkitkan kesedaran bersama semua pihak bagi

mengurangkan kemalangan di jalan raya. Akhir kalam, "*Pandu cermat, jiwa selamat*". Sekian terima kasih, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Sekarang saya mempersilakan Datuk Abdul Rahman Bakar.

### 5.36 ptg.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat Hajah Noriah dan Yang Berhormat Roslin Abdul Rahman. Silakan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kuasa undang-undang trafik dan saman nampaknya kurang berkesan. Akta ini sudah lama wujud iaitu pada tahun 1987. Sekarang dipinda, sudah 25 tahun. Akan tetapi saya baca dekat sepuluh kali. Baca, baca, baca tidak ada satu pun yang kaedahnya mencari jalan hendak kurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Idea baru basikal kayuh, basikal elektrik, tarif. Jadi, bukan saya tidak sokong. Saya sokong tetapi tidak nampak satu pun. Syor yang baru macam mana hendak kurangkan kadar kemalangan. Sebab itulah saya tidak hairan. Semenjak tahun 1995 sampai sekarang pun kadar kematian tidak pernah kurang daripada 5,000 dan mencapai tahap 6,000 lebih. Sudah berapa tahun? Berpuluh tahun. Sepatutnya rang undang-undang ini mengangkat darjat atau kesan pada kekurangan kemalangan jalan raya.

Saya hendak bagi contoh tentang kadar kemalangan jalan raya tahun 1995 dan sekarang. Contohnya ialah tahun 1995 kemalangan 162,491. Pada tahun 2010 naik sampai 414,421. Kecederaan pada tahun 1995 - 52,152 dan pada tahun 2010 - 28,269.

Kadar kematian pada tahun 1995 ialah 5,712. Tahun 2010 - 6,872. Banyak itu. Belum lagi saya bacakan tahun demi tahun. Jadi, saya bimbang akta kita luluskan, kita ubah tetapi kadar kematian, kadar kemalangan termasuk yang parah terus meningkat dari semasa ke semasa. Ini niat kita, *nawaitu* kita ialah hendak kurangkan. Saya hendak Menteri jawab, macam mana kadar hendak diturunkan, macam mana akta ini memberi kesan? Kalau tidak memberi kesan kepada kemalangan atau kerosakan atau kematian, kita buat kerja sia-sia dan tidak ada faedah.

### ■1740

Bukan saya tidak mahu sokong, sokong tetapi saya kecewa sebab ketika dalam satu kajian forum antarabangsa di Paris, Perancis, 30 negara menunjukkan kadar penurunan dalam dunia. Tiga negara, yang lain tiga puluh negara turun, tiga negara naik. Tiga negara itu ialah Argentina, Kemboja. Kemboja itu saya dah pergi, Tuan Yang di-Pertua pun pergi. Kemboja itu tarafnya rendah sangat, lebih kampung daripada kampung, macam Burma juga, bukan saya hendak hina. Akan tetapi ketiga saya terkejut, ketiga ialah negara Malaysia.

Tiga puluh negara turun Tuan Yang di-Pertua, tiga negara naik, Argentina, Kemboja dan Malaysia. Jadi saya dapat rumuskan daripada kajian melibatkan semua negara, Malaysia berada di

kedudukan paling atas sekali dengan kadar kematian bagi 100,000 orang ialah 23.8% kadar kematian di Malaysia. Inilah kot 6.3 kali ganda berbanding dengan United Kingdom (UK), Sweden dan Belanda.

Jadi akta ini lulus, bagus akta lulus tetapi kadar kematian 6.3 kali ganda daripada Belanda, Sweden dan UK. Ini bermakna bahawa 6.3 kematian di Malaysia bagi satu nyawa penduduk UK atau Belanda atau Sweden tahun lalu. Ini ialah yang saya kata akta ini boleh dipinda tetapi jangan harap naik basikal sahaja, kayuh basikal, denda naik RM200, naik RM500, naik RM2,000, tidak ada guna. Kita hendak pinda biar berkesan, biarlah kadar kematian turun.

Kedua, kemalangan ini juga melibatkan kerugian ekonomi yang amat besar. *Last year* ekonomi kita rugi bukan RM1 juta, bukan RM200 juta, bukan RM1 bilion tetapi kadar kehilangan ekonomi kita ialah RM9 bilion tahun lalu. Berlaku kemalangan sebanyak 6,600 kemalangan jalan raya atau dihitungkan hari sebanyak 18.2 kematian tiap-tiap hari. Ini bermakna setiap 1 jam 20 minit, ada seorang rakyat Malaysia yang terbunuh di jalan raya. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun yang kata, "*Pusara di jalan raya*". Tahniah kerana ingatkan kementerian dan ingatkan saya hendak kait *point* ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak faktor. Pertama kelajuan, akta ini tidak sebut, kelajuan membunuh. Daripada kajian, 60% hingga 70% kematian berpunca daripada kelajuan bawa kereta, motosikal, bas, lori dan macam-macam lagi.

Kita juga menurut kajian MIROS, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), motosikal dan kereta masing-masing mencatat 60% dan 20% kematian di jalan raya. Sementara kadar kehilangan maut paling tinggi melibatkan orang muda yang berumur antara 16 tahun hingga 25 tahun.

Apa sebab saya timbulkan fakta ini? Saya hendak lihat ada satu perubahan. Kalau tidak masa ini, akan datang untuk menyelesaikan masalah motosikal, orang muda, dua ini kena buat. Bukan basikal elektrik, bukan basikal kayuh, kita hendak akta ini digubal macam mana hendak *tackle* motosikal yang banyak mati, pejalan kaki yang banyak mati dan juga orang muda yang banyak mati.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya celah sedikit?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Bagaimana caranya? Motosikal macam mana, tidak faham, tidak boleh naik motosikal, begitu?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kerana banyak, ada lori, ada bas, ada kereta, ada motosikal, ada basikal. Yang paling banyak mati orang bawa motosikal.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Solusinya?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Solusinya aktalah. Kena gubal, kena masukkan, kena ada cara-cara baru. Kerja itu kerja kementerian, kita cakap sahaja. Betullah, bukan main-main, betullah... *[Ketawa]*

**Dato' Lim Nget Yoon:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hendak tanya, tanyalah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih. Akta-akta pengangkutan hanya untuk melindungi kemalangan dari berlaku. Saya percaya sikap masyarakat yang begitu penting. Jadi jangan salahkan akta-akta itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Akta tidak salah, akta saya sokong tetapi akta juga kena ikuti dengan tindakan, kena kajian. Akta ini bukan akta baca sahaja. Kalau salah saman, kalau salah, tangkap, kalau salah, mahkamah, kalau salah, baiki JPJ, kalau salah lagi, tidak mahir. Dasar saman kena kaji balik, rayuan bayar saman kena cepat, hantar surat saman kena cepat, OPS Sikap kena ubah, saman sikap kena banyak, penggunaan kamera kena canggih. JPJ kena kaji balik cara pemanduan, cara ajaran, hari latihan, cara lesen dikeluarkan, jalan raya kena baiki. Bukan banyak lubang, bukan sempit. Banyak faktor. Saya sokong tetapi yang saya tidak sokong ialah dah 25 tahun tetapi tidak ada perubahan sebab tidak ada perubahan, negara kita paling tinggi kemalangan, *top ten in the world*, boleh *speaking* sikit, dengan izin.

#### ■1750

Hendak *speaking* banyak-banyak, pelat-pelat... [*Ketawa*] Orang tahulah. Jadi kita rasa boleh dibuat satu kajian. Kita ada cerdik pandai macam Profesor, pakar pengangkutan awam, nama dia Profesor Dr. Abdul Rahim Md. Nor, bos pakar pengangkutan awam. Dia kata yang lemah, dia kata tidak mahir memandu. Tidak mahir memandu satu faktor. Kena baiki. Bukan belajar terus bagi lesen.

Kedua dia sebut kamera itu berkesan tetapi kamera juga saya lihat dalam akta ini ada lemah sebab muka surat empat, seksyen 53A subseksyen 3(a), mengandungi butir-butir yang berikut:

- (i) tarikh, masa dan tempat kesalahan dilakukan;
- (ii) kesalahan yang dilakukan;

Dengar sini, ketiga ini penting, iaitu:

- (iii) imej yang dirakamkan mengenai plat nombor pendaftar kenderaan itu;
- (iv) imej yang dirakamkan mengenai kenderaan motor itu; dan
- (v) tawaran kompaun.

Kereta sudah ada, plat ada tetapi orang tidak masuk. Saya syorkan supaya orang juga dirakamkan, dimasukkan, jangan plat nombor sahaja, sebab orang pinjam kereta kita bukan kereta dia, dia pinjam sahaja. Yang kena saman, kena bayar bukan dia, kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kena lapan saman bukan saya bawa tetapi orang lain bawa. Begitu juga tuan-tuan, betul tidak? Jadi dalam akta ini kena masuk ambil gambar. Tidak guna kamera canggih, CCTV canggih tetapi orang tidak masuk. Jadi akta ini lemah. Lemah pun saya sokong, lulus sahaja... [*Ketawa*] Akan tetapi kena baiki, kena tambah lagi, baru bagus, baru berkesan.

Pakar ini tambah lagi, dia kata sikap pemandu. Ops Sikap, pemandu dia bagus tetapi bila balik hari-hari besar, raya Cina kah, Hindu kah, Raya Haji kah, Raya Puasa kah, semua dia berlumba. Pusara di lebuh raya dia cari-cari. Kita suka Ops Sikap ini tetapi kita tidak suka sangat bila mana dia buat secara bermusim. Musim raya sibuk Ops Sikap sini, 'Sikap raya', selepas itu tidak adalah. Selepas itu lemah, lemah.

Jadi kalau kita hendak buat Yang Berhormat Tuan Syed Syahir, kalau kita hendak buat, kita kena buat berterusan, sokong atau tidak? Kena sokong, kena terus buat, bukan ambil sikap bermusim atau hendak cari publisiti murahan. *Sorry*, saya minta maaf kerana tegur ini. Kalau raya sibuk, selepas raya tidak sibuk. Jadi tidak berkesan.

Satu lagi saya hendak petik, "*Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha berpendapat pelaksanaan sistem automatik salah satu kaedah yang paling berkesan bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan menahan pesalah trafik*". Dia kata hendak tuju visi sifar kemalangan maut dengan cara ini. Ya, visi kemalangan maut sudah saya katakan tadi, tidak kurang daripada 5,000, sekarang 6,000 setahun yang maut, yang mati. Yang mati, besar ini. Jadi saya takut Menteri sebut - visi sifar kemalangan maut tetapi tiada setahun pun sejak tahun 2000 yang turun daripada 6,000 kematian tiap-tiap hari. Semua naik semenjak tahun 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, semua 6,000 ke atas. Itu yang maut. Yang cedera parah 40,000 lebih, 50,000 lebih, 30,000 lebih, 28,000 paling sedikit.

Dahulu kita takut harimau dalam hutan. Hui, jangan masuk hutan, banyak harimau, banyak ular. Berapa orang mati setahun dimakan harimau? Tidak lebih daripada lima orang, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, jalan raya 18 orang satu hari purata. Lebih kita takut di jalan raya. Kereta kita takut, bas kita takut, lori kita takut daripada harimau dalam hutan. Begitulah nasib Malaysia sekarang.

Oleh itu, saya hendak buat kesimpulan. Kementerian kena kaji betul-betul, kena duduk betul-betul, kena panggil pakar-pakar negara-negara luar yang negaranya kurang daripada kemalangan. Jangan ambil Kemboja, jangan ambil Argentina, jangan ambil Thailand, jangan ambil Indonesia, ambillah negara-negara yang kadar kemalangannya kurang, satu.

Kedua, saya ulang sekali lagi, saya syor gubal akta baru yang melibatkan untuk kurangkan kemalangan, bukan untuk naik yang baru kayuh basikal elektrik. Benda itu kecil sahaja. Yang besar kena fikir besar, jiwa kita besar untuk mengecilkan kadar kemalangan jalan raya. Tahniah dan syabas, akhirnya saya mengucapkan ucapan ini baru permulaan sahaja, yang penting bagaimana hendak jadikan Malaysia di antara satu daripada 30 negara yang kadar kemalangannya turun, bukan naik, naik, naik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Untuk renungan semua dan juga sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mendengar sahaja itu. Yang Berhormat Menteri dia pun tidak datang. Walau bagaimanapun, saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Hajah Noriah.

**5.59 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1 Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada perbahasan saya.

**■1800**

Pindaan pada kali ini ialah berkenaan dengan kerajaan menggalakkan penggunaan basikal elektrik di jalan raya. Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri, siapa yang hendak naik basikal dekat jalan raya ini? Adakah orang tuakah, budak-budakkah? Kalau budak-budak ini maknanya bukan hendak mengurangkan kemalangan jalan raya malah membebankan lagi kemalangan jalan raya. Sebagai penggalaklah, ini cadangan saya. Kalau hendak setuju, setujuilah. Kalau tidak setuju pun tidak apa. Sebagai penggalaknya, tahun hadapan kita kali ini mesyuarat Ahli Dewan Negara saya hendak tengoklah, kita yang meluluskan. Saya hendak tengok ada di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dengan Ahli Dewan Negara supaya dia datang naik basikal elektrik ini. Kalau tidak, untuk apa dia hendak luluskan, hendak cadangkan? Mestilah kena ada penggalak. Setiap pencadang dia kena lakukan, kena praktikkan barulah betul. Kalau tidak, sebagaimana kata Datuk Haji Abdul Rahman tadilah, kita buat akta ini macam sia-sialah.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha kerajaan menjaga kebersihan alam sekitar, sebagaimana yang telah kita bincangkan semalam dalam pindaan Akta Alam Sekeliling dan selaras dengan perkembangan global semasa, penggunaan basikal elektrik yang semakin popular dan mendapat tempat di banyak negara terutamanya di negara-negara maju.

Selain daripada itu, pindaan ini juga menyentuh berkenaan dengan denda kepada kesalahan-kesalahan jalan raya yakni bertujuan untuk mendidik pengguna jalan raya dan pemilik kenderaan yang kini berjumlah lebih kurang 21 juta agar lebih berintegriti dan bertoleransi di jalan raya bagi memastikan kita menjadi warga yang berintegriti di negara maju berpendapatan tinggi.

Berhubung dengan pindaan akta ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan fasal denda iaitu fasal 4, 5, 7, 10, 14, 15, 16, 17 dan lain-lain. Fasal-fasal ini menyediakan penstrukturan semula saman dalam kesalahan-kesalahan jalan raya. Pertamanya, isu ketegasan dalam melaksanakan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini. Kita hendak tahu berapakah jumlah saman yang dikeluarkan setiap hari? Keduanya, apakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan menjadi kebiasaan kepada rakyat berkenaan dengan denda itu sendiri?

Ketiganya, apakah pendekatan yang diambil bagi memastikan pegawai penguat kuasa bebas dari rasuah kerana kita sentiasa dengar bahawa mereka yang bertugas dalam bidang ini terdedah dengan rasuah?

Seterusnya, saya mohon penjelasan walaupun ini sudah dibangkitkan oleh rakan-rakan. Saya ingin mohon penjelasan kementerian berkenaan penstrukturan semula saman di bawah pindaan ini kerana sebelum ini saman boleh dikurangkan sehingga RM150. Jadi ditetapkan RM300 ini agak tinggi dan membebankan rakyat apabila ia naik nanti. Memang tidak dinafikan bahawa tujuan denda itu adalah untuk mengajar dan mendidik masyarakat dan itulah matlamat undang-undang diadakan. Namun, program-program pendidikan yang lain juga perlu dibuat. Kita bukan bergantung sepenuhnya kepada denda sahaja.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah kerajaan akan menguar-uarkan dan mengkhabarkan kepada masyarakat tentang pindaan ini di media massa agar rakyat sedar dan prihatin dengan pindaan ini.

Seterusnya menyentuh seksyen 76A iaitu belok kiri dibenarkan. Ini barulah walaupun kita macam kelakar juga tetapi akta ini kita kena sokonglah walaupun macam tidak suka. Semasa kursus pemanduan dijalankan, ini belok kiri sudah macam menempah mautlah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, kita tengoklah cara Malaysia macam mana boleh dilaksanakan kerana kita belum tahu. Semasa kursus pemanduan dijalankan di bawah kawal selia JPJ dan sekolah memandu, pelajar memandu akan diberikan taklimat kursus dan pemahaman bila masa boleh dibenarkan membelok ke kiri dan bila masa boleh membelok ke kanan. Pelajar memandu pada setiap waktu diberitahu bahawa jika lampu isyarat berwarna merah, tidak sesekali dibenarkan meneruskan pemanduan atas apa alasan sekali pun. Akan tetapi, dalam peruntukan pindaan ini dibenarkan membelok ke kiri jika lampu isyarat di hadapan menunjukkan merah. Akan tetapi pada kita kalau itu pun berlaku akta ini, kita hati-hatilah di jalan raya. Kita bimbang, kalau kita belok juga kiri, orang sapu dari belakang.

Persoalan di sini ialah satu isu di mana undang-undang memberikan laluan kepada perlanggaran satu undang-undang mutlak di seluruh dunia bahawa apabila lampu isyarat merah menyala, maka kenderaan hendaklah berhenti di belakang lampu merah itu. Apakah maknanya undang-undang yang memberikan laluan sebegini? Apakah cukup alasan yang diberikan bahawa selagi pemandu itu berhati-hati semasa membelok ke kiri, walaupun lampu isyarat menunjukkan merah.

Hari ini kita belum diuji di mahkamah jika berlaku kemalangan oleh sebab perbuatan membelok ke kiri dan di mana kemalangan ini menyebabkan kematian. Apakah akan ada *compensation* kepada pemandu jika tercedera dan apakah ada *compensation* kepada si mati apatah lagi telah dengan secara terang melanggar lampu isyarat merah? Perkara ini perlu diambil kira kerana ia mungkin dalam satu *grey area* undang-undang. Persoalan lain yang timbul ialah, apakah kata dan pendapat dari segi insurans itu sendiri? Apakah mereka dapat terima terma undang-undang pindaan ini yang membolehkan pemandu melanggar isyarat lampu trafik merah?

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh berkenaan ciri-ciri keselamatan. Seperti mana kita maklum secara purata dicatatkan lebih kurang 19 kematian sehari atau 6,877 orang mati akibat kemalangan pada tahun lepas. Kementerian dalam mengurangkan kadar kemalangan maut dan kecederaan yang tinggi juga perlu mengambil kira mengenai dengan beg udara seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya tadi.

Buat masa ini tidak kesemua kenderaan mempunyai beg udara. Dalam kajian yang dijalankan, beg udara sangat berkesan untuk menyelamatkan nyawa terutama dalam kemalangan di mana hentaman boleh menjangkau pada kelajuan 322 kilometer *per hour*. Beg udara yang dikenali dengan nama Sistem Sekatan Kusyen Udara (ACRS), Sistem Sekatan Tambahan (SRS) dan Sekatan Tambahan Boleh Kembang (SIR) mempunyai penderia tersendiri dan akan bertindak balas menggelembung pada perlanggaran atau hentakan kuat pada kelajuan 16 hingga 24 kilometer sejam.

Oleh itu, pihak kerajaan hendaklah membuat pemakaian secara mandatori. Oleh kerana harganya di antara RM2,000 ke RM5,000 bagi penggantian beg udara yang telah digunakan bergantung pada jenis kenderaan dan beg udara maka ini boleh dibuat dengan kerjasama dengan pihak pengilang dan penjual kenderaan secara automatik telah memasukkan harga pada kadar diskaun dan sudah tentu pembeli tidak akan merasa bebanan kerana ia telah dikategorikan sebagai pada satu harga pembelian sahaja.

Kerajaan hendaklah memandang serius kepada teknologi terkini dan memasukkan ia ke dalam undang-undang secara mandatori dan sebarang ciri keselamatan akan menjadi satu piawaian atau standard yang tidak boleh di *take for granted*. Pada masa yang sama juga pihak kerajaan hendaklah memastikan seluruh jalan raya sentiasa di selenggara dengan baik dan sebarang pembaharuan atau pembaikan mahupun baik pulih hendaklah diberi notis kepada pengguna melalui media cetak, media massa supaya pengetahuan sampai kepada pengguna dengan baik.

Saya harap Yang Berhormat Menteri mempunyai jawapan yang munasabah. Untuk persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas, saya percaya kajian atau pindaan ini telah dilaksanakan dengan sebaiknya. Namun, persoalan yang dikemukakan dapat dijawab agar tidak menimbulkan kekeliruan di kemudian hari.

Satu lagi perkara yang sangat signifikan dalam pindaan ini adalah penguatkuasaan. Rakyat semua mengharapkan agar hal-hal penguatkuasaan dilaksanakan dengan sewajarnya agar keselamatan dan keharmonian terpelihara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong rang undang-undang ini, ingin saya mengucapkan selamat berpuasa dan selamat hari raya khasnya kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada agama Islam dan kepada yang lain, balik nanti, hari ini hari penghabisan, berhati-hatilah di jalan raya.

#### ■1810

Kita baru hendak meluluskan rang undang-undang yang berbasikal elektrik ini, jadi berhati-hati kita naik kereta. Jadi Tuan Yang di-Pertua,

*Daun selasih daun kangkung,  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.*

*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam* Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan pembahas yang terakhir Yang Berhormat Roslin binti Haji Abdul Rahman.

#### 6.10 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Amatlah tepat masanya untuk kita meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini untuk memantap dan mengemaskinikan akta yang sedia ada. Merujuk pada pindaan fasal 4 dan fasal 5, seksyen 15, subseksyen 15(4) [Akta 333] ini, mohon penjelasan, justifikasi kenapa nilai penalti tertentu dipilih. Kenapakah nilai yang lebih tinggi tidak dikenakan untuk mencerminkan kerajaan serius dengan

kesalahan-kesalahan yang dibuat. Begitu juga mohon penjelasan justifikasi dan jumlah penalti bagi fasal 7, seksyen 26, subseksyen 26(2).

Tuan Yang di-Pertua, selain kesalahan yang disebut di bawah seksyen itu kita jangan terlupa bahawa seksyen yang lebih keras perlu dikenakan kepada pesalah-pesalah jalan raya yang dipengaruhi oleh dadah dan alkohol seperti mana disebut di seksyen 44 dan seksyen 45. Setiap hari ada sahaja kes-kes kemalangan, kehilangan jiwa dan kecederaan orang ramai akibat kehilangan kewarasan para pemandu akibat penggunaan dadah dan alkohol yang berlebihan. Akhirnya kerana terlalu kerap terjadi maka ianya seolah-olah menjadi perkara biasa kepada pendengaran kita.

Begitu juga hukuman bagi kesalahan mereka yang memandu melulu dan tidak bertimbang rasa di seksyen 42 dan seksyen 43, khasnya kesalahan lumba haram dan rempit. Masalah sosial remaja ini sepatutnya dikekang dengan adanya undang-undang yang keras juga pendakwaan kepada ibu bapa dan penjaga kerana merekalah yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas anak-anak atau jagaan mereka. Pengeluaran lesen memandu kepada mereka yang berumur kurang 21 tahun iaitu di golongan sebagai remaja perlu dipantau dan diminta diadakan satu undang-undang supaya para penjaga mereka perlu dijadikan penjamin.

Langkah setengah negara maju yang memberi kaunseling kepada para pesalah trafik juga perlu kita adaptasikan di negara ini. Pesalah yang mencapai *point* kesalahan tertentu akan digantung lesen mereka dan mereka perlu dihantar ke pusat kaunseling dan perlu diuar-uarkan nama mereka di *website* kementerian sebagai petunjuk golongan ini biasa melakukan kesalahan berat dan berbahaya untuk digajikan sebagai pekerja. Jika pesalah kewangan disenaraihitamkan oleh pihak bank adalah disarankan pesalah akta ini juga disenaraihitamkan dari memandu dan memiliki kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua kesalahan yang kerap kita dengar adalah kesalahan cermin gelap, kesalahan nombor plat kereta kecil, kesalahan tiada cukai jalan, lesen tamat tempoh dan kini ia membawa basikal elektrik. Kita akur dengan kehendak bahawa kerajaan tidak membenarkan penggunaan basikal elektrik. Namun pasti ramai yang simpati dengan rakyat marhaen yang hanya itulah kemampuan yang mereka ada. Bagaimana pula mereka yang tidak bertanggungjawab menyusahkan orang lain seperti memakir kereta sewenang-wenangnya atau menghalang lalu lintas tanpa timbang rasa. Dewan yang mulia kita mesti juga adil kepada semua. Undang-undang mesti diutamakan. Pihak berkuasa mestilah tidak takut untuk menegakkan undang-undang. Tidak kira kepada yang kaya atau yang miskin tanpa takut kepada pangkat dan darjat.

Tuan Yang di-Pertua, mohon dipertimbangkan kementerian melihat pemakaian pelbagai lambang di kereta, di kenderaan yang kadang-kadang mengelirukan dan kadang-kadang melakarkan seolah-olah kenderaan itu kebal dari tindakan undang-undang.

Menyentuh fasal 11, seksyen 53A iaitu kaedah penyampaian notis bagi menghadiri diri ke mahkamah. Usaha ini perlu juga kreativiti tinggi dengan kemudahan internet segala *Facebook*, *tweet*, e-mel, *blog* malah kaedah telefon dan SMS boleh digunakan. Lihat sahaja amalan di Singapura setiap rakyatnya perlu mengisi maklumat e-mel semasa mengisi borang jika ada urusan yang lebih serius. Alamat e-mel dua atau tiga kenalan terdekat perlu disertakan juga. Mungkin ini ada impak dari segi

perundangan mengenai kesahihan penerimaan, namun perkara ini boleh dipraktikkan. Siapa sangka satu masa dahulu setiap kali kita mengeluarkan wang di bank setiap kali itulah cap jari kita diperlukan. Sebenarnya kita sendiri mampu untuk membuat perubahan.

Terlampau *rigid* atau kaku dengan sistem lama menyebabkan kita tidak mampu terus ke depan. Sudah tiba masanya manfaatkan sistem dan kemudahan yang ada untuk memudahkan urusan kerajaan dan rakyat, mudah, cekap dan bermanfaat. Sungguhpun begitu kecekapan menyampai notis ini akan menjadi gagal jika maklumat diberi palsu. Sebenarnya seksyen 108 akta ini perlu juga diperkemaskan iaitu kesalahan memberi maklumat palsu. Kesalahan pemalsuan maklumat, manipulasi dokumentasi, penipuan sijil-sijil, penipuan adalah antara jenayah yang paling kerap berlaku di Malaysia. Soalnya adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mengekang terjadinya jenayah ini?

Ironi seksyen 114 dan seksyen 115 iaitu kuasa menyiasat dan kewajipan memberi maklumat ditinggalkan khasnya merujuk kepada kes-kes pemalsuan maklumat. Akan tetapi meminda seksyen 112 pada hari ini memberi kuasa polis, JPJ menangkap rakyat biasa dengan basikal elektriknya. Bagaimanapun akhir sekali tahniah kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 6.17 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat dalam perbahasan meminda Akta Pengangkutan Jalan yang telah dibahaskan oleh ramai Ahli Yang Berhormat.

Saya dapat melihat bahawa sebahagia besar daripada Ahli Yang Berhormat begitu prihatin tentang masalah ini dan memberikan sokongan terhadap akta ini. Walaupun sedikit sebanyak terdapat keraguan-keraguan yang dibangkitkan yang kita akan jawab untuk memberikan kepuasan kepada semua. Supaya akta ini akhirnya nanti akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan akan dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul di dalam negara kita ini iaitu masalah keselamatan di jalan raya.

Seperti mana yang saya ingin jelaskan sebentar tadi bahawa peruntukan untuk meminda akta ini adalah untuk memenuhi beberapa tujuan-tujuan tertentu. Di antaranya ialah berkaitan dengan dasar-dasar penggunaan basikal elektrik dan juga memantapkan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan dan agensi-agensi yang lain. Apa yang paling mendapat banyak pertanyaan sekali ialah berkaitan dengan menetapkan kadar minimum dengan mahkamah sebanyak RM300 yang telah diperuntukkan iaitu tidak kurang daripada kadar kompaun maksimum yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 120.

Selain daripada itu tujuannya juga ialah untuk membolehkan memperkemaskinikan perundangan-perundangan yang berkaitan dengan pelaksanaan *automated enforcement system* yang telah pun dirancang begitu lama untuk dilaksanakan. Bagi membolehkan penguatkuasaan undang-undang jalan raya di dalam negara ini dapat dijalankan dengan begitu berkesan dan dapat membantu untuk mengurangkan kemalangan khususnya kemalangan maut di jalan raya. Satu lagi tujuannya juga ialah untuk memberikan kemudahan kepada golongan OKU. Dan peruntukan yang paling baru sekali yang kita perkenalkan ialah berkaitan dengan peruntukan "*authorized left turn*", iaitu di persimpangan-persimpangan jalan yang dikenal pasti.

Tidak semua persimpangan jalan yang akan diberikan "*authorized left turn*" tetapi persimpangan jalan yang telah dikenal pasti akan diberikan untuk dikaji oleh MIROS dan ianya akan dilaksanakan bagi membolehkan permasalahan seperti masalah kesesakan di jalan raya dapat dilakukan. Ini telah pun dilaksanakan di kebanyakan negara khususnya di negara-negara maju. Di Malaysia hari ini pun memang kita berhasrat untuk melaksanakannya.

Selain daripada itu inti pati yang penting di dalam pindaan akta ini ialah untuk memperkukuhkan tentang undang-undang berkaitan dengan keselamatan jalan raya di negara ini.

#### ■1820

Ini kerana dengan mengambil kira bahawa terdapat kebimbangan yang begitu besar di kalangan rakyat dan juga di dalam kerajaan berhubung dengan masalah kemalangan di jalan raya yang berlaku di negara ini. Walaupun ia bukanlah sesuatu yang terlalu serius jika dibandingkan dengan negara-negara lain tetapi ia juga cukup membimbangkan kerana apabila kita melihat statistik-statistik yang dipaparkan menunjukkan bahawa memang kemalangan di jalan raya dalam posisi yang meningkat dari segi jumlahnya iaitu misalnya pada tahun 2009 sebanyak 397,330 kemalangan, pada tahun 2010 sebanyak 414,421 kemalangan dan pada tahun 2011 sebanyak 449,040.

Demikian juga jika kita melihat dari segi kematian di jalan raya, maka kita dapat melihat terdapat peningkatan. Misalnya pada tahun 2009 sebanyak 6,745, pada tahun 2010 sebanyak 6,872 dan pada 2011 sebanyak 6,877. Selain daripada itu kalau kita melihat dari segi purata setiap hari, terdapat 19 kematian setiap hari dan setiap satu jam 20 minit di dalam negara ini ada seorang purata mati di jalan raya. Ini memerlukan satu pendekatan yang holistik kerana apa yang kita lihat bahawa punca-punca kemalangan yang berlaku di jalan raya ini adalah berpunca daripada pelbagai sebab dan yang penting sekali ialah masalah sikap atau masalah faktor manusia yang terlibat.

Menurut kajian MIROS, 60% hingga 70% kemalangan jalan raya di dalam negara ini adalah melibatkan soal faktor manusia dan terdapat keperluan untuk mewujudkan pendekatan yang holistik ataupun *multiple intervention* iaitu pendekatan yang pelbagai untuk melaksanakannya khususnya untuk memastikan supaya perkara-perkara yang melibatkan atau yang boleh menyumbang kepada kemalangan ini dapat dilaksanakan.

Oleh sebab itu kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan juga agensi yang dipertanggungjawabkan memang merancang beberapa rancangan-rancangan untuk memerangi masalah ini. Di antaranya ialah melalui pendekatan 5E yang sering kita sebutkan iaitu *Education*,

*Enforcement; Engineering; pendekatan untuk pengurusan Environment dan Evaluation* iaitu kajian-kajian yang dibuat oleh MIROS.

Pendekatan *multi intervention* ini sedikit sebanyak telah pun membuahkan hasil dan kalau saya ingin nyatakan di sini sebenarnya walaupun kita dapat melihat bahawa memang terdapat peningkatan dari segi jumlah kematian tetapi ini berkait rapat juga dengan jumlah kenderaan berdaftar di negara ini yang meningkat hampir satu juta setahun dan pada ketika ini kenderaan di jalan raya kita sehingga tahun 2011 adalah berjumlah 21,401,269 buah.

Kalau kita melihat dari segi indeks kematian di jalan raya, ada petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk mengukur tentang sesuatu perangkaan-perangkaan dan juga mengukur pelaksanaan sama ada dari segi keberkesannya dan kalau kita melihat dari segi statistik yang dipaparkan di sini menunjukkan bahawa setiap 100 ribu penduduk di dalam negara ini, memang terdapat trend penurunan dari segi kemalangan iaitu pada tahun 2003 misalnya sebanyak 25.1% dan pada tahun 2011 sebanyak 23.95%. Bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar, memang kita dapat melihat dan ini adalah satu petunjuk yang lebih tepat ialah apabila kita dapat melihat bahawa setiap tahun terdapat penurunan dari segi indeks tersebut iaitu bagi tahun 2001, sebanyak 5.17%, tahun 2006 sebanyak 3.98% dan pada tahun 2011 sebanyak 3.21%.

Indeks yang satu lagi kita biasa gunakan ialah setiap satu bilion '*return*' kilometer *travel*, pada tahun 2001 sebanyak 23.93%, pada tahun 2006 sebanyak 18.69% dan pada tahun 2011 sebanyak 14.48%. Ini membuktikan bahawa walaupun terdapat pertambahan di dalam jumlah kenderaan dalam negara ini iaitu lebih kurang satu juta setahun tetapi dengan *intervention* ataupun pelbagai pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan oleh kerajaan melalui apa yang saya katakan tadi pendekatan 5E iaitu pendekatan *education* di mana hari ini kita telah pun melaksanakan kurikulum pendidikan jalan raya di sekolah-sekolah dan telah pun dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan juga bermula di sekolah menengah untuk mendidik anak-anak kita supaya menjadi seorang warganegara yang menghormati undang-undang di jalan raya dan menghargai nyawa.

Demikian juga kita di dalam proses untuk melaksanakan kurikulum memandu di sekolah memandu untuk ditambah baik iaitu dengan memberikan penekanan kepada soal menambah baik sikap pemandu-pemandu supaya menjadi berhemah dan berdisiplin di jalan raya dan yang penting, kita juga telah melaksanakan satu inisiatif baru yang saya ingin jelaskan di sini iaitu berkaitan dengan *enforcement*.

Seperti mana yang kita tahu bahawa di dalam negara ini *enforcement* dilaksanakan oleh agensi-agensi penguat kuasa khususnya pihak PDRM, JPJ dan juga warden trafik. Akan tetapi sudah tentulah ia tidak mencukupi dan ia juga telah menimbulkan banyak masalah-masalah lain seperti tanggapan-tanggapan berkaitan dengan rasuah dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita telah pun bergerak ke satu tahap yang baru iaitu dengan memperkenalkan *automated enforcement system* yang telah pun berjaya dilaksanakan di kebanyakan negara. Hampir 90 buah negara telah pun melaksanakan *automated enforcement system* ini dan ia adalah amat berkesan kerana ia sudah

tentunya akan dapat meningkatkan apa yang dipanggil sebagai *perception of been caught* ataupun persepsi kebarangkalian ditangkap yang tinggi di kalangan pemandu.

Di dalam negara kita hari ini mengikut kajian MIROS hanyalah lebih kurang dalam 25% hingga 40% dan disebabkan oleh *perception of been caught* yang begitu rendahlah maka pemandu-pemandu kita tidak begitu berhemah dan mereka kebanyakannya cenderung untuk melanggar undang-undang di jalan raya. Oleh sebab itu dengan adanya inisiatif *automated enforcement system* ini, kita berharap akan dapat meningkatkan *perception of been caught* kepada 80% hingga 90% dan banyak negara-negara yang telah pun melaksanakannya.

Kalau kita lihat misalnya di selatan khususnya di Singapura, memang walaupun negara tersebut adalah negara yang agak tidaklah begitu besar tetapi mereka menggunakan secara *extensive* penggunaan *automated enforcement system* dan disebabkan itu pemandu-pemandu di situ agak begitu berdisiplin dan mereka memandu mengikut had kelajuan yang telah ditetapkan.

Walaupun kadang-kadang kalau kita lihat apabila mereka datang ke Malaysia, mereka memandu dengan begitu laju kerana mereka tahu bahawa kita tidak mempunyai sistem yang dapat memberikan penguatkuasaan secara automatik terhadap mereka. Jadi ini adalah merupakan satu naluri manusia. Negara-negara lain seperti Australia, malah di negara seperti Hong Kong, di Beijing sendiri, di Taiwan, dulu saya berkhidmat di Taiwan pun lebih kurang satu dekad yang lalu, sistem ini telah pun dilaksanakan dan ia memang didapati berkesan untuk memberikan kesedaran yang tinggi terhadap pemandu-pemandu supaya lebih berhemah.

Inisiatif-inisiatif lain iaitu berkaitan dengan *engineering* iaitu untuk memberikan piawaian-piawaian dan juga memastikan supaya kenderaan-kenderaan yang digunakan di dalam negara ini memenuhi piawaian-piawaian tertentu berkaitan dengan piawaian antarabangsa. Demikian juga kenderaan-kenderaan perdagangan dan kenderaan awam dimestikan untuk mengadakan pemeriksaan PUSPAKOM untuk memulihkannya menjadi kenderaan-kenderaan yang mempunyai *fitness* untuk digunakan di jalan raya. Dan kalau kita melihat, Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi indeks, kalau kita lihat negara kita berbanding dengan negara-negara yang lain.

#### ■1830

Kalau dari segi indeks global misalnya, Malaysia sekarang sebenarnya berada di tempat ke-46 daripada 171 negara dari segi indeks global dan di negara ASEAN pula dari segi *rank by 10,000 registered vehicle*, 100,000 *registered vehicle* ialah di tempat ke-9 daripada 42 negara dan di Asia Tenggara kita berada di tahap nombor tiga daripada sepuluh negara yang telah dikaji. Jadi kalau kita lihat misalnya di negara yang paling dekat yang boleh kita bandingkan ialah negara Thailand yang mempunyai jumlah kenderaan lebih kurang 25 juta tetapi kematian berlaku di negara itu setiap tahun lebih kurang 12,492 berbanding Malaysia 6,877 iaitu mereka *double* walaupun kerana kita membanding dari segi jumlah kenderaan. Kita mempunyai 21 juta atau 22 juta dan mereka mempunyai 25 juta dan jumlah kematiannya juga adalah tinggi.

<b>Negara</b>	<b>Jumlah (kematian / 1 tahun)</b>
Myanmar	11,422
Filipina	17,557
Vietnam	14,104

Jadi ini adalah membuktikan bahawa walaupun terdapat kebimbangan-kebimbangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang adakah inisiatif yang telah dilakukan selama ini berkesan atau tidak. Sebenarnya saya ingin menyatakan di sini bahawa pelbagai *multiple intervention* yang telah pun dilakukan oleh kerajaan selama ini telah pun memberi kesan dan kita juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa memberikan sokongan terhadap akta yang telah dikemukakan di Dewan ini. Oleh kerana hanya dengan adanya undang-undang yang kemas dan teratur kita akan dapat memerangi masalah ini walaupun ianya tidak akan menghapuskan 100% masalah keselamatan jalan raya ini mungkin walaupun kita ada undang-undang yang begitu kuat tetapi kemalangan tetap berlaku.

Perkara yang penting adalah kita dapat mengawalnya ke satu tahap yang boleh dibanggakan dan juga setanding dengan pencapaian-pencapaian yang telah dilakukan oleh negara maju. Di negara-negara maju mereka juga telah melakukan inisiatif-inisiatif yang sama misalnya dengan menggunakan *education* sebagai satu *tools* yang penting dan mereka telah dapat mendidik rakyat mereka. Apa yang penting di sini mereka juga menguatkuasakan undang-undang dengan begitu ketat malah beberapa undang-undang mereka adalah jauh lebih keras misalnya untuk memenjarakan seseorang yang memandu dengan pengaruh alkohol ataupun pengaruh dadah. Ramai personaliti dunia yang telah dipenjarakan khususnya mereka yang memang terkenal pun masuk penjara kerana kesalahan misalnya memandu dengan pengaruh alkohol.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang telah dilakukan oleh kerajaan selama ini adalah untuk melindungi rakyat. Undang-undang yang telah dibuat ini tidak ada matlamat lain melainkan adalah untuk melindungi rakyat dan mendidik rakyat negara ini supaya menjadi seorang pemandu yang berhemah dan berdisiplin serta tidak ada sebuah kerajaan yang bertanggungjawab seperti kerajaan hari ini. Kita bertanggungjawab untuk membuat undang-undang ini walaupun sebahagian daripada undang-undang ini adalah tidak popular tetapi ianya adalah bertujuan untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat negara ini khususnya yang berkaitan soal kematian, kecederaan dan kemalangan dapat dikurangkan. Walaupun sebenarnya seperti mana ada kata pepatah, "*no pain, no gain.*"

Jadi apabila kita mahu memastikan bahawa undang-undang itu berkesan, ianya haruslah dapat dirasai oleh mereka yang terlibat dan kita harus memastikan bahawa undang-undang ini sebenarnya adalah bertujuan untuk melindungi kumpulan majoriti iaitu mereka yang mahu selamat di jalan raya. Kumpulan yang tidak mahu selamat ataupun yang dipanggil *habitual offenders* ataupun mereka yang *reckless drivers*, mereka yang tidak bertanggungjawab ini memang saya percaya adalah golongan yang minoriti.

Akan tetapi apabila mereka melakukan kesalahan di jalan raya, kesannya bukan sahaja kepada diri mereka sendiri tetapi juga memberikan kesan kepada orang lain kerana pelanggaran tersebut bukan hanya menyebabkan kematian kepada diri pemandu yang *reckless* itu tetapi juga akan menyebabkan kematian kepada orang lain yang tidak berdosa. Kadang-kadang mereka itu adalah pejalan kaki, *by standees* dan juga keluarga-keluarga pergi bercuti tiba-tiba mereka menghadapi kemalangan kerana bukan kerana kesalahan mereka tetapi kerana kelalaian-kelalaian dan juga kecuaiian orang lain.

Oleh sebab itu kita membuat undang-undang adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada golongan majoriti. Saya percaya kita semua mahu selamat kerana apabila kita turun kerja, apa yang kita mahu esok petang kita boleh balik dengan selamat dan memanglah ini menjadi hasrat kita dan kalau semua orang berdisiplin dan berhemah, saya percaya akan lebih ramai yang terselamat di jalan raya.

Oleh sebab itu, beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat misalnya Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin sahabat saya berkaitan dengan soal denda minimum RM300. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya ingin nyatakan di sini bahawa semua kesalahan di jalan raya sebenarnya adalah kesalahan yang boleh dikompaunkan. Jadi tidak ada kesalahan yang tidak boleh dikompaunkan. Kalau orang yang kena saman itu juga diberi peluang membayar kompaun atau hadir di mahkamah. Jika orang kena saman itu memilih untuk menyelesaikan kes melalui bayaran kompaun, jumlah kompaun yang dikenakan adalah tidak melebihi RM300 dan jumlah bayaran kompaun itu juga adalah berdasarkan kepada bayaran berperingkat iaitu berdasarkan kepada prinsip '*the more you delay, the more you pay.*'

Kesalahan-kesalahan yang tidak menyumbang kepada maut ataupun boleh menyebabkan kematian ianya adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dibayar dan mereka yang membayar dengan lebih awal akan mendapat diskaun iaitu misalnya bayaran dalam tempoh 15 hari pada tarikh saman hanyalah dikenakan RM100 dan bagi selepas 15 hari hingga 30 hari, RM150 dan bayaran selepas 30 hari hingga 60 hari adalah RM250.

Tujuan kita untuk mengenakan denda minimum terhadap denda mahkamah ini adalah untuk supaya menggalakkan orang yang memang bersalah, sebelum ini kita tidak ada denda minimum di dalam perundangan kita untuk kes-kes mahkamah. Oleh sebab itu banyak yang mengambil peluang untuk pergi ke mahkamah walaupun mereka sedar mereka mungkin bersalah. Apabila mereka pergi ke mahkamah, denda yang dikenakan adalah jauh daripada kadar kompaun RM100 dan ini menimbulkan masalah *backlog cases* di dalam mahkamah-mahkamah trafik dan apa yang penting di sini apabila ketika meminda rang undang-undang ini dengan segala peralatan dan teknologi canggih, kita mahu supaya mereka ini, mereka yang melakukan kesalahan ini boleh menyelesaikan kompaun. Bagi kes-kes yang melibatkan kes-kes serius, sudah tentulah mereka ini dikenakan bayaran denda RM300. Akan tetapi mereka yang tidak melakukan kesalahan, ini bukanlah menjadi satu masalah.

Bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 40 dan seksyen 79 iaitu mengabaikan syarat lalu lintas dan had laju, sudah tentulah ianya adalah satu kesalahan serius yang boleh

menyebabkan kemalangan dan kematian. Oleh sebab itu penetapan kadar denda minimum adalah munasabah berasaskan keseriusan masalah ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin juga membangkitkan tentang seksyen 76 memperuntukkan mana-mana yang boleh membelok kiri ataupun lampu isyarat dengan syarat ada tanda belok kiri dibenarkan diletakkan dan kenderaan itu berhenti dahulu sebelum garisan berhenti sebelum belokan dibuat sehingga selamat untuk membelok kiri.

#### ■1840

Untuk makluman Yang Berhormat, *authorized left turn* ini adalah merupakan satu kemudahan baru yang diberikan kepada pengguna-pengguna jalan raya khususnya bagi mengatasi masalah kesesakan. Ianya telah pun dilakukan di kebanyakan negara. Walau bagaimanapun, seksyen 36 ini juga ada mengatakan bahawa ketidakpatuhan merupakan satu kesalahan adalah merujuk kepada syarat yang dinyatakan sebentar tadi dan akan diperincikan dalam kaedah-kaedah. Walau bagaimanapun, ianya tidak akan menjadi kesalahan sekiranya pemandu tidak mahu membelok ke kiri walaupun ada tanda belok ke kiri dibenarkan jika mendapati adalah berbahaya berbuat demikian sehingga selamat untuk membelok kiri. Jadi, *authorized left turn* ini adalah merupakan kemudahan dan juga pilihan. Ianya tidak dilakukan di semua persimpangan, ianya hanya diletakkan di persimpangan-persimpangan tertentu yang telah dikaji oleh pihak PBT dan juga MIROS dan di tempat-tempat yang dibenarkan ini sekiranya mereka membelok, mereka tidak akan dikenakan apa-apa tindakan termasuklah berkaitan dengan pelaksanaan AES di tempat-tempat yang telah ditetapkan ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof juga ada membangkitkan tentang bayaran yang diberikan kepada syarikat pelaksana AES. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya syarikat ini setelah mengadakan banyak perbincangan berkaitan dengan pelaksanaan AES ini yang telah diberikan kepada dua syarikat di mana kita meng*outsource* daripada segi pengambilan gambar ataupun penyediaan *enforcement system* ini. Kita telah pun memutuskan untuk memberikan *capped* 17% IRR atau *internal rate of return* kepada syarikat ini. Ini adalah keputusan yang dibuat untuk memastikan bahawa mereka dapat melaksanakan tanggungjawab iaitu melalui kaedah *outsource* terhadap syarikat-syarikat ini di mana kerajaan tidak perlu untuk menyediakan modal, penyediaan-penyediaan sistem dan juga penyelenggaraan. Ada juga masalah-masalah yang timbul tentang pelaksanaan ini misalnya mungkin juga jika semua pemandu mematuhi peraturan-peraturan di jalan raya atau berlaku *decay rate*, maka ini adalah merupakan tanggungjawab syarikat itu sendiri. Satu isu yang paling penting dalam pelaksanaan penggunaan *automated enforcement system* ini ialah masalah daripada segi vandalisme dan sekiranya dilaksanakan oleh kerajaan, ini adalah merupakan satu isu yang penting.

Oleh sebab itu kerajaan telah mengambil keputusan untuk *outsource* kerja-kerja untuk menyediakan *high resolution camera* di tempat-tempat yang dianggap sebagai *blackspot areas* untuk diserahkan kepada syarikat-syarikat pengendali yang telah dilantik oleh kerajaan setelah menilai daripada segi keupayaan mereka dengan menggunakan teknologi yang telah pun diuji di kebanyakan

negara iaitu menggunakan teknologi Jerman. Itu satu daripadanya yang dilaksanakan menggunakan teknologi Jerman iaitu syarikat Genoptic Robot dan juga yang dikendalikan oleh syarikat pengendali di Malaysia iaitu ATES Sdn. Bhd dan juga Red Flag Traffic System dari Australia yang dilaksanakan oleh Beta Tegap Sdn. Bhd. Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga ada membangkitkan berkaitan dengan bilangan kamera yang akan dipasang.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kamera yang akan dipasang adalah sebanyak 1,093 di mana 841 adalah *fixed camera*, manakala 252 adalah *mobile camera*. Mengapa syarikat ini dipilih? Untuk makluman Yang Berhormat, dua syarikat yang melaksanakan AES ini adalah ATES Sdn. Bhd. dan Beta Tegap adalah berdasarkan kepada daripada segi keupayaan teknikal, pengalaman syarikat dan kukuh kewangan. Selain daripada itu, kedua-dua syarikat ini juga telah berjaya ujian *live demo* yang telah melibatkan modul pengesanan, penghantaran, pemprosesan dan pengurusan penguatkuasaan ataupun *back office*. Yang Berhormat Datuk Chin juga ada membangkitkan tentang bilakah penstrukturan terakhir yuran pelajar memandu. Adakah kerajaan mengambil inisiatif untuk menetapkan yuran tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada tahun 2009 telah menetapkan yuran belajar lesen memandu motosikal pada kadar RM211 sahaja. Bagi yuran motokar dan lain-lain, kerajaan tidak mengawalinya sebaliknya kadar yuran adalah ditentukan oleh harga pasaran ataupun *market forces*. Walau bagaimanapun, institut memandu perlu mempamerkan harga yang ditawarkan dan kaedah ini secara tidak langsung dapat memberi faedah kepada orang ramai memandangkan terdapat 150 buah institut memandu di seluruh negara dan calon pelajar adalah bebas memilih institut memandu yang memberi *the best value for money*.

Itu dalam jangka lebih kurang, apa yang kita diberitahu adalah lebih kurang RM400 hingga RM1,100 *fees* yang dikenakan bagi untuk mendapatkan lesen ini. Ini pun saya ingin menyatakan bahawa dengan penggunaan ini, kita juga mahu supaya mereka benar-benar menghargai lesen tersebut dan memandu dengan secara yang berhemah dan berdisiplin di jalan raya. Yang Berhormat Datuk Chin juga ada membangkitkan tentang pelesenan basikal elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum berhasrat untuk menguatkuasakan Akta 33 ini ke atas basikal elektrik seperti kenderaan motor yang lain, contohnya menggunakan lesen kenderaan motor. Kementerian cuma berhasrat untuk memanjangkan peruntukan sedia ada yang terpakai kepada basikal terpakai juga kepada basikal elektrik. Bagaimanapun, penambahan takrif ini adalah bertujuan untuk membezakan basikal elektrik dengan kenderaan elektrik yang lain.

Yang Berhormat Datuk Yunus dan Datuk Chin ada membangkitkan tentang status pelaksanaan demerit pada masa ini dan statistik pemandu yang telah dikenakan mata demerit. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem mata demerit telah dilaksanakan semenjak tahun 80-an. Sebelum ini orang kena saman dikenakan mata demerit apabila saman dibayar, sebelum inilah. Berikutan pindaan akta pada tahun 2010, pelaksanaan mata demerit telah diubah. Jika orang kena saman membayar saman dalam tempoh tiga bulan, tiada mata demerit akan dikenakan. Ini adalah untuk menggalakkan mereka supaya membayar saman. Jika orang kena saman gagal jelaskan saman

dalam tempoh tersebut, barulah mata demerit tersebut akan dikenakan. Statistik pemandu yang dikenakan mata demerit semenjak tahun 2002 ini kita akan berikan secara bertulis kerana kita tidak ada maklumat setakat ini. Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok ada membangkitkan tentang penggunaan had laju yang berbeza di lebuhraya dan di jalan negeri. Had laju di lebuhraya ialah 100km sejam dan jalan negeri kurang daripada 60km sejam.

Untuk makluman Yang Berhormat, had laju ditetapkan berdasarkan kepada reka bentuk jalan dan ianya ditentukan oleh sama ada oleh Kementerian Kerja Raya. Lebuhraya direka bentuk untuk pemanduan yang laju kerana lorong yang lebar dan jajaran yang lurus dan sebagainya. Bagi jalan negeri, ia direka bentuk untuk pemanduan yang kurang laju kerana jalan negeri melalui bandar-bandar yang mempunyai banyak persimpangan. Tambahan pula jalan negeri melalui kawasan-kawasan yang mempunyai tumpuan pejalan kaki khususnya kawasan-kawasan sekolah, masjid dan pusat-pusat pengajian. Kita juga akan dan sedang dalam proses untuk mengambil pandangan-pandangan dan untuk melihat sekiranya ada keperluan di masa-masa akan datang. Ini melibatkan banyak agensi yang lain untuk memberikan pendapat, khususnya daripada Kementerian Kerja Raya tentang jika sekiranya ada keperluan untuk menambahkan had laju tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Chew juga ada membangkitkan bilakah AES dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja reka bentuk sistem telah pun selesai dan kini sedang dalam proses untuk membuat pemasangan kamera dan peralatan berkaitan bagi tujuan *pilot test*. Untuk peringkat *pilot test* ini melibatkan 14 lokasi sahaja dan ianya sedang dijalankan dan akan berakhir pada bulan September nanti.

#### ■1850

Saman pertama dijangka akan dikeluarkan pada akhir bulan Ogos nanti. Yang Berhormat Senator Chew ada membangkitkan tentang pemasangan *airbag*. Beberapa cadangan Yang Berhormat yang dianggap begitu penting dan bernas. Di antaranya ialah pemasangan *airbag* dan kerajaan telah mewajibkan sebenarnya setiap model kenderaan baru mematuhi Peraturan UNECE R94 bermula pada 2012. Peraturan ini adalah melindungi penumpang kenderaan semasa berlaku pelanggaran pada bahagian hadapan kenderaan. Bagi mematuhi peraturan ini setiap kenderaan perlu dilengkapi dengan *airbag* dan pihak kerajaan sedia maklum akan keperluan ini. Model baru yang dipasarkan pada tahun 2011 dan 2012 adalah mematuhi peraturan R94 dan ini dilengkapi dengan *airbag*.

Sistem ABS pada kenderaan. Pada masa sekarang setiap model baru kenderaan yang hendak didaftarkan perlu menjalani proses *vehicle type approval* atau VTA oleh JPJ dan ianya bagi memastikan kenderaan ini mematuhi standard antarabangsa UNECE termasuklah aspek brek. Sistem brek pada kenderaan perlu memenuhi piawai antarabangsa dan ini termasuklah sistem ABS brek. Sebahagian besar model kenderaan baru sekarang telah dilengkapi oleh sistem ABS ini. Cadangan-cadangan Yang Berhormat yang lain akan diteliti dari masa ke masa dan akan diputuskan berdasarkan keperluan.

Yang Berhormat Senator Chew juga ada membangkitkan tentang Ops Sikap. Untuk makluman Yang Berhormat sememangnya pada setiap musim perayaan kita mengadakan Ops Sikap dan Ops Sikap ini dilakukan dengan mengambil kira bahawa pada musim-musim tersebut jumlah kenderaan yang bergerak dari satu tempat ke satu tempa telah bertambah dengan berkali ganda dan oleh sebab itu operasi khas dilakukan pada musim-musim tersebut untuk memastikan supaya ianya dapat mengurangkan kadar kemalangan. Daripada apa yang kita dapat lihat pada tahun 2012, Ops Sikap Ke-23 sempena Tahun Baru Cina telah mencatatkan 199 kematian berbanding dengan Ops Sikap 21 pada tahun 2010 yang telah mencatat 201 kematian.

Apa yang kita lihat bahawa pada masa pelaksana Ops Sikap tersebut kebiasaannya kadar kematian purata akan berada pada tahap 15 atau 16 orang sehari. Ini adalah merupakan satu kebaikan atau peningkatan berbanding dengan 18 hingga 19 sehari dan ini dengan mengambil kira bahawa jumlah kenderaan yang bergerak pada masa musim perayaan itu adalah berlipat kali ganda. Namun begitu, purata kematian pada Ops Sikap 23 dan 24 adalah 13.3 kematian sehari. Angka ini jauh berbeza sebelum ini. Oleh itu Ops Sikap boleh dianggap berjaya mengawal peningkatan kematian akibat kemalangan jalan raya walaupun jumlah kenderaan jalan raya di situ adalah meningkat dengan mendadak.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun ada membangkitkan tentang isu basikal elektrik. Memang basikal elektrik yang sedia ada tidak perlu dilesenkan atau membayar sebarang cukai jalan. Basikal yang dibuat dalam negara atau diimport diwajibkan memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh pihak SIRIM bagi memastikan basikal yang berada di atas jalan raya adalah selamat digunakan. Kebenaran yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membawa masuk atau membenarkan penggunaan basikal elektrik ini dan meminda undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan, khususnya kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan mereka yang terpaksa menghantar anak mereka ke sekolah dan penggunaan basikal elektrik ini saya percaya akan dapat menolong mereka menghadapi masalah ini. Begitu juga rungutan-rungutan sebelum ini yang mengatakan ramai anak-anak sekolah yang menunggang motosikal khususnya mereka yang di bawah umur yang tidak mempunyai lesen tetapi terdesak untuk menggunakan kenderaan motosikal khususnya ke sekolah kerana ketidakmampuan ibu apa untuk menghantar mereka ke sekolah.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga membangkitkan adakah keperluan untuk mendaftar basikal elektrik dan menyediakan infrastruktur berkaitan dengannya. Kerajaan setakat ini belum bercadang untuk mendaftar atau melesenkan basikal elektrik dan pelaksanaannya adalah sebagaimana penggunaan basikal konvensional. Walau bagaimanapun, kementerian bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dalam penyediaan infrastruktur yang sesuai untuk mengguna basikal elektrik. Kerajaan juga sedang merangka standard yang masih dipatuhi oleh pengeluar dan pengimport basikal elektrik bagi memastikan basikal elektrik yang dipasarkan mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga ada membangkitkan berkaitan dengan tindakan JPJ ke atas ulat tiket. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan Suruhanjaya

Pengangkutan Awam Darat melalui pewartaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, penguatkuasaan ke atas ulat-ulat tiket adalah di bawah bidang kuasa SPAD. Walau bagaimanapun, JPJ sentiasa bekerjasama dengan SPAD untuk membanteras gejala ulat-ulat tiket melalui operasi bersepadu.

Yang Berhormat Chew juga ada membangkitkan tentang pendidikan keselamatan jalan raya yang perlu diajar di sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, pendidikan keselamatan jalan raya seperti yang saya jelaskan tadi telah pun dilaksanakan semenjak tahun 2010 bagi semua pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6. Selain itu pendidikan juga akan diajar kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 pada tahun 2012 ini, diikuti Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 pada tahun 2013. Setakat ini ianya belum lagi diajar di peringkat universiti. Namun saya ingin menyatakan di sini bahawa saya berharap pada masa akan datang bahawa anak-anak Malaysia di dalam negara ini adalah mereka akan lahir sebagai seorang rakyat Malaysia yang lebih berhemah dan berdisiplin dan ini telah pun berjaya dilakukan khususnya di kebanyakan negara maju iaitu memberikan pendidikan berkaitan dengan perkara ini dan dapat mengubah sikap mereka untuk menghargai nyawa dan juga berdisiplin di jalan raya.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga membangkitkan menentukan had laju di sesuatu jalan. Had laju kebangsaan ini ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Walau bagaimanapun, Menteri Kerja Raya, ini saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar ada membangkitkan tentang pindaan undang-undang. Tidak ada syor dalam pindaan undang-undang untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Sebenarnya ini adalah tidak benar kerana apa yang kita pinda hari ini adalah merupakan lanjutan daripada pelbagai inisiatif yang telah dilakukan sebelum ini iaitu untuk meminda akta ini dari masa ke semasa supaya ianya sentiasa menjadi akta yang berkesan.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman mengatakan kerajaan tidak mengambil langkah-langkah. Ini tidak benar. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah dengan melaksanakan pelbagai *multiple intervention* yang saya katakan tadi, antaranya ialah inisiatif *education, enforcement and engineering solution* dan juga *environment*. Malah pelaksanaan AES sendiri adalah merupakan salah satu daripada inisiatif terbaru.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman juga membangkitkan tentang butir-butir dalam imej yang dirakam. Isu pemandu yang dirakam melakukan kesalahan. Untuk makluman Yang Berhormat, pemilik kenderaan yang di saman yang bukan pemandu pada masa kesalahan yang dilakukan hendaklah mengemukakan maklumat pemandu kepada JPJ dalam tempoh 70 hari dari notis disampaikan. Peruntukan ini adalah bagi menjamin keadilan kepada pemilik kenderaan yang tidak melakukan kesalahan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman juga membangkitkan tentang Ops Sikap. Ini saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Puan Hajah Noriah membangkitkan tentang adakah belok kiri yang dibenarkan akan meningkatkan masalah keselamatan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat,

belokan ke kiri setelah lampu merah hanya dibenarkan di persimpangan yang telah dikenal pasti selamat dari ciri-ciri reka bentuk simpang.

■1900

Pemilihan persimpangan yang dibenarkan belok kiri akan dilakukan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditentukan dalam garis panduan yang telah disediakan oleh MIROS. Papan isyarat belok kiri jika tiada kenderaan dan pejalan kaki akan diletakkan di persimpangan yang telah dikenal pasti.

Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat juga ada membangkitkan sekali lagi tentang penggunaan basikal elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan basikal elektrik di Malaysia telah dikenal pasti sejak beberapa tahun tanpa ada peraturan tertentu untuk tujuan kawalan dan pemantauan. Akta yang dicadangkan dapat membantu proses kawalan dan pemantauan basikal elektrik supaya tidak menjadi masalah baru kepada keadaan yang sedia ada.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin membangkitkan tentang cadangan untuk memperkemas penalti kepada pemberi maklumat palsu yang diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan pada tahun 2010 telah pun dibuat bagi menangani masalah maklumat palsu di mana denda bagi seksyen 108 telah dinaikkan daripada RM5,000 kepada tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM20,000.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun ada membangkitkan tentang rasional pemberian kuasa kepada pegawai JPP di bawah seksyen 79. Ia adalah bertujuan untuk mempertingkatkan dan memantapkan kerjasama mengawal lalu lintas di antara pegawai agensi penguat kuasa. Jika pada sebelum ini pemberian kuasa mengawal lalu lintas hanya diberi kepada pegawai polis dan juga warden trafik tetapi ia telah diperluaskan kepada JPJ.

Jadi itu sahaja yang saya telah dapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun mungkin ada sebahagiannya tidak dijawab dan saya akan menjawabnya secara bertulis. Saya mengucapkan sekali lagi berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan ini dan saya berharap dengan adanya akta ini kita akan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan undang-undang di jalan raya dan saya juga berharap ia akan dapat mengurangkan masalah kematian iaitu merupakan satu masalah yang serius di dalam negara ini.

Saya juga meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kiralah sama ada Ahli Yang Berhormat kerajaan ataupun pembangkang, sekiranya mengadakan ceramah-ceramah di kampung-kampung walaupun mungkin ceramah tersebut panas tetapi saya minta supaya bolehlah diakhiri dengan ceramah untuk memperingatkan supaya mereka yang hadir itu juga memandu dengan cermat di jalan raya supaya kita dapat bersama-sama untuk memerangi masalah kematian yang sentiasa meningkat di dalam negara ini dan merupakan masalah kepada kita semua. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS (PINDAAN) 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **7.06 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 yang antara lainnya bertujuan untuk memastikan persaingan yang sihat wujud di dalam pasaran industri francais dan seterusnya menggalakkan perkembangan amalan perdagangan secara sihat di kalangan penggiat industri francais. Akta Francais 1998 [Akta 590] merupakan satu undang-undang bagi pendaftaran dan pengawalseliaan sistem perniagaan secara francais di Malaysia yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) menambahbaikkan mekanisme kawal selia industri francais negara supaya industri francais ini dapat berkembang dengan berdisiplin dan beretika bagi menambahkan keyakinan usahawan untuk mengamalkan sistem francais sebagai satu langkah berkesan untuk mengembangkan perniagaan mereka;
- (ii) mengadakan satu sistem pendaftaran yang sistematik bagi membantu dan memantau perkembangan industri francais tanah air;

- (iii) membendung perlakuan atau percubaan untuk menipu, memperdaya dan mendiskriminasikan sebarang tawaran untuk menjual mana-mana perniagaan francais;
- (iv) mencegah percubaan mengedar dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat mengelirukan dan merahsiakan apa-apa maklumat yang penting serta tidak telus atau tidak tepat kepada bakal pemegang francais;
- (v) mencegah amalan perniagaan atau layanan yang tidak adil kepada francais sepanjang tempoh perjanjian francais berkuat kuasa; dan
- (vi) menggalakkan perkembangan amalan perniagaan yang sihat di kalangan penggiat industri francais.

Tuan Yang di-Pertua, industri francais di negara kita kini berkembang dengan pesatnya dan ini dapat dilihat dari bilangan perniagaan francais yang berdaftar dengan Pendaftar Francais di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Sehingga 16 Julai 2012, sejumlah 618 perniagaan francais telah didaftarkan di bawah Akta Francais 1998 di mana sejumlah 425 atau 69% daripadanya merupakan francaisor tempatan. Manakala 193 atau 31% merupakan perniagaan francais asing. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 69% di bandingkan dengan tahun 2008 dengan hanya 366 syarikat francais berdaftar. Daripada 618 sistem francais yang berdaftar, sebanyak 5,480 francais telah diwujudkan. Ini juga merupakan peningkatan sebanyak 41% jika dibandingkan dengan hanya 3,891 francais pada tahun 2008.

#### ■1910

Pada tahun 2011, industri francais negara telah menyumbang sejumlah RM21.48 bilion iaitu 2.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Adalah jelas bahawa usaha kerajaan dan potensi perniagaan francais yang amat tinggi akan menghasilkan pertumbuhan industri francais negara yang lebih pesat. Ini dijangka akan menyebabkan peningkatan bilangan perniagaan francais tempatan serta peningkatan kemasukan francais asing ke negara kita. Oleh yang demikian, adalah sesuai dan wajar bahawa Akta Francais 1998 dipinda untuk menggalakkan persaingan dan amalan perniagaan beretika dalam perniagaan francais selain memantapkan kaedah pengawalseliaan dan penguatkuasaan amalan perniagaan francais di Malaysia supaya semua penggiat industri francais termasuk yang berminat menceburi dalam sistem francais di dalam dan di luar negara yakin kepada kebolehan perundangan francais negara untuk melindungi hak harta intelek mereka.

Justeru itu, Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 dicadangkan dengan tiga seksyen baru diwujudkan, 22 seksyen dipinda dan dua seksyen digugurkan bagi memperkukuhkan dan memperkemaskan lagi perundangan sedia ada. Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 akan melibatkan tiga perkara baru iaitu kewajipan francais dan perunding francais untuk berdaftar dengan pendaftar francais dan kesalahan bagi mengemukakan diri sebagai francais dengan penyalahgunaan perkataan francais tanpa mendapatkan kelulusan pendaftar francais.

Cadangan baru pertama adalah mewujudkan seksyen 6B bagi mewajibkan francais atau pemegang francais berdaftar dengan pendaftar francais dalam tempoh tidak lebih daripada 14 hari setelah mereka menandatangani perjanjian francais dengan francaisor, tetapi bukan untuk kelulusan pendaftar. Peruntukan ini bertujuan untuk mengesahkan maklumat yang dilaporkan francaisor adalah tepat, mengesan francais bagi tujuan melindungi hak mereka dan mengumpulkan data yang lengkap untuk mengesan dengan tepat sumbangan perniagaan francais kepada KDNK serta bagi perancangan dan pembangunan industri francais negara.

Cadangan baru kedua melibatkan pindaan di bawah seksyen 14 bagi mewajibkan perunding francais untuk berdaftar dan mendapatkan kebenaran daripada pendaftar. Cadangan untuk mewajibkan pendaftaran perunding francais bukan sahaja bertujuan untuk menetapkan standard dan kriteria kelayakan untuk menjadi perunding francais kepada perniagaan yang berhasrat berdaftar sebagai perniagaan francais, tetapi juga untuk menentukan kompetensi, integriti dan akauntabiliti perunding francais. Ini kerana perkhidmatan mereka akan menentukan sama ada sesebuah perniagaan francais tersebut berdaya maju dan juga berdaya saing.

Cadangan baru ketiga adalah mewujudkan seksyen 37A untuk memperuntukkan kesalahan terhadap pihak yang mengemukakan diri sebagai francais dengan menggunakan perkataan francais tanpa mendapatkan kelulusan pendaftar francais. Ini adalah untuk membendung perlakuan atau percubaan untuk menipu dan memperdayakan pihak ketiga. Peruntukan baru ini juga memperincikan jenis dan kadar penalti bagi kesalahan ini ditambahkan dengan penalti di mana kadar penalti bagi badan korporat merupakan denda tidak melebihi RM250,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, tidak melebihi RM500,000. Bagi penalti terhadap individu, kadar denda ditetapkan tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi satu tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau tidak melebihi daripada tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 juga merangkumi 22 seksyen lain untuk pindaan. Antara pindaan utama ialah seperti di bawah seksyen 37 di mana seksyen ini ditambahkan dengan jenis dan kadar penalti serta pemakaian seksyen ini juga untuk kesalahan oleh broker francais atau perunding francais. Penalti bagi badan korporat merupakan denda tidak melebihi RM250,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya, tidak melebihi RM500,000. Bagi penalti terhadap individu, kadar denda ditetapkan tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi satu tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau tidak melebihi daripada tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

Pindaan lain termasuk pindaan seksyen 39 bagi penalti am. Penalti dalam bentuk denda yang lebih berat dicadangkan di mana denda untuk badan korporat dinaikkan dari RM5,000 kepada tidak kurang dari RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, tidak kurang dari RM20,000 atau tidak lebih RM100,000. Bagi penalti terhadap individu, kadar denda ditetapkan tidak kurang dari RM5,000 dan tidak melebihi RM25,000 atau tidak melebihi enam bulan penjara bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda

tidak kurang dari RM10,000 dan tidak lebih RM50,000 atau tidak melebihi satu tahun penjara atau kedua-duanya.

Penalti untuk pelanggaran seksyen 60 yang berkaitan dengan peraturan-peraturan juga dicadangkan dipinda di mana denda dinaikkan dari RM10,000 kepada RM50,000 dan hukuman penjara dikurangkan dari lima tahun kepada satu tahun bagi kesalahan pelanggaran peraturan di bawah seksyen ini. Kedua-dua jenis penalti denda dan penjara boleh dijatuhkan untuk kesalahan di bawah seksyen ini. Denda dicadangkan dinaikkan, tetapi hukuman penjara dikurangkan kerana kesalahan pelanggaran peraturan seksyen ini tidak merupakan satu kesalahan yang membahayakan dari segi keselamatan. Pindaan penalti yang dicadangkan adalah bertujuan menentukan peruntukan di bawah Akta Francais selari dengan penalti akta lain.

Pindaan yang lain adalah bertujuan untuk memantapkan dan mengukuhkan pemakaian akta bagi menentukan keberkesanan penguatkuasaan dan pengawalseliaan industri francais serta menentukan hak semua pihak penggiat francais adalah dilindungi. Seksyen 4 yang berkaitan dengan tafsiran bertujuan untuk mengukuhkan definisi francais bagi memudahkan penguatkuasaan kesalahan di bawah akta dengan memindahkan elemen ke seksyen lain atau memansuhkan elemen yang kurang jelas untuk mentakrifkan sistem francais.

Pindaan di seksyen 26 dan seksyen 27 bertujuan memperluaskan perlindungan kepada francaisor dalam aspek harta intelek serta larangan kepada francaisi untuk menjalankan perniagaan yang serupa dengan perniagaan francaisor tanpa kebenaran sepanjang tempoh perjanjian francais dan dua tahun selepas perjanjian francais ditamatkan. Selain dengan mewajibkan pemakaiannya terhadap francaisi dan kakitangannya, pasangan pengarah syarikat dan keluarga terdekat pengarah dan pekerjanya juga terikat dengan larangan di bawah kedua-dua seksyen ini.

Hanya dua seksyen dicadangkan digugurkan iaitu seksyen 55 yang berkaitan dengan pendaftaran francaisi kepada francaisor asing yang telah dipindahkan ke seksyen baru iaitu seksyen 6A.

#### ■1920

Seksyen 57 dicadangkan digugurkan bagi memudahkan francaisor merancang dan melakukan pemasaran produk atau perkhidmatan mereka dengan bebas tanpa keperluan mendapatkan kelulusan pendaftar. Ini bertujuan mengurangkan peraturan yang tidak lagi memanfaatkan perkembangan industri.

Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 penting dalam memastikan elemen-elemen utama pindaan diambil kira dan dimasukkan ke dalam akta bagi memastikan perundangan bagi industri francais negara adalah kukuh, selari dan menepati kehendak semasa di samping menambahkan keyakinan usahawan untuk mengamalkan sistem francais sebagai satu langkah berkesan untuk mengembangkan perniagaan mereka dan industri francais negara dapat berkembang dengan lebih pesat lagi. Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Francais 1998 di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tanpa melengahkan masa, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah. Silakan Yang Berhormat.

### **7.22 mlm.**

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kerana diberi peluang membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Francais 1998.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa 14 tahun semenjak akta ini diluluskan, industri francais di seluruh Malaysia berkembang dengan begitu pesat sekali dan pindaan bersesuaian perlu dibuat untuk menambahbaikkan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Pindaan kepada Akta Francais 1998 ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada francais dan semua pihak yang terlibat mestilah mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pindaan ini perlu untuk menggalakkan persaingan dalam industri francais serta mengawal selia perniagaan francais di Malaysia dan memastikan akta ini selaras dan dikemas kini mengikut perkembangan semasa industri francais di negara ini.

Ia juga perlu untuk memperkukuhkan lagi akta ini untuk tujuan pentadbiran yang lebih efektif dan memberi perlindungan yang sewajarnya serta hukuman yang setimpal. Pindaan akta ini juga menekankan tentang pembabitan perunding bagi memudahkan proses pendaftaran dijalankan dengan lebih lancar. Tidak ada undang-undang yang khusus, perunding ataupun broker francais boleh melengah-lengahkan proses pendaftaran francais dengan tujuan meletakkan caj yang tinggi. Garis panduan caj perunding bagi melindungi francais dan francais diperjelaskan dan melalui pindaan ini semua perunding mestilah berdaftar dan hanya yang berlesen sahaja boleh beroperasi.

Pindaan akta ini menggariskan juga keperluan francais untuk mendedahkan maklumat yang komprehensif dan telus tentang perniagaan francais dengan pindaan kepada dokumen penzahiran. Ini adalah untuk memastikan bahawa francais bersikap lebih bertanggungjawab dan telus tentang perniagaannya bagi membolehkan bakal francais yang sedia ada untuk menilai perhubungannya dengan perniagaan francais tersebut. Pindaan ini juga memastikan perjanjian yang formal dan sah ditandatangani antara francais dan francais dengan satu tempoh yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun industri francais ini berkembang dengan begitu pesat tetapi industri ini boleh menghadapi masalah jika peraturan dan perundangan kepada yang terlibat dalam industri ini tidak diperketat.

Tuan Yang di-Pertua, potensi perniagaan melalui sistem francais amat besar sekali. Kita berbangga dengan perkembangan industri ini di Malaysia malahan Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai perancangan yang teratur termasuk akta khusus bagi sektor francais dan pembiayaan daripada Permodalan Nasional Berhad.

Kerajaan mengetahui bahawa fokus perlu diberi kepada industri yang sedang membangun ini. Berbanding dengan Amerika Syarikat, perniagaan francais di Malaysia masih lagi dianggap kecil dengan izin, *infancy stage*. Amerika Syarikat adalah negara terbesar di dunia dalam industri francais ini dan di dalam tahun 2005 sahaja sudah terdapat lebih 900,000 perniagaan francais yang berjaya di Amerika Syarikat. Dengan menjana pendapatan sebanyak USD880 bilion dan industri ini di Amerika menyediakan 11 juta pekerjaan.

Di negeri China, lebih 2,600 jenama dan di Brazil lebih 1,000 jenama francais yang didaftarkan. Di Malaysia kita dengar tadi lebih 600 francais yang telah berdaftar. Namun demikian, Malaysia telah mengalami beberapa masalah di dalam perniagaan francais ini. Dari maklumat yang saya dapati bahawa 79 daripada francaisor tidak aktif lagi dalam operasinya. Ada 29 daripada francaisor sedang di dalam proses pembubaran syarikat. Tiga daripada francaisor ini telah pun dibubarkan. Jadi, hampir 18% daripada syarikat francaisor di Malaysia ini telah mengalami masalah. Ini pastinya menjejaskan peniaga francais di bawahnya yang boleh melibatkan ribuan perniagaan.

Saya ingin tahu berapakah kerugian yang dialami oleh francais di atas kegagalan francaisor. Berapa ramai yang terlibat? Sesungguhnya ini memerlukan satu bentuk kawalan yang lebih rapi ke atas industri ini bagi memastikan peniaga francais dan pelabur di dalam perniagaan francais ini betul-betul dapat perlindungan yang sewajarnya. Sememangnya amat perlu bagi kerajaan memperkukuh dan memperketat undang-undang untuk memastikan industri francais di Malaysia terus berkembang dengan sihat, mantap dan stabil.

Di dalam perancangan pembangunan ekonomi berkaitan dengan industri francais ini, saya difahamkan kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional 2012 hingga 2016 yang antara lain meletakkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat francais bagi Asia Tenggara dan Timur Tengah menjelang tahun 2020. Kerajaan juga baru mengumumkan penubuhan Dana Strategik Pelaburan Domestik, insentif di dalam pelaburan francais dan lain-lain lagi. Saya ingin penjelasan selanjutnya tentang dua perancangan kerajaan ini sekiranya benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan bagi melengkapkan lagi perniagaan francais di negara ini sekiranya belum lagi dirancangkan.

Pertamanya, kerajaan perlu seimbang di dalam usahanya mengawal perkembangan dan pembangunan perniagaan francais dan di masa yang sama memacu perkembangan bagi mencapai sasaran menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat francais bagi Asia Tenggara.

Kedua, di samping memperkenalkan beberapa peraturan baru yang mengetatkan perjalanan syarikat di dalam industri ini dengan peraturan dan hukuman, kerajaan perlu juga meningkatkan insentif dan kemudahan kepada syarikat-syarikat yang membangunkan perniagaan francais di Malaysia, *home base franchise* dengan izin, dan yang membawa francais antarabangsa masuk ke Malaysia.

Ketiga, dicadangkan supaya sebuah institut francais negara ditubuhkan untuk membantu di dalam pembangunan industri ini di dalam mewujudkan standard manual dan dokumentasi dengan izin khusus untuk perniagaan francais di setiap bidang pengkhususan.

Keempat, program pengajian ilmu *franchising* perlu diperkenalkan di institusi vokasional dan pengajian tinggi bagi menyediakan kepakaran yang diperlukan oleh industri ini.

Kelima, perlu ada dana khusus pembangunan francais diwujudkan di dalam bentuk geran atau pinjaman mudah bagi membolehkan syarikat yang ingin memajukan perniagaan francais mendapat dana untuk membuat kajian untuk memulakan projek *pilot* dan membangunkan perniagaan francais di sekurang-kurangnya tiga cawangan sebelum menjemput francais untuk terlibat di dalam francaisnya. Ini adalah untuk menentukan kejayaan francais itu sendiri sebelum ia didaftarkan.

#### ■1930

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Keenam, pindaan berkaitan dengan pengiktirafan perunding perniagaan francais merupakan langkah yang sangat baik. Selain daripada ahli perniagaan, kementerian perlu menimbangkan pengeluaran lesen pelantikan perunding francais ini juga dari kalangan ahli profesional khususnya peguam dan kumpulan graduan yang pengkhususan pengajiannya di dalam bidang francais. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Francais 1998.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapati ada seorang lagi hendak berucap dan berbahas dalam rang undang-undang ini. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

#### 7.31 mlm.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan dalam perbahasan Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2012 ini. Pindaan rang undang-undang ini yang meliputi pindaan kepada 22 seksyen, memperkenalkan 3 seksyen baru, dan 2 seksyen digugurkan adalah merupakan langkah yang wajar selari dengan perkembangan industri francais yang terus berkembang masa kini dan menyumbang sebanyak RM21.48 bilion atau 2.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tiga seksyen baru yang diwujudkan dalam rang undang-undang ini. Pertama, berhubung seksyen 6B yang mewajibkan francaisi atau pemegang francais berdaftar dengan pendaftar dalam tempoh 14 hari setelah mereka menandatangani perjanjian francais dengan francaisor. Langkah ini wajar bagi memastikan semua francaisi berdaftar termasuk yang menjadi pemegang francais dari luar negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kerajaan memantau francaisi supaya berdaftar terlebih dahulu dengan pendaftar sebelum boleh memulakan perniagaan? Begitu juga dengan francaisor yang didapati mengiklankan untuk mendapat francaisi sedangkan belum lagi berdaftar dengan pendaftar.

Seterusnya berhubung dengan seksyen baru, seksyen 14 yang mewajibkan semua perunding francais untuk berdaftar dan mendapatkan kebenaran daripada pendaftar. Pada masa kini, terdapat perunding francais yang bergerak mendapatkan pelanggan tanpa mendaftar dengan pendaftar. Langkah ini akan mengelakkan orang awam yang berminat dalam bidang perniagaan francais daripada tertipu oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan hubungan ini saya ingin mencadangkan agar kementerian menyediakan akses kepada awam untuk mendapatkan maklumat dari segi francaisor dan francaisi termasuk perunding francais supaya orang awam boleh mendapat maklumat yang lengkap.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan seksyen baru, ketiga iaitu seksyen 37A. Langkah kerajaan ini adalah wajar bagi membendung aktiviti individu tertentu yang mengemukakan diri sebagai francais untuk menipu dan memperdayakan pihak ketiga. Kalau kita merujuk kepada akta ibu sebelum ini, hanya menyatakan kesalahan bagi pra dan penipuan sahaja. Namun, pengenalan seksyen 37A ini adalah dengan jelas menyatakan kesalahan menurut akta dari segi penggunaan perkataan "francais", sekiranya tidak berdaftar dengan pendaftar.

Saya percaya pengenalan seksyen baru ini akan dapat menyekat kegiatan individu ataupun kumpulan tertentu yang mendakwa menjalankan perniagaan francais tetapi sebenarnya bukan perniagaan serta bertujuan menipu dan memperdayakan orang awam untuk mengaut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perniagaan francais ini, saya ingin membangkitkan tentang perjanjian francais yang kebiasaannya berat sebelah dan menguntungkan francaisor sahaja sedangkan francaisi yang akan terperangkap dalam perniagaan yang merugikan. Sehubungan ini, saya ingin mencadangkan agar satu borang perjanjian francais yang seragam diperkenalkan agar perjanjian francais yang lebih adil dan telus sapat melindungi francaisi dapat diwujudkan.

Akhirnya, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah kerajaan memberi pendedahan kepada orang awam berhubung dengan perniagaan francais agar orang awam tidak mudah terpedaya dan tertipu dalam perniagaan ini? Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**7.36 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah yang sebenarnya telah memberi segala-galanya yang kita berkehendakkan di dalam pindaan ini. Segala kerisauan yang disebutkan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu sebenarnya itulah sebabnya kita membuat pindaan ini. Sebelum ini kepada Yang Berhormat, kita hanya mendaftar *francaisor* dan tidak *francaisi*. Jadi didapati bahawa ini memang seperti dikatakan tadi berat sebelah.

Oleh yang demikian, dengan adanya sebab itu, kita mesti cepat-cepat membuatkan pindaan ini supaya kita mendapat satu perlindungan yang begitu baik kepada *francaisi* yang saya katakan tadi sudah sampai kepada angka 5,000 lebih *francaisi* yang ada di mana *francaisor*nya 618 seperti dikatakan tadi. Jadi, oleh yang demikian saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat sebab telah merangkumi melalui beberapa cadangan-cadangan yang disebutkan tadi sebenarnya itulah yang dimasukkan di dalam pindaan ini supaya ia memantapkan lagi, mengukuhkan lagi Akta *Francais* ini supaya kita dapat memberi satu keyakinan kepada usahawan-usahawan yang hendak menceburi dalam perniagaan *francais* didapati bahawa mereka akan menceburi dengan bidang ini dengan lebih yakin sebab ada undang-undang.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya empat buah negara sahaja yang kita ketahui yang ada akta macam ini. Jadi bermakna kalau kita ada undang-undang sedemikian, bukan sahaja untuk dalam negara tetapi sebenarnya untuk yang datang daripada luar negara pun mempunyai satu keyakinan yang begitu tinggi untuk masuk ke negara kita dan betul tadi - terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah, negara Amerika Syarikatlah yang boleh dikatakan negara yang pertama yang mempelopori perniagaan *francais* ini sudah begitu menyerlah sekali dan banyak daripada *francaisor* asing pun daripada Amerika Syarikat juga telah datang ke negara kita.

Jadi kerisauan dan keraguan yang disebutkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi, memang bertepatan sebab di sinilah kita telah memasuki dari segi yang mana kami melihat daripada tahun 1998 iaitu semasa akta pertama digubal sehingga sekarang mendapati banyak dengan izin *loophole* yang mungkin akan melambatkan perkembangan industri *francais*.

**■1940**

Oleh yang demikian, sebab itulah kita memang memperketatkan dan memang didapati seperti betul yang dikata oleh Yang Berhormat ada yang telah mengiklankan untuk menceburi dalam bidang *francais*. Sebenarnya mereka tidak ada berdaftar dengan kementerian kita iaitu bahagian *francais* tetapi telah mengiklankan supaya mengajak usahawan-usahawan menjadi *francaisi*. Jadi ini yang kita masukkan dalam seksyen-seksyen dan kita perkenakan lagi penalti yang lebih tinggi supaya ini menjadi satu *deterrent*. Oleh yang demikian kita juga berharap dengan adanya pindaan ini kita telah

dapat memperketatkan lagi jangan jadinya penipuan-penipuan dan keadaan yang berat sebab itulah yang kita harapkan dengan pindaan kepada akta ini supaya mereka ini dapat kita beri perlindungan.

Pada masa yang sama kita boleh mengolah lagi pelbagai program yang lebih mantap seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Raja tadi sebab memang itu kita sekarang sudah ada akademi francais di bawah PNS tetapi seperti dicadangkan mungkin kita juga hendak mencadangkan supaya di peringkat IPTA dan juga kolej juga mengadakan mata pelajaran atau subjek Francais. Pada masa yang sama terima kasih juga sebab kita hendak, memang kita sudah ada di dalam portal francais-francais yang berjaya yang bukan sahaja berjaya ini tempatan bukan sahaja berjaya di dalam negara kita tetapi sebenarnya mereka telah ke luar negara Yang Berhormat.

Jadi mungkin saya hendak berkongsilah kita hendak memaklumkan untuk makluman dalam *ranking* sepuluh negara. Jadi yang mempunyai francaisor dari Malaysia:

<b>Bil.</b>	<b>Negara</b>	<b>Bilangan (Francaisor)</b>
1.	Indonesia	20
2.	Singapura	14
3.	China	14
4.	Arab Saudi	9
5.	UAE	9
6.	Filipina	9
7.	India	9
8.	Vietnam	9
9.	Brunei	8
10.	Australia	7

Ranking negara yang mempunyai *outlet* jenama francais Malaysia:

<b>Bil</b>	<b>Negara</b>	<b>Bilangan (Outlet)</b>
1.	Arab Saudi	727
2.	UAE	211
3.	Turki	85
4.	China	74
5.	Indonesia	59
6.	Afrika Selatan	33
7.	Bahrain	13
8.	Filipina	13
9.	Oman	12

Jadi ini Yang Berhormat bukannya apa kalau Yang Berhormat yang pergi keluar negara bermakna tahulah negara-negara ini bila nampak yang saya baca itu dari Malaysia francaisor yang mana kita memberi satu galakan bukan sahaja kita menyambut francaisor asing masuk ke negara kita, tetapi sebenarnya kita menggalak francaisor kita ke luar negara.

Nama-nama sepuluh francaisor tempatan:

<b>Bil</b>	<b>Francaisor</b>	<b>Bilangan (Outlet)</b>
1.	Nelson's	675
2.	<i>Daily Fresh</i>	481
3.	<i>Secret Recipe</i>	25
4.	<i>England Optical Group</i>	21
5.	<i>Old Town White Coffee/ Kopitiam</i>	21
6.	<i>World of Feng Shui</i>	17
7.	<i>Smart Reader</i>	15
8.	<i>Royal Selangor</i>	14
9.	<i>Ideal Malaysian Support</i>	13
10	Marrybrown	13

Jadi inilah Yang Berhormat yang kita hendak mainkan peranan yang begitu penting untuk kita memastikan bahawa perkembangan industri francais akan menjalani satu revolusi atau kita kata transformasi dengan beberapa pindaan. Sebab semenjak 1998 kita dapati ada halangan-halangan dan kekangan-kekangan dan oleh yang demikian, terima kasih memang latihan kita teruskan. Selain daripada latihan kita juga mengadakan jaringan antarabangsa, kita juga menyertai ekspo, kita juga pergi berjumpa dengan francaisor-francaisor di dalam negara dan dibawa juga ke luar negara dan di mana kita fokus kepada tiga negara dahulu iaitu Indonesia, China dan *Middle East*. Sebab di situ didapati begitu banyak sambutan.

Jadi Yang Berhormat banyak daripada cadangan Yang Berhormat memang kami mengucapkan jutaan terima kasih yang mana tidak ada di dalam perancangan kita akan membawa cadangan yang begitu bernas sekali yang saya tadi catat satu persatu Yang Berhormat sebab ini adalah penambahbaikan kepada bahagian. Dari segi dana *insya-Allah* memang kita ada dana dan kita juga selalu dikatakan hanya memfokuskan kepada yang besar, tidak. Sekarang ini kita ada program dinamakan *micro franchising*. Di mana ini adalah jenis francais yang modalnya RM50,000 ke bawah dan kita juga ada dana untuk membantu dan juga yang besar pun ada dibantu. Bermaknanya kita akan membantu daripada yang besar, yang boleh pergi global dan pada masa yang sama kita hendak masyarakat di Malaysia juga menceburi dalam bidang francais *micro franchising*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala pandangan yang telah diberikan dan berkat daripada doa dan juga cadangan dan sokongan saya memang cukup yakin bahawa industri francais kita akan berkembang maju dan kita akan dikenali sebagai sebuah daripada negara. Walaupun kita kecil daripada saiz tetapi sebuah daripada negara yang kita hendak menampakkan bahawa industri francais kita terserlah di mana-mana di seantero dunia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa].*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

■1950

## USUL

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### **Aliran Keluar Kewangan Haram**

**7.51 mlm.**

**Dr. Syed Husin Ali:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan dalam ucapan penangguhan ini soal aliran keluar kewangan haram walaupun soal ini pernah ditimbulkan di dalam Dewan Rakyat dan juga di luar Dewan. Sebabnya ialah jawapan yang telah diberikan kepada soalan ini masih belum memuaskan.

Pada umumnya, aliran keluar wang haram melibatkan modal yang diperolehi dan dipindahkan atau digunakan secara haram dan tanpa rekod. Modal atau wang itu biasanya diperolehi melalui aktiviti-aktiviti haram seperti korupsi, penyembunyian kekayaan dari cukai, untung daripada

perdagangan tidak halal dan kegiatan jenayah. Mengikut Laporan *Global Financial Integrity* dengan tajuk "*Financial Flows From Developing Countries: 2002-2009*", Malaysia terletak pada kedudukan kelima mengikut jumlah wang haram yang mengalir keluar iaitu di belakang China, Rusia, Mexico dan Arab Saudi.

Dalam tempoh tahun 2000 hingga 2008, jumlah wang haram yang keluar daripada Malaysia adalah sebanyak USD291 bilion, manakala sehingga 2009 jumlahnya ialah USD300 hingga USD370 bilion atau lebih daripada RM1 trilion iaitu RM1,000 bilion. Sekiranya Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan angka-angka ini, saya berharap Menteri berkenaan akan membantah kepada badan itu secara rasmi dan terbuka.

Di Malaysia, pengaliran wang haram ini melonjak lebih tiga kali ganda daripada USD2.2 bilion iaitu RM67.7 bilion pada tahun 2000 kepada USD68.2 bilion ataupun RM208 bilion pada tahun 2008. Ini merupakan kadar lonjakan yang paling besar dibandingkan dengan negara-negara lain. Pada tahun 2009, jumlah berkurangan sedikit iaitu kira-kira USD47 bilion atau RM145 bilion. Mengikut laporan tadi, kadar lonjakan yang besar ini berlaku mungkin berkaitan dengan isu-isu tata kelola pentadbiran ataupun *governance* yang menjejaskan sektor-sektor awam dan swasta. Kebetulan lonjakan besar yang berlaku ini ialah dalam tempoh dua tahun berikutan pilihan raya umum pada bulan Mac 2008, manakala UMNO-BN telah kehilangan majoriti 2/3 dalam Parlimen. Adakah perkara ini berlaku akibat ketakutan sesetengah golongan kaya dengan keputusan pilihan raya itu, kita tidak begitu mengetahuinya. Saya tidak mempunyai maklumat bagi tahun 2010 sehingga 2012, saya berharap jumlah aliran keluar bagi tahun tersebut tidak terus melonjak oleh sebab ada ketakutan sesetengah pemimpin besar politik dan ekonomi yang bimbang akan prospek buruk dalam pilihan raya yang akan datang.

Jelas bahawa jumlah sebanyak lebih daripada RM1 trilion ataupun RM1000 bilion itu adalah wang haram yang mengalir keluar dalam tempoh tahun 2000 hingga 2009 itu bukan sahaja besar, bahkan serius. Ia berjumlah daripada lima kali ganda Anggaran Belanjawan 2012 yang lebih kurang RM182 bilion. Fikirkanlah betapa berfaedahnya jika wang atau modal sebanyak itu boleh digunakan sebagai pelaburan di dalam negara.

Dari segi hutang pula, jumlah wang haram ini adalah lebih daripada dua kali ganda jumlah hutang negara yang pada 2012 adalah sebanyak RM456 bilion. Ertinya, dengan cukai yang boleh dikutip daripada wang haram yang mengalir keluar sepanjang satu dekad di antara tahun 2000 hingga 2009, kita sebenarnya boleh melunaskan sebahagian besar daripada hutang negara tersebut.

Seperti yang disebutkan tadi, dari segi ekonomi dan bahkan juga politik, soal aliran keluar kewangan haram ini adalah besar dan serius. Kita perlu mempunyai maklumat yang terperinci mengenainya. Seterusnya, perlu ada dasar yang tegas serta berkesan untuk membendunginya. Memang tidak mungkin kita menghapuskannya sama sekali akan tetapi sekurang-kurangnya kita harus mengambil langkah-langkah yang rapi untuk mengawalinya. Jikalau perkara tersebut dikawal, kita mungkin tidak perlu berhutang ataupun terlalu mengharapakan pelaburan asing untuk pembangunan negara dan kemajuan rakyat.

Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa soalan yang saya harap akan dijawab oleh Menteri Kewangan dengan memuaskan:

- (i) berapakah jumlah pengaliran wang haram bagi tahun 2010, 2011 dan 2012?;
- (ii) setakat yang diketahui, apakah golongan atau golongan-golongan yang paling banyak sekali mengalirkan keluar wang haram daripada negara ini?;
- (iii) setakat yang diketahui juga ke negara atau negara-negara manakah wang haram itu paling banyak mengalir?; dan
- (iv) apakah undang-undang atau dasar kerajaan terhadap aliran keluar wang haram ini? Seterusnya, apakah tindakan atau tindakan-tindakan yang telah dan boleh diambil untuk mengawal atau mengurangkannya?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat untuk menjawab.

#### 7.58 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah aliran keluar dana secara haram yang sering diuar-uarkan oleh sebuah institusi asing telah menggunakan metodologi yang kurang sesuai menyebabkan data telah terlebih anggaran disebabkan oleh dua faktor seperti berikut. Pertama, anggaran tersebut tidak mengambil kira pelaburan portfolio serta pelaburan lain yang merupakan komponen aliran kewangan yang penting bagi statistik *Balance of Payments* (BOP) Malaysia pada dekad yang terkini. Kedua, anggaran aliran kewangan haram melalui kaedah *trade mispricing* mungkin juga terlebih anggar disebabkan oleh ralat sistem metrik dalam penyusunan data antara Malaysia dan rakan dagangan Malaysia.

Kemungkinan juga jumlah ralat tersebut adalah besar berpunca daripada pendedahan dagangan yang meluas kerana Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang terbuka.

#### ■2000

Kiraan kesalahan dan ketinggalan atau *errors and omissions* (E&O) dalam statistik BOP merupakan petunjuk yang lebih baik berhubung aliran kewangan yang tidak direkodkan di Malaysia. E&O Malaysia merekodkan aliran keluar sebanyak RM213 bilion bersamaan dengan USD62.4 bilion bagi tempoh tahun 2000 sehingga *first quarter* 2012. Jauh lebih rendah daripada anggaran yang dilaporkan oleh sebuah institusi asing yang melaporkan aliran kewangan keluar secara haram sebanyak USD337.9 bilion bagi tempoh tahun 2000 sehingga tahun 2009. Jumlah E&O ini hanya mencakupi kurang 2% dari jumlah perdagangan Malaysia. Angka ini adalah di bawah paras 5% daripada jumlah perdagangan mengikut standard statistik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Pelanggaran peraturan dan undang-undang negara sebagai satu perkara yang sangat serius.

Oleh itu usaha telah ditumpukan untuk mengurangkan dan mencegah aliran dana keluar secara haram daripada Malaysia. Setakat ini langkah oleh pihak berkuasa telah membuahkan hasil

yang positif terutamanya dalam mengurangkan jumlah aliran keluar kewangan yang tidak direkodkan. E&O Malaysia telah mencatat aliran keluar yang lebih rendah berjumlah RM32.1 bilion pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010 iaitu RM38.1 bilion. Sebagai nisbah kepada jumlah perdagangan E&O juga telah menurun dengan ketara kepada -2.6% pada tahun 2011 berbanding dengan -3.3% pada tahun 2010.

Beberapa langkah konkrit telah diambil untuk menangani masalah dengan keluaran haram dalam bentuk pemindahan dana melalui saluran tidak formal seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 pada Disember 2011 untuk memperkukuh perlindungan daripada perubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram. Akta ini juga akan memperkukuhkan pengemasan memastikan pembangunan industri perkhidmatan perniagaan bertambah kukuh;
- (ii) mempertingkatkan rangka kerja dan penyeliaan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan
- (iii) memperkukuhkan usaha penguatkuasaan untuk mengurangkan pemindahan wang secara haram.

Sehingga kini 92 lesen pengurup wang telah dibatalkan berikutan kegagalan mematuhi pelbagai keperluan yang ditetapkan di bawah undang-undang. Di samping itu kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing juga telah dipertingkatkan bagi tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan. Untuk makluman Yang Berhormat, kes rombongan wang haram yang dilaporkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah seperti berikut:

- (i) dari tahun 2006 hingga Februari 2012 sebanyak 37 syarikat telah disiasat di bawah *Anti-Money Laundering Act* dan *Anti-Terrorism Financing Act 2001*;
- (ii) jumlah hasil yang dibekukan dan dirampas sehingga 9 Mac 2012 ialah sebanyak RM171.83 juta. Sebanyak RM50.6 juta dilepaskan semula berdasarkan arahan Jabatan Peguam Negara dan RM18.6 juta duti atau cukai berjaya dipungut semula oleh JKDM.
- (iii) satu kes telah ditutup. Lima kes masih di peringkat mahkamah dan 31 kes masih di dalam siasatan jabatan; dan
- (iv) kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam 1967 yang disiasat di bawah AMLA melibatkan kesalahan di bawah seksyen 133 iaitu kandungan kesalahan melakukan pengikraran tidak tepat dan memansuhkan dokumen. Seksyen 135 iaitu kandungan penalti ke atas pelbagai kesalahan menyeludup dan seksyen 137 iaitu penalti ke atas kesalahan menerima dan memberi rasuah.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

### **Status Masyarakat Siam Sebagai Bumiputera Dalam Bidang Pendidikan**

#### **8.06 mlm.**

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam ucapan penangguhan. Saya menyampaikan ucapan ini bukan tujuan untuk perkauman tetapi untuk penjelasan kepada kedudukan kaum minoriti iaitu kaum Siam Malaysia.

Walaupun Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berlaku adil terhadap semua bangsa dan keturunan, masyarakat keturunan Siam di Malaysia sebenarnya adalah antara penduduk asal negara ini. Perkara ini boleh dibuktikan berdasarkan fakta sejarah apabila Kerajaan Siam menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Inggeris pada tahun 1909, negeri-negeri di utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan secara rasmi kepada Kerajaan Inggeris. Dengan termeterainya perjanjian Inggeris-Siam itu, maka keempat-empat negeri berkenaan telah menjadi sebahagian daripada negara ini yang ketika itu digelar Tanah Melayu. Dengan itu masyarakat Siam yang menjadi penduduk di negeri-negeri berkenaan secara automatik juga menjadi warganegara Tanah Melayu yang kemudiannya bergelar Malaysia.

Masyarakat Siam menyedari akan perubahan itu namun mereka terus tinggal dan kekal beranak pinak di negara ini hingga ke hari ini. Bahkan mereka kekal taat setia kepada negara ini kerana di sinilah tempat kelahiran mereka dan di sinilah asal usul mereka. Hari ini terdapat lebih kurang 80,000 orang komuniti Siam di seluruh negara. Hampir 95% daripada mereka menetap di empat buah negeri di utara Semenanjung itu manakala sebilangan lagi di Perak dan Selangor. Sejak merdeka lagi majoriti masyarakat Siam sentiasa setia menyokong perjuangan Kerajaan Parti Perikatan dan sekarang Barisan Nasional. Ini terbukti pada Pilihanraya Umum ke-12 yang lalu apabila calon Barisan Nasional yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai majoriti masyarakat Siam telah mencapai kemenangan cemerlang. Misalnya di Kedah iaitu DUN Sungai Tiang, Jitra, Siputih, Bayu, Belantik, Pedu dan Kuala Nerang manakala di Kelantan pula DUN Pengkalan Kubor kita menang.

Kebanyakan anggota masyarakat Siam adalah ahli UMNO. Mereka melabur dalam Amanah Saham Bumiputera dan mengamalkan cara hidup seperti kaum bumiputera yang lain seperti orang Melayu, Kadazan-Dusun, Iban dan masyarakat Portugis Melaka. Pengiktirafan status masyarakat Siam sebagai bumiputera di Malaysia sebenarnya telah dibuat oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hakikatnya, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman sendiri adalah seorang pemimpin yang berdarah keturunan Siam dan kami amat berbangga dengan pencapaian itu. Kami juga amat gembira dan menyanjung tinggi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 25 Februari 2012 mengumumkan bahawa kerajaan mengiktiraf dan memberi

jaminan bahawa masyarakat Siam di negara ini berhak mendapat kemudahan sama seperti golongan bumiputera lain.

■2010

Kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah merungkaikan kemelut dan dilema yang sering menghantui masyarakat Siam khususnya dalam bidang pendidikan. Ini kerana untuk sekian lama kami sering di salah anggap sebagai golongan bukan bumiputera dan dengan itu dinafikan hak sebagai bumiputera seperti dalam urusan pemilihan kemasukan pelajar di IPTA. Hari ini kami diberitahu bahawa kaedah pelaksanaan pemilihan kemasukan pelajar Siam di IPTA masih lagi dibuat berdasarkan syarat dan prosedur sama seperti pelajar keturunan lain iaitu berstatus bukan bumiputera.

Oleh itu saya mewakili masyarakat Siam di negara ini ingin mendapatkan kepastian dan penjelasan secara rasmi daripada kerajaan mengenai status dan kedudukan sebenarnya masyarakat Siam sebagai golongan bumiputera negara ini khususnya di dalam bidang pendidikan. Apakah jaminan bahawa masyarakat Siam di negara ini akan diiktiraf sebagai bumiputera seperti pengumuman oleh Yang Berhormat Perdana Menteri tempoh hari?

Jaminan status bumiputera ini walaupun dalam bentuk secara pentadbiran sahaja akan mengubah nasib dan masa depan anak-anak kami yang juga aset dan modal insan negara. Saya difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa nota Kabinet telah disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan arahan telah dikeluarkan. Jadi saya pohon kalau ada arahan, saya minta sekeping salinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**8.12 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Pun begitu, sistem yang diamalkan sekarang adalah berasaskan kepada prinsip meritokrasi.

Sistem ini memberi layanan yang sama kepada setiap pelajar tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal. Sungguhpun demikian, pelaksanaan dasar yang berkesan diperlukan bagi memastikan tidak ada pelajar yang layak akan terpinggir dari menyertai pengajian tinggi. Justeru, golongan tertentu yang agak ketinggalan dalam arus perdana pengajian tinggi seperti pelajar berketurunan Siam perlu terus dibantu bagi membolehkan mereka menyertai pengajian tinggi untuk kemajuan diri dan meningkatkan taraf hidup masing-masing serta menyumbang kepada kemajuan negara.

Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan turun padang bertemu dengan masyarakat berketurunan Siam pada 25 Februari 2012 di Pendang, Kedah telah menjelaskan bahawa status pelajar-pelajar keturunan Siam bagi kemasukan ke IPTA wajar dipertimbangkan seperti mana bumiputera lain.

Saranan tersebut menyerlahkan lagi keperibadian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat prihatin terhadap golongan rakyat Malaysia berketurunan Siam. Susulan daripada itu, Jemaah Menteri pada 22 Jun 2012 telah bersetuju bahawa kemasukan pelajar ke IPTA bagi pelajar berketurunan Siam dilaksanakan secara pentadbiran tanpa dikaitkan dengan peruntukan perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu, dimaklumkan bahawa semua IPTA telah pun melaksanakan arahan ini dalam urusan kemasukan pelajar ke IPTA bagi lepasan SPM atau setaraf dan lepasan STPM atau setaraf mulai sesi akademik 2012/2013. Ini bermakna pelajar warganegara Malaysia berketurunan Siam sekarang ini layak untuk memohon program pengajian lepasan SPM atau setaraf di peringkat asasi dan diploma, manakala lepasan STPM atau setaraf di peringkat ijazah pertama dalam IPTA yang dikhususkan kepada pelajar bumiputera. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul Penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

#### **8.15 mlm.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Ahli Yang Berhormat, selesailah sudah Dewan kita yang telah bersidang mulai 9 Julai sehingga hari ini 17 Julai 2012. Saya ingin bersama-sama dengan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah diberi kerjasama yang begitu baik dan komitmen yang begitu tinggi untuk sama-sama kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara pada tarikh yang saya sebut sebentar tadi.

Kita telah meluluskan sebanyak lapan rang undang-undang. Saya dapati kualiti, mutu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini cukup membanggakan saya. Saya berharap keadaan ini akan berterusan.

Juga saya ingin merakamkan di sini *alhamdulillah*, syukur pada Allah kerana perjalanan persidangan kita telah berjalan begitu baik tanpa ada apa-apa halangan atau pun yang boleh mencemarkan nama baik Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara, pihak-pihak kementerian khususnya dan sebagai contohnya, pada waktu ini salah seorang Menteri yang berasal daripada seorang Senator iaitu Tan Sri Koh Tsu Koon ada bersama-sama kita. Ini melambangkan bahawa saya menyarankan kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjawat sebagai Senator itu turut sama-sama hadir bersama-sama kita sebagai menghormati Dewan yang bersidang hanya tiga kali setahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapati semua Ahli Yang Berhormat telah begitu serius, prihatin untuk menentukan, melibatkan diri secara komited dalam semua perjalanan Dewan sama ada soal lisan atau pun membahaskan rang undang-undang termasuklah juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah.

Ini satu petanda yang amat baik dan saya harap juga Ahli Yang Berhormat di waktu terakhir ini pun, di waktu kita bersidang di waktu ini Yang Berhormat semua masih berada di dalam Dewan. Kepada yang tidak ada, pandang-pandanglah kiri kanan, siapa yang tidak ada itu lain kali suruh dia tunggu sampai habis.

Saya juga ingin menyatakan di sini Ahli Yang Berhormat, saya tidak tahu bila Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU-13). Yang tahu hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja tetapi saya rasa demam pilihan raya ini berada di mana-mana termasuk juga di dalam Dewan yang mulia ini. Ini kerana kemungkinan juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyertai dalam pilihan raya yang ketiga belas nanti. Kepada mereka, sama ada pembangkang ataupun dalam kerajaan, saya mendoakan Yang Berhormat selamat maju jaya, selamat bertanding dalam pilihan raya ketiga belas yang akan datang.

Juga beberapa hari lagi kita masuklah bulan Ramadhan Al-Mubarak. Kita orang Islam akan berpuasa. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat berpuasa dan juga akhirnya bulan puasa akan menjelang pula Hari Raya Aidilfitri. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Seterusnya kepada ahli-ahli yang bersara, saya cukup kagum dan ingin merakamkan di sini sungguhpun kita sudah raikan tengah hari tadi. Contohnya Yang Berhormat Lee Cheam Choon dan Dato' Azian, masih ada lagi dalam Dewan... [*Tepuk*] Saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada dua wakil kita ini.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan di sini – semua Ahli Yang Berhormat akan kembali ke rumah masing-masing di seluruh negara. Dalam perjalanan itu saya mendoakan selamat jalan, selamat kembali ke pangkuan keluarga dan berhati-hatilah dalam perjalanan. *Insyaa-Allah* tuan-tuan, Yang Berhormat semua akan kita berjumpa lagi di masa-masa yang akan datang.

Dengan lafaz itu, selesailah sudah mesyuarat Dewan ini hari ini dan akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Sekian, *wabillaahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam.***